



PARLIMEN KELIMA BELAS

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

TINDAKAN SUSULAN LEMBAGA PEMBANGUNAN
LANGKAWI DAN KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC
PARLIMEN BERHUBUNG

PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(DR.4/2024)

DR. 19 TAHUN 2024




AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

- | | |
|---|--|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] | <i>-Pengerusi</i> |
| 2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang] | <i>-Naib Pengerusi</i> |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi] | |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] | |
| 5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah] | |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin] | |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] | |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju] | |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong] | |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam] | |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] | |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik] | |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok] | |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] | |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | <i>-Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat</i> |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC

(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



MUKA SURAT 2 - 3

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 3 - 16

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 17 - 31

**TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC
PARLIMEN**

MUKA SURAT 31

PENUTUP

JAWAPAN BERTULIS

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

KANDUNGAN



**LAPORAN TINDAKAN
SUSULAN BERHUBUNG
PENGURUSAN
PEMBANGUNAN
HARTANAH LEMBAGA
PEMBANGUNAN
LANGKAWI**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**

**BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA
PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pengauditan 2018 hingga 2022 terhadap prestasi pembangunan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun LADA, harta tanah pelaburan dan projek pelaburan swasta adalah meliputi keluasan tanah LADA dengan anggaran sebanyak 1.9 peratus daripada keluasan keseluruhan Langkawi. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan (Jilid 1) melaporkan hasil pengauditan tersebut bagi tempoh 2018 hingga 2022.
- 1.2 LKAN Tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan (Jilid 1) mendedahkan bahawa pengurusan pembangunan harta tanah LADA secara keseluruhannya belum mencapai prestasi yang memuaskan kerana sebilangan projek pembangunan dan pelaburan swasta tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan dan pulangan hasil tidak mencapai sasaran keberhasilan. Selain itu, kelemahan dalam pengurusan pajakan tanah telah menyebabkan kegagalan kutipan hasil dan mendedahkan kepada risiko kehilangan tanah.
- 1.3 Antara isu utama yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut:
 - i. terdapat Projek Pembangunan LADA dan projek pelaburan swasta yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan;
 - ii. hanya satu (1) daripada 19 cadangan konsep pembangunan Pelan Induk Pembangunan Tanah LADA 2016 – 2030 (MasPlan) telah dimeterai perjanjian; dan
 - iii. daripada sudut pengurusan aktiviti pembangunan harta tanah, berlaku kelemahan dalam pengurusan pajakan tanah yang memberi kesan kepada kutipan hasil tidak dapat diperolehi dan risiko kehilangan tanah.
- 1.4 Atas sebab itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parliment telah membincangkan isu ini melalui Prosiding Bil. 7/2023 dan Prosiding Bil. 7(a)/2023 pada 30 November 2023, serta Prosiding Bil. 7(b)/2023 pada 13 Disember 2023 yang bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut garis panduan serta prosedur yang ditetapkan Kerajaan dan

Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA tersebut (DR.4/2024) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 19 Mac 2024.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 PAC telah membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR.4/2024) bertajuk Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi di bawah Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kementerian Kewangan Malaysia (DR.4/2024) pada 19 Mac 2024.
- 2.2 Dalam laporan berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan lima (5) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOF dan LADA iaitu:
 - i. MOF dan LADA perlu mengambil tindakan segera bagi memuktamadkan status tanah supaya perjanjian pajakan dapat diselesaikan sekali gus membolehkan LADA mengutip nilai pajakan sebanyak RM3.19 juta.
 - ii. MOF perlu mengemukakan pelan penyelamatan komprehensif Hotel St. Regis Langkawi kepada PAC yang merangkumi penstrukturkan semula hutang, pengurusan perhotelan dan way forward hotel berkenaan selain status Tetuan Deloitte selaku *Receiver and Manager* (R&M).
 - iii. LADA perlu meningkatkan tahap kompetensi pengurusan projek-projek yang sedang dilaksanakan agar dapat disiapkan mengikut garis masa, kualiti dan pulangan seperti yang disasarkan.
 - iv. LADA perlu memastikan segala perancangan pembangunan dan promosi pelancongan pada masa akan datang ditadbir urus dengan baik supaya Langkawi kekal menjadi destinasi pelancongan bertaraf dunia.
 - v. MOF perlu lebih efektif dalam memantau dan mengawal selia syarikat-syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] supaya tidak berlaku kecuaian yang boleh menjelaskan kepentingan Kerajaan. MOF juga perlu sentiasa memastikan syarikat-syarikat MKD mampu menjana keuntungan dan berfungsi selaras dengan asas penubuhan syarikat.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)*

- 2.3 Berdasarkan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), tindakan susulan perlu diambil oleh MOF dan LADA selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 2.4 MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim terhadap Syor-syor Laporan PAC berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA kepada PAC pada 18 April 2024. Seterusnya, MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal terhadap Syor-syor Laporan PAC tersebut pada 6 Jun 2024.
- 2.5 Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA di bawah MOF dan LADA pada 12 Jun 2024 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:
 - i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
 - ii. Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
 - iii. Seksyen 5 (3)(b), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.
- 2.6 Dalam memastikan syor-syor PAC dipatuhi, satu Lawatan Kerja telah diadakan pada 11 Jun 2024 bagi melihat perkembangan terkini bagi tindakan-tindakan yang telah diambil oleh MOF dan LADA terhadap syor-syor Jawatankuasa ini dalam Laporan PAC berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA.
- 2.7 Berikut adalah kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil MOF dan LADA terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA (DR. 4/2024) seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	19 Mac 2024/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)*

2.	18 April 2024	Laporan Tindakan Susulan Interim - Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi di bawah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (DR. 4/2024) telah dikemukakan oleh MOF.
3.	30-31 Mei 2024	Lawatan Verifikasi terhadap Tindakan Susulan yang diambil MOF dan LADA.
4.	6 Jun 2024	Laporan Tindakan Susulan Muktamad - Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi di bawah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (DR. 4/2024) telah dikemukakan oleh MOF.
5.	11 Jun 2024	Lawatan Kerja PAC bagi melihat perkembangan terkini bagi tindakan-tindakan yang telah diambil oleh MOF dan LADA terhadap syor-syor PAC.
6.	12 Jun 2024/ 10.00 pagi	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 4/2024) Saksi: i. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) - YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) ii. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) - YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif

3. LAWATAN VERIFIKASI MOF TERHADAP TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL

- 3.1 Berdasarkan Perkara 304(b) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), MOF bersama Sekretariat PAC telah mengadakan Lawatan Verifikasi terhadap tindakan susulan yang diambil LADA terhadap enam (6) lokasi di Pulau Langkawi bagi memastikan syor-syor PAC dipatuhi.
- 3.2 Sesi lawatan verifikasi ini melibatkan penyertaan pegawai daripada MOF, LADA dan Sekretariat PAC dengan mengadakan lawatan fizikal dan temu ramah dengan pihak yang berkaitan seperti berikut:
 - a. Lawatan verifikasi pada 30 Mei 2024:
 - i. Projek Hotel St. Regis, Langkawi; dan
 - ii. Projek Perkampungan Tok Senik Resort.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)*

- b. Lawatan verifikasi pada 31 Mei 2024:
- i. Projek The Burau;
 - ii. Projek Membina Baharu Jambatan Sungai Perangin, Oriental Village;
 - iii. Projek Langkawi City (Menara MAHA); dan
 - iv. Projek Membaik Pulih dan Menaik Taraf Jeti Pelancongan Kuah.
- 3.3 Secara keseluruhannya, didapati bahawa pihak LADA telah mengambil tindakan sewajarnya dan sedang melaksanakan penambahbaikan secara berterusan berdasarkan kepada syor-syor PAC serta *lesson learnt* hasil daripada proses yang telah dilalui bersama pihak PAC dan Jabatan Audit Negara (JAN) terutamanya dalam memperketatkan terma dan syarat bagi projek pembangunan swasta serta meningkatkan pemantauan bagi menjamin kepentingan LADA dan Kerajaan terus terpelihara.

4. LAWATAN KERJA PAC KE LANGKAWI

- 4.1 PAC Parlimen dengan kerjasama MOF dan LADA telah mengaturkan satu Lawatan Kerja pada 11 Jun 2024 bagi membolehkan PAC meninjau dan melihat perkembangan terkini tindakan-tindakan yang telah diambil oleh MOF dan LADA terhadap syor-syor PAC dalam Laporan PAC berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA yang telah dibentangkan di Parlimen pada 19 Mac 2024.

- 4.2 Lawatan tersebut telah disertai oleh ahli delegasi seperti berikut:

BIL.	DELEGASI
1.	<p>PAC PARLIMEN:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin (Pengerusi)ii. Pn. Wong Shu Qi (Naib Pengerusi)iii. Dato' Mohd. Isam bin Mohd Isaiv. Tn. Sim Tze Tzinv. Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begrivi. Datuk Ali Anak Bijuvii. Dr. Hjh. Halimah binti Aliviii. Puan Vivian Wong Shir Yeeix. Dato' Adnan bin Hassanx. Tuan Ts. Zahir bin Hasanxi. Dato' Wira Ku Abd. Rahman bin Ku Ismail

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
 TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
 BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
 PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)

2.	KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF): i. En. Zainuddin bin Suleiman ii. En. Azize bin Taib iii. En. Nurul Allbiirr bin Nordin
3.	JABATAN AUDIT NEGARA (JAN): i. En. Mohd Shahril bin Yahya ii. Pn. Haniza binti Mohamad
4.	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM): i. En. Izham bin Ibrahim ii. En. Mohd Syafiq bin Mazlan
5.	KEMENTERIAN EKONOMI (KE): i. Pn. Rozalinawati binti Che Roslee
6.	JABATAN AKAUNTAN NEGARA (JANM): i. En. Mohd Sabree bin Yaakub
7.	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA): i. Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh
8.	JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC): i. Tn. Zawawi bin Ghazali
9.	SEKRETARIAT PAC: i. En. Ahmad Johan bin Mohd. Affandi ii. Pn. Aidahanie binti Baharuddin iii. Pn. Siti Noor Akmar binti Zulkafli iv. En. Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli v. En. Amirul Ashyraaf bin Zulkifle

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)**

4.3 Lokasi yang telah dilawati adalah seperti berikut:

- i. **Projek Perkampungan Tok Senik Resort:** Kampung Tok Senik Resort berkonsepkan perkampungan Melayu Tradisional dengan keseluruhan kawasan merangkumi 15.4 hektar (38 ekar) yang diuruskan oleh Syarikat Kampung Tok Senik Resort Sdn. Bhd. (KTSR). Projek pembangunan Kampung Tok Senik Resort melibatkan Syor PAC nombor 3.



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)**

- ii. **Oriental Village (Taman Georimba Kambria Machinchang):** Taman Georimba Kambria Machinchang terletak di barat laut Pulau Langkawi. Produk pelancongan Langkawi yang terdapat di sini meliputi produk kereta kabel yang diuruskan oleh anak syarikat LADA manakala projek Eagle's Nest adalah produk pelancongan baharu terletak di atas Gunung Machinchang pada ketinggian 645 meter di atas paras laut dan merupakan jambatan kaca terpanjang di dunia yang mula beroperasi pada awal tahun 2024. Produk pelancongan Kereta Kabel dan Eagle's Nest melibatkan Syor PAC nombor 4.



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)**

- iii. **Hotel St. Regis:** Hotel St. Regis yang mula beroperasi pada tahun 2015 telah menawarkan tempat percutian mewah bertaraf lima bintang di Langkawi. Produk pembangunan dan pelancongan Hotel St. Regis melibatkan Syor PAC nombor 1, 2 dan 5.



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)**

- iv. **Jeti Pelancongan Kuah (JPK):** JPK merupakan salah satu jeti penumpang yang digunakan untuk pelancong ke Pulau Tuba & Pulau Dayang Bunting serta lain-lain tempat pelancongan berdasarkan *island-hopping*. Jeti ini dibina pada tahun 2002 oleh LADA dan telah dinaiktaraf pada tahun 2022/ 2023. Projek naik taraf jeti ini dilaksanakan secara konvensional perunding dengan kos naik taraf lebih kurang RM7 juta. Jeti ini telah mendapat CCC pada 28 April 2024. Projek pembangunan JPK melibatkan Syor PAC nombor 3.



*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)*

- v. **Projek Langkawi City (Menara MAHA):** Projek Langkawi City merupakan salah satu projek pelaburan swasta LADA bersama pihak syarikat. Keseluruhan fasa pembangunan dijangka siap pada tahun 2028. Projek pembangunan Langkawi City melibatkan Syor PAC nombor 3 dan 4.



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)**

- vi. **Projek Langkawi Eco Resort dan Eco Adventure Park:** LADA telah menjalankan usaha sama dengan Syarikat Chenang Prima Resort Sdn. Bhd. (CPRSB) bagi Projek cadangan Pembangunan ‘Langkawi Eco Resort dan Eco Adventure Park’ di Kuala Sungai Melaka, yang meliputi pembangunan beberapa buah kemudahan seperti villa dengan kolam renang peribadi, restoran, dewan bankuet, kawasan pasar terapung dan beberapa lagi kemudahan pelancongan yang lain. Produk pembangunan dan pelancongan Eco Resort melibatkan Syor PAC nombor 3 dan 4.




**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)**

- vii. **Dream Forest Langkawi:** Dream Forest Langkawi merupakan tarikan baru yang unik dengan menawarkan pengalaman pengembalaan interaktif berkenaan sejarah Langkawi menggunakan kecanggihan teknologi pelbagai deria, unjuran peta, pencahayaan dan bunyi yang memukau kepada pengunjung di waktu malam. Produk pelancongan Dream Forest melibatkan Syor PAC nombor 4.
- viii. **Kilim Kars Geoforest Park – Kilim Mangrove Tour:** Terletak di timur Langkawi, Taman Georimba Kars Kilim adalah yang terbesar daripada tiga (3) taman georimba, dinamakan sempena sungai yang mengalir melaluinya, dan lapisan batuan yang mendominasi. Produk pelancongan Kilim Mangrove Tour melibatkan Syor PAC nombor 4.





- 4.4 Melalui lawatan kerja tersebut, PAC telah diberi taklimat dan penerangan oleh wakil LADA berhubung projek-projek sama ada yang sedang dilaksanakan atau dirancang LADA. PAC turut diperkenalkan dengan produk-produk pelancongan di Pulau Langkawi yang menjadi tarikan pelancong untuk mengunjungi pulau tersebut.
- 4.5 PAC mengambil maklum usaha positif yang diambil MOF dan LADA bagi memastikan Langkawi terus menjadi destinasi geo-pelancongan (*geotourism*) utama di rantau ini sekaligus menjadi tumpuan pelancong dunia.



**TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC BAGI
(DR.4/2024)**

5. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 4/2024)

5.1 Syor 1: MOF dan LADA perlu mengambil tindakan segera bagi memuktamadkan status tanah supaya perjanjian pajakan dapat diselesaikan sekali gus membolehkan LADA mengutip nilai pajakan sebanyak RM3.19 juta.

Maklum Balas MOF dan LADA:

- 5.1.1 MOF dan LADA telah melaksanakan usaha bagi memuktamadkan perjanjian pajakan supaya isu pajakan tanah dapat diselesaikan lanjutan daripada penemuan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 serta Mesyuarat Prosiding PAC pada 30 November 2023 dan 13 Disember 2023 berkenaan Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA.
- 5.1.2 Sesi rundingan bersama pihak berkepentingan termasuk Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan *Receiver and Manager* (R&M) bagi Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. (INR) iaitu daripada Deloitte Restructuring Services PLT (Deloitte) telah diadakan pada 2 Februari 2024 bagi meneliti cadangan pindaan kepada draf Perjanjian Pemegang Saham [*Shareholders Agreement* (SHA)] agar dapat dimuktamadkan. Mesyuarat tersebut juga telah memutuskan supaya terma-terma dalam SHA dipinda dan perlu dipersetujui oleh pemegang saham serta memuktamadkan Perjanjian Pajakan [*Lease Agreement* (LA)] antara INR dan LADA. Pihak MOF telah menyelaras maklum balas dan mendapatkan persetujuan daripada semua pemegang saham supaya dapat memuktamadkan LA dan pindaan SHA tersebut.
- 5.1.3 Cadangan tersebut kemudiannya telah diangkat untuk pertimbangan dan persetujuan Ahli Lembaga Pengarah masing-masing. Selain itu, perkara ini juga telah dimaklumkan kepada pihak pemegang saham iaitu Eagle Cove Sdn. Bhd. (bagi pihak Rajawali Corpora) untuk persetujuan/maklum balas lanjut.
- 5.1.4 MOF telah mengeluarkan surat pada 21 Februari 2024 untuk mendapat persetujuan bertulis daripada semua pemegang saham INR iaitu Eagle Cove Sdn. Bhd. (bagi pihak Rajawali Corpora), Twin Eagle Ventures Sdn. Bhd.

(bagi pihak MKD) dan International Eagle Resources Sdn. Bhd. (bagi pihak LADA) mengenai keputusan mesyuarat pada 2 Februari 2024.

- 5.1.5 Perjanjian pindaan SHA dan LA ditandatangani pada 10 Jun 2024. Berdasarkan perjanjian berkenaan, tunggakan pajakan akan dibayar dalam tempoh enam (6) bulan selepas perjanjian ditandatangani.

Ulasan PAC:

MOF dan LADA perlu memastikan perjanjian pajakan tanah dan pindaan perjanjian pemegang saham antara INR Sdn. Bhd., MKD dan LADA dipatuhi. Selain itu, MOF perlu segera memastikan tunggakan pajakan tanah dibayar dalam tempoh enam (6) bulan selepas perjanjian ditandatangani.

- 5.2 **Syor 2: MOF perlu mengemukakan pelan penyelamatan komprehensif Hotel St. Regis Langkawi kepada PAC yang merangkumi penstrukturkan semula hutang, pengurusan perhotelan dan *way forward* hotel berkenaan selain status Tetuan Deloitte selaku *Receiver and Manager (R&M)*.**

Maklum Balas MOF:

A. Penstrukturkan Semula Hutang

- 5.2.1 Pelan penyelamatan komprehensif telah dirancang sebelum ini iaitu yang melibatkan penyelesaian perjanjian pajakan tanah antara INR dan LADA, penstrukturkan semula hutang INR dengan BPMB dan Kerajaan serta cadangan *divestment* Hotel St. Regis Langkawi.
- 5.2.2 Pada Februari 2019, MOF telah bersetuju supaya perkara ini dilaksanakan. Berdasarkan mandat yang telah diberikan, pihak INR telah merancang untuk melaksanakan *divestment* Hotel St. Regis. Bagi tujuan ini, INR juga turut diberi mandat untuk melantik agen bertauliah bagi memastikan proses penjualan saham dan/atau aset adalah teratur dan dapat memberikan pulangan maksimum kepada Kerajaan dan pemegang saham.

- 5.2.3 Walau bagaimanapun, proses ini tergendala berikutan gejala COVID-19 dan perjanjian pajakan tanah yang belum ditandatangani sebelum ini menyukarkan usaha meyakinkan pelabur berpotensi.
- 5.2.4 Memandangkan perjanjian pajakan tanah dan pindaan perjanjian pemegang saham telah ditandatangani pada 10 Jun 2024, pelan pemulihan yang dirancang sebelum ini akan diteroka dan dilaksanakan semula yang melibatkan aspek penjualan aset dan/atau saham INR kepada pelabur berminat dan/atau penstrukturkan semula hutang INR.

B. Pengurusan Perhotelan

- 5.2.5 Hotel St. Regis Langkawi diuruskan oleh pihak Marriott. Walau bagaimanapun, di peringkat syarikat INR, pengurusan pentadbiran INR dan Hotel St Regis Langkawi telah ditambah baik selepas pelantikan Tetuan Deloitte sebagai R&M oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) yang memantau pelaksanaan operasi hotel oleh Marriott.
- 5.2.6 Sebagai langkah pemuliharaan dan peningkatan nilai aset Kerajaan, Tetuan Deloitte selaku R&M telah bekerjasama dengan Marriott dan INR bagi membaik pulih bangunan dan pengoperasian Hotel St Regis Langkawi. Usaha ini telah meningkatkan kadar penginapan (*occupancy rate*) hotel dan sekali gus menjana hasil yang lebih baik bagi hotel tersebut seterusnya menambah baik aliran tunainya.

C. *Way Forward* Pengurusan Hotel dan R&M

- 5.2.7 INR akan memulakan rundingan dengan pihak BPMB dan R&M untuk pelan pemulihan yang komprehensif yang melibatkan aspek penjualan aset dan/atau saham INR kepada pelabur berminat dan/atau penstrukturkan semula pinjaman INR dengan BPMB. Pelan pemulihan ini akan menyebabkan kedudukan kewangan INR lebih berdaya tahan dan kemampuan INR untuk membayar semula obligasi pinjaman dengan BPMB akan bertambah baik.
- 5.2.8 Peranan Tetuan Deloitte selaku R&M akan ditamatkan setelah bayaran pinjaman telah dapat dilunaskan melalui penjualan aset dan/atau penstrukturkan semula hutang.

Ulasan PAC:

MOF perlu komited dalam memastikan pelan pemulihan bagi Hotel St. Regis yang dirancang dilaksanakan dengan sebaiknya bagi tujuan memberikan pulangan maksimum kepada Kerajaan dan pemegang saham. Rundingan mengenai pelan pemulihan komprehensif yang telah dimulakan pihak INR Sdn. Bhd. dengan pihak BPMB dan R&M perlu segera dimuktamadkan bagi memastikan bayaran pinjaman INR Sdn. Bhd. dapat dilunaskan.

Lanjutan daripada syor kedua PAC, pemegang saham INR telah memuktamadkan perjanjian pada 10 Jun 2024 iaitu sehari sebelum lawatan kerja PAC ke Langkawi.

5.3 Syor 3: LADA perlu meningkatkan tahap kompetensi pengurusan projek-projek yang sedang dilaksanakan agar dapat disiapkan mengikut garis masa, kualiti dan pulangan seperti yang disasarkan.

Maklum Balas LADA:

5.3.1 LADA sentiasa memberi komitmen padu dan berusaha sepenuhnya untuk memastikan projek pembangunan dan pelaburan swasta dapat disiapkan mengikut garis masa, kualiti dan pulangan seperti yang disasarkan.

5.3.2 Antara usaha dan tindakan yang dilaksanakan termasuk:

a. Penambahbaikan Dasar dan Prosedur

i. Dasar Strategik Pelaburan dan Pengurusan Aset

- LADA telah berkecimpung dalam bidang pelaburan di Langkawi sejak penubuhannya pada tahun 1990. Bagaimanapun, sejak penubuhannya, urus niaga/model pelaburan yang dilaksanakan tidak mempunyai garis panduan dan kriteria yang jelas berkaitan prosedur atau panduan pemilihan pelabur dan model pelaburan yang digunakan.
- Pada tahun 2015, LADA mewujudkan Dasar Strategik Pajakan dan Pengurusan Aset LADA. Dasar ini telah menggariskan dua (2) kaedah pelaburan iaitu pajakan serta pengurusan dan operasi [manage and

operate (M&O)]. Setelah mengambil kira isu berbangkit dalam pelaksanaan kaedah pelaburan ini, situasi ekonomi semasa dan faktor lain, dasar pelaburan ini telah ditambah baik dan kemas kini semula pada tahun 2022. Ia diterbitkan dalam Dasar Strategik Pelaburan dan Pengurusan Aset (DSPPA) 2022 - 2030.

- DSPPA Tahun 2022 memperincikan kaedah pengurusan dan penilaian projek pelaburan swasta dengan kriteria yang lebih jelas berkaitan terma dan syarat utama model pelaburan yang digunakan. Sebanyak enam (6) model pelaburan yang diguna pakai oleh LADA bagi projek pelaburan swasta seperti rajah berikut:



- Sehingga kini, LADA memiliki tanah dengan keluasan 2,207.708 ekar tanah di sekitar Langkawi. Tanah-tanah milik LADA ini telah terlibat dengan pelbagai urusniaga/ model pelaburan seperti pajakan, sewaan, M&O, joint venture dan lain-lain.
- Dengan adanya DSPPA 2022-2030, kaedah pelaksanaan pelaburan adalah lebih sistematik dan berkesan dalam memberi pulangan yang terbaik kepada LADA.

ii. Manual Kualiti LADA (MS ISO 9001:2015)

- LADA telah memperoleh sijil ISO yang terkini pada September 2023. Sebanyak lapan (8) prosedur yang dinilai adalah berkaitan dengan prosedur pengurusan projek pembangunan dan pelaburan swasta. Antaranya, prosedur Pengurusan Projek Pembangunan, Pengurusan Pelaburan dan Pemantauan Projek Pelaburan.

- Sehingga kini, prosedur berkenaan telah dipatuhi dan tiada ketidakpatuhan berlaku apabila diaudit pihak SIRIM Berhad. Penambahbaikan juga dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya relevan dengan situasi semasa.

b. Perancangan Pelan Kompetensi

- i. Pelan Operasi Latihan (POL) dirangka, disediakan dan dilaksanakan secara tahunan bagi meningkatkan kompetensi keseluruhan pegawai dan kakitangan LADA.
- ii. LADA turut menggalakkan pegawai dan kakitangan meningkatkan kompetensi melalui persijilan dan penglibatan dalam Program Pembangunan Eksekutif [*Executive Development Programme (EDP)*] di luar negara. Sepanjang tahun 2021-2024, LADA telah menghantar sebanyak tujuh (7) pegawai bagi menyertai program EDP di luar negara khususnya berkaitan perancangan dan pembangunan serta pengurusan aset.
- iii. LADA juga berusaha untuk meningkatkan bilangan pegawai profesional bertauliah dalam bidang perancangan, pembangunan dan pengurusan projek. Sehingga kini, LADA mempunyai enam (6) pegawai yang diiktiraf sebagai profesional bertauliah dalam bidang perancangan, pembangunan dan pengurusan projek.
- iv. Selain itu, LADA turut mendapat sokongan teknikal dan kepakaran daripada agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran dalam menguruskan pelaksanaan projek pembangunan.

c. Pemantauan Projek Pembangunan dan Pelaburan Swasta

i. Pemantauan Projek Pembangunan

- Di peringkat pelaksanaan projek pembangunan, pemantauan dilaksanakan secara berkala melalui mesyuarat tapak, Mesyuarat Pemantauan Projek dan Penyampaian LADA serta lawatan tapak. Dalam mesyuarat dan lawatan tapak yang diadakan, pemilik dan pelaksana projek serta pegawai yang berkaitan akan turut terlibat.

- Pemantauan projek pembangunan turut dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian dan Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian di MOF.
- Inisiatif Lawatan Turun Padang oleh YB Menteri Kewangan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan ke tapak projek-projek pembangunan LADA, dengan tumpuan kepada projek berstatus lewat jadual dan projek bermasalah.
- Dengan pelaksanaan pemantauan yang berterusan, sehingga kini, semua projek pembangunan LADA adalah mengikut jadual yang dirancang.

ii. Pemantauan Projek Pelaburan Swasta

- Bagi projek pelaburan swasta pula, pemantauan dilaksanakan melalui Mesyuarat Pemantauan Projek Pelaburan LADA bersama pihak syarikat yang diaturkan setiap dua (2) bulan berserta lawatan tapak.
- Selain itu, di peringkat pengurusan LADA pula, pemantauan turut dilaksanakan melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi LADA dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pelaburan LADA. Laporan pemantauan projek pelaburan swasta juga turut dibentangkan status kemajuannya secara berkala kepada Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pelaburan LADA.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum inisiatif yang telah dilaksanakan LADA dalam menambahbaik garis panduan dan prosedur berkaitan dengan projek-projek di bawah LADA. LADA hendaklah sentiasa komited dan proaktif dalam memantau pelaksanaan setiap projek pembangunan menerusi penambahbaikan dasar dan prosedur yang telah dibuat bagi memastikan kualiti serta mencapai kemajuan projek seperti dijadualkan.

PAC juga mengambil maklum terhadap opsyen-opsyen yang pihak MOF sedang pertimbangkan terhadap hala tuju projek Perkampungan Tok Senik Resort seperti yang telah dibentangkan semasa lawatan kerja dan prosiding. MOF hendaklah

memastikan tindakan yang akan dilaksanakan tersebut tidak akan melibatkan implikasi kewangan dan perundangan di pihak Kerajaan.

PAC berpandangan pengurusan Jeti Pelancongan Kuah perlu diuruskan sendiri oleh LADA atau melalui anak syarikatnya iaitu Langsura Geopark Sdn. Bhd. memandangkan peruntukan pembinaan jeti ini datang daripada peruntukan Kerajaan.

5.4 Syor 4: LADA perlu memastikan segala perancangan pembangunan dan promosi pelancongan pada masa akan datang ditadbir urus dengan baik supaya Langkawi kekal menjadi destinasi pelancongan bertaraf dunia.

Maklum Balas LADA:

5.4.1 Bagi memastikan Langkawi kekal sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia, inisiatif dan program yang telah dan sedang dilaksanakan termasuk:

a. Pelan Induk Perancangan Tanah-tanah LADA 2016 – 2030

- i. Pada tahun 2015, LADA telah menyediakan satu Pelan Induk Perancangan Tanah-tanah LADA 2016-2030 (MASPLAN). Pelan ini bertujuan untuk menentukan hala tuju pembangunan tanah-tanah kosong milik LADA. MASPLAN ini juga selari dengan Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030.
- ii. Bagi memastikan perancangan pembangunan kekal relevan selaras dengan situasi semasa, MASPLAN ditambah baik pada tahun 2024. Perancangan pembangunan dalam pelan ini telah ditambah baik dengan pengemaskinian lokasi dan konsep pembangunan yang melibatkan 20 lokasi tanah seluas 691.02 ekar. Penambahbaikan dilaksanakan dengan mengambil kira *trend* permintaan daripada pelabur, *trend* dan unjuran berdasarkan skim pembangunan pasaran terkini, perolehan tanah baharu oleh LADA, serta stok tanah sedia ada yang dahulunya kurang berpotensi untuk pembangunan.

- iii. MASPLAN menjadi panduan kepada pembangunan akan datang di tanah LADA supaya selaras dengan visi dan misi yang ditetapkan oleh LADA.

b. Garis Panduan Pembangunan Tanah-tanah Pasif Milik LADA

- i. Selain daripada MASPLAN, pihak LADA juga mewujudkan Garis Panduan Pembangunan Tanah-tanah Pasif Milik LADA. Garis panduan ini bertujuan sebagai rujukan dan panduan dalam pembangunan tanah berskala kecil, keperluan modal yang terhad, syarat-syarat pembangunan yang fleksibel serta memberi manfaat kepada komuniti Langkawi. Ini membolehkan pelaksanaan pembangunan tanah berskala kecil dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan teratur.

c. Cadangan Blueprint Langkawi (2025-2030)

- i. Selain itu, LADA juga sedang menyediakan Blueprint Langkawi (2025-2030) yang akan diselaraskan dengan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Langkawi 2030 (Penggantian) dan akan melibatkan pelbagai pihak termasuk agensi persekutuan, Kerajaan Negeri, ketua komuniti, Persatuan Bukan Kerajaan (NGO), swasta dan kumpulan pakar. Rangka dasar Blueprint Langkawi (2025-2030) telah dibincangkan dalam Mesyuarat Khas Panel Penasihat Pelaburan LADA pada 23 Oktober 2023.

d. Pelan Pengurusan Langkawi UNESCO Global Geopark 2024-2028

- i. Langkawi telah diisytiharkan sebagai UNESCO Global Geopark pada tahun 2007 sebagai geopark global pertama di Asia Tenggara. Sejak itu, industri pelancongan Langkawi berkembang pesat dan menjadi pemacu utama kepada pelabur dan komuniti setempat.
- ii. Bagi mengekalkan pengiktirafan ini, Pelan Pengurusan Langkawi UNESCO Global Geopark 2024-2028 disediakan sebagai panduan bagi memperkasakan pelaksanaan program dan projek geopark bagi tempoh 5 tahun akan datang.

e. Perancangan Acara dan Promosi

- i. Pelbagai perancangan promosi di peringkat domestik dan antarabangsa dilaksanakan bagi menarik minat pelancong untuk datang ke Langkawi dan terus mekar sebagai destinasi pilihan utama.
- ii. Penganjuran acara juga dikenal pasti sebagai pemangkin dan nilai tambah ekonomi serta menyumbang kepada peningkatan pendapatan kepada penduduk Langkawi selain pendedahan media yang tinggi (*high media value*).
- iii. Antara program/ aktiviti yang dilaksanakan bagi menyokong visi dan misi LADA adalah:
 - Mengenal pasti dan membuat perolehan slot pengiklanan menerusi media cetak, elektronik dan digital;
 - Berkongsi maklumat dan mempromosikan perkhidmatan, pakej/produk pelancongan menarik di Langkawi melalui platform media sosial;
 - Bekerjasama dengan *Key Social Media Influencers/ Key Opinion Leaders* yang aktif di pasaran domestik dan antarabangsa;
 - Menggunakan jenama UNESCO Global Geopark sebagai platform untuk mempromosikan Langkawi;
 - Melaksanakan usaha sama atau pakatan pintar bersama penggiat industri pelancongan Langkawi dalam membangunkan produk/pakej pelancongan;
 - Bertindak sebagai pemudah cara dan menghubungkan agensi-agensi Kerajaan di daerah Langkawi dengan penggiat industri pelancongan dan produk pelancongan;
 - Menganjur dan menyelaras program suai kenal (*Familiarisation Trip - fam trip*) bersama penggiat industri, pihak media dan wartawan/media pelancongan; dan
 - Menyertai dan menganjurkan acara promosi domestik, pameran utama pelancongan antarabangsa, jerayawara, misi jualan pelancongan atau padanan perniagaan bersama penggiat industri

pelancongan.

- iv. Selain itu, LADA sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Tourism Malaysia bagi mencapai visi ini.

f. Insentif Pelancongan

- i. Bagi menggiatkan lagi usaha kemasukan pelancong, pelbagai insentif turut disediakan bagi segmen *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE), penerbangan sewa khas dan laluan baharu ke Langkawi, penganjuran acara pelancongan dan *fam trip*.
- ii. Insentif MICE diperkenalkan bagi menarik minat syarikat korporat, persatuan, jabatan kerajaan dan lain-lain untuk mengadakan MICE di Langkawi. Penganjur yang membawa masuk sekurang-kurangnya 150 orang dan menginap selama tiga (3) malam melayakkan penganjur untuk memohon salah satu insentif seperti dalam rajah berikut:



- iii. Insentif penerbangan diperkenalkan untuk menarik syarikat penerbangan supaya mengadakan laluan baharu atau menambahkan kekerapan penerbangan ke Langkawi. Contohnya, laluan baharu penerbangan terus ke Langkawi oleh FlyDubai sebanyak tujuh (7) kali penerbangan seminggu mulai 10 Februari 2024. Pada 5 Mac 2024, LADA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama syarikat agensi pengembaraan dari Poland iaitu ITAKA untuk mengadakan penerbangan sewa khas dari Warsaw ke Langkawi.

- iv. Sebanyak 35 acara telah dirancang pada tahun 2024. Sehingga Jun 2024, LADA telah terlibat dalam 14 acara sama ada sebagai pemudah cara ataupun pemberian insentif penganjuran acara seperti penyediaan lokasi penganjuran acara.
 - v. LADA juga menjadi pemudah cara bagi insentif *fam trip* yang melibatkan media, *Key Social Media Influencers/ Key Opinion Leaders* dan pemain industri.
- 5.4.2 Tahun 2023 melabuhkan tirai dengan melakar kejayaan Langkawi dan juga LADA dengan penerimaan lapan (8) pengiktirafan dari badan dan pertubuhan NGO serta media. Antara anugerah yang telah diterima adalah:
- a. *Ranked 5th in the "Top 10 Islands In The World" by Readers' Choice Awards of Conde Nast Traveler Magazine*,
 - b. *Ranked 9th in the 25 Favourite Islands in the World by Travel + Leisure Magazine*;
 - c. *Best Airport of 2 to 5 Million Passengers in Asia Pacific by Airport Service Quality Award 2023*;
 - d. *Leading Government Tourism Board of The Year by Asian Tourism & Hospitality (ATH) Awards 2022-2023*;
 - e. *Government Service Delivery for MICE Tourism Promotion Strategies by IBR Global Maritime And Aerospace Awards*;
 - f. *Ranked 1st for The Best Resorts category in The Rest of Asia by Readers' Choice Awards of Conde Nast Traveler Magazine - The Ritz-Carlton Langkawi*;
 - g. *Ranked 4th for The Best Resorts category in The Rest of Asia by Readers' Choice Awards of Conde Nast Traveler Magazine - The Datai Langkawi*; dan
 - h. *Best Wedding Destination by World Islamic Tourism Award*.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum inisiatif yang telah dilaksanakan LADA dalam mewujudkan garis panduan dan prosedur berkaitan dengan perancangan pembangunan tanah-tanah LADA. Di samping itu, LADA hendaklah segera memuktamadkan cadangan Blueprint Langkawi (2025-2030) dan lebih giat meneruskan libat urus bersama pihak-pihak berkaitan dalam usaha melaksanakan program yang dirancang sekaligus mempromosi Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kekal diiktiraf di mata dunia. Walau bagaimanapun, usaha yang dilaksanakan wajar mengambil kira kesejahteraan komuniti tempatan terutamanya daripada aspek sosial dan ekonomi. Kekuatan pelancongan Langkawi adalah pada Hutan Geopark dan LADA perlu mengeksplorasi industri ini dengan lebih agresif di peringkat antarabangsa.

PAC berpandangan bahawa agensi dan Jabatan Kerajaan Pusat dan Negeri berkaitan perlu bersama-sama LADA dalam meningkatkan kemudahsampaian pengangkutan feri penumpang antara Kuah dan Kuala Kedah serta Kuah dan Kuala Perlis bagi memastikan pelbagai segmen pelancong dapat akses masuk ke Langkawi.

- 5.5 Syor 5: MOF perlu lebih efektif dalam memantau dan mengawal selia syarikat-syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] supaya tidak berlaku kecuaian yang boleh menjelaskan kepentingan Kerajaan. MOF juga perlu sentiasa memastikan syarikat-syarikat MKD mampu menjana keuntungan dan berfungsi selaras dengan asas penubuhan syarikat.**

Maklum Balas MOF:

- 5.5.1 MOF selaku pemegang saham syarikat MKD sentiasa memantau prestasi agar syarikat MKD menjalankan fungsi dan peranan selaras dengan objektif penubuhan dan mandat yang telah ditetapkan. Pada dasarnya, syarikat MKD ditubuhkan bagi mencapai mandat tertentu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

- a. menyediakan khidmat sosial kepada rakyat seperti perkhidmatan pengangkutan/ infrastruktur awam (bas, rel dan sebagainya) dan utiliti (bekalan air, elektrik dan perkhidmatan pembetungan);
 - b. menggalakkan pembangunan ekonomi melalui sokongan kepada pewujudan industri baru;
 - c. menggalakkan pembangunan teknologi seperti aktiviti pembangunan dan penyelidikan yang berimpak tinggi dan memerlukan modal yang besar yang tidak mampu diceburi oleh syarikat swasta;
 - d. memenuhi jurang pasaran (*market gap*); dan
 - e. mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategik.
- 5.5.2 Aspek tadbir urus dan tatakelola juga sentiasa diperkuuh. Pada masa ini, Kerajaan sedang meneroka bagi mewujudkan perundangan khusus untuk kawal selia Syarikat Milik Kerajaan atau *State-Owned Enterprises* (SOE). Di samping itu, transformasi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) juga sedang dilaksanakan melalui inisiatif GEAR-uP (*Government Linked Enterprises Activation and Reform Programme*) untuk meningkatkan pelaburan dan pemangkin ekonomi negara.
- 5.5.3 MKD juga tidak mengetepikan aspek penjanaan keuntungan dengan sentiasa memantau prestasi syarikat supaya kekal berdaya maju dengan langkah dan tindakan seperti berikut:
- a. pembentangan pelan perniagaan (*business plan*) tahunan syarikat;
 - b. penetapan Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) syarikat dan laporan pencapaian KPI setiap suku tahun;
 - c. pelaporan Penyata Kewangan Beraudit Tahunan; dan
 - d. pelaporan Pengurusan Kewangan Suku Tahun.
- 5.5.4 Prestasi syarikat pada masa ini dinilai berdasarkan KPI yang merangkumi tujuh (7) kategori iaitu kewangan, pelanggan, proses perniagaan dalaman, pembelajaran dan inovasi, kepuasan pekerja, komuniti dan persekitaran, dan pemerkasaan Bumiputera. Bagi syarikat-syarikat MKD yang tidak

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)*

mencapai sasaran KPI iaitu pencapaian kurang daripada 80%, syarikat tersebut perlu menghadiri *Corporate Improvement Programme* (CIP) bagi tujuan menambah baik prestasi syarikat. Kaedah ini dilaksanakan bagi memastikan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif serta Ahli-Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik mampu membawa prestasi syarikat ke arah yang lebih baik dan kekal kompeten di pasaran.

- 5.5.5 MOF sentiasa memastikan obligasi hutang syarikat MKD dibayar mengikut jadual bagi mengelakkan berlakunya kemungkinan *default*. Bagi memastikan pengurusan kewangan yang lebih teratur, pelaksanaan projek pada masa hadapan akan dipastikan dibiayai melalui peruntukan perbelanjaan pembangunan (DE) dan tidak secara *off-budget*.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum tindakan yang diambil MOF dalam memastikan syarikat-syarikat MKD berfungsi selaras dengan hasrat penubuhan asal setiap syarikat MKD tersebut. MOF hendaklah dengan lebih proaktif dan serius melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantauan terhadap operasi/ urus tadbir syarikat MKD melalui langkah-langkah penambahaikan yang telah digariskan dalam memastikan kepentingan pihak-pihak berkaitan terutamanya Kerajaan sentiasa dipelihara.

5.6 PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 4/2024 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



**JAWAPAN BERTULIS
PROSIDING LAPORAN
TINDAKAN SUSULAN
PENGURUSAN
PEMBANGUNAN HARTANAH
LEMBAGA PEMBANGUNAN
LANGKAWI**

JAWAPAN BERTULIS
PROSIDING LAPORAN TINDAKAN SUSULAN:
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

1. Pemantauan Projek – Status Kemajuan Projek Pembangunan LADA

1.1. Sehingga Jun 2024, sembilan (9) projek pembangunan telah siap sepenuhnya manakala tiga (3) projek adalah mengikut/mendahului jadual seperti berikut:

STATUS KEMAJUAN PROJEK FIZIKAL RMKE-12 RP4 2024							
No	JABATAN/ BAHAGIAN/ AGENSI	LEWAT JADUAL >10% / LAD	LEWAT JADUAL <10%	IKUT JADUAL / DAHULU JADUAL	DALAM PERANCANGAN	SIAP SEPENUHNYA	JUMLAH PROJEK
1.	LADA	0	0	3	0	9	12
Jumlah Keseluruhan					12		

2. Jeti Pelancongan Kuah (JPK)

2.1. Maklumat projek, kos dan skop projek

2.1.1. Projek Membaik Pulih dan Menaik Taraf Jeti Pelancongan Kuah, Langkawi telah dilaksanakan bermula 8 Jun 2022 dengan siling asal RM8 juta, kos kontrak sebanyak RM7.3 juta dan siap sepenuhnya pada 28 Disember 2023. *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC) telah diperoleh pada 28 April 2024.

2.1.2. Antara skop kerja yang dilaksanakan adalah meliputi:

- Skop bagi tunai syarat kebenaran merancang (KM) dan kelulusan pelan pemajuan PBT termasuk pembinaan rumah pam (SADA), pembaikan sistem paip kumbahan (IWK), perubahan pintu kebakaran (BOMBA) dan tambahan sistem pengumpulan air hujan (SPAH).
- Menaik taraf *on-site stormwater detention* (OSD)/sistem saliran, premis dan lampu jalan;

- c. Menaik taraf marina/jeti, landskap, penempatan sementara perkhidmatan sedia ada;
- d. Menaik taraf susur tangan, kemasan bumbung, siling, cat, lantai, dinding, *ramp* OKU, peralatan dapur (restoran), *roller shutter* dan lain-lain; dan
- e. Membaiki, mencuci dan mengecat semula pintu, *roller shutter* sedia ada serta membaiki dan mencuci kemasan lantai; dan
- f. Menyusun semula dan menurap tempat letak kereta.

2.2. Kadar caj yang dikenakan kepada pengguna di JPK oleh pihak operator

2.2.1. Penggunaan platform jeti

- a. Pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menyerahkan pengurusan Kompleks Jeti Pelancongan Kuah ini kepada anak syarikat LADA iaitu Langsura Geopark Sdn. Bhd. (LGSB) secara Manage & Operate (M&O) bagi tujuan penyelenggaraan jeti yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan memastikan pengurusan berjalan dengan sempurna dan baik. Tempoh pengurusan adalah selama 10 tahun bermula dari Jun 2024.
- b. Pihak LGSB telah membuka iklan tawaran kepada awam untuk mencari rakan strategik bagi menguruskan jeti berkenaan. Susulan itu, beberapa syarikat telah menunjukkan minat untuk menguruskan platform terapung. Sebanyak 3 syarikat telah menghantar cadangan pengurusan platform terapung di JPK. Penilaian cadangan pengurusan berkenaan telah dijalankan dengan telus.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI BAGI
SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)**

- c. Pihak LGSB telah meneliti permohonan berkenaan melalui Jawatankuasa Kewangan LGSB dan seterusnya diangkat ke Mesyuarat Lembaga Pengarah LGSB untuk keputusan. Lembaga Pengarah LGSB bersetuju untuk melantik Tropical Charters Sdn Bhd (TCSB) sebagai Rakan Usahasama Strategik berdasarkan kepada kepakaran dan pengalaman pihak TCSB mengendalikan jeti. Tempoh pelantikan TCSB sebagai rakan usahasama strategik bersama pihak LGSB adalah 5 tahun (asas 3 tahun + 2 tahun).

- d. Kadar sewaan dan caj yang dikenakan untuk penggunaan jeti adalah berpatutan selaras dengan penilaian JPPH. Kadar yang dikenakan kepada penumpang/pengguna/penyewa bagi penggunaan platform JPK:

BIL.	KATEGORI	UNIT	KADAR SEHINGGA 31 DIS 2024 (RM)	KADAR BERMULA 1 JAN 2025 (RM)
1.	<i>Berthing Bay Rental (tenant)</i>	<i>Boat/ month</i>	200.00	300.00
2.	<i>Embarkation/ disembarkation fee</i>	<i>In / out pax</i>	3.00	3.00
3.	<i>Landing fee (non-tenant)</i>	<i>Boat & passenger</i>	Boat:20.00 Pax: 2.00	Boat:20.00 Pax: 2.00
4.	<i>Landing fee & embarkation fee for sunset cruise</i>	<i>Boat & passenger</i>	Boat:60.00 Pax: 5.00	Boat:60.00 Pax: 5.00

2.2.2. Jeti-jeti di Langkawi yang digunakan sebagai produk/aktiviti pelancongan juga telah lama melaksanakan caj bayaran dan antaranya adalah seperti berikut:

- a. Jeti Yatch Club - RM10 per pax
- b. Jeti Telaga Harbour - RM7 per pax
- c. Jeti Tanjung Rhu - RM10 per boat
- d. Jeti Kilim - RM15 per boat
- e. Jeti Resort World - RM40 per boat

2.2.3. Sewaan tempat letak kenderaan

- a. Kadar parking semasa (sebelum pemasangan *auto-gate*) -
RM3.00/entry
- b. Kadar parking selepas pemasangan *auto-gate* adalah seperti berikut:
 - i. Jam Pertama : RM1.10
 - ii. Jam Berikutnya : RM1.10
 - iii. Maximum : RM6.60
- c. Parking Bulanan : RM200 (*reserved*), RM100 (*non reserved*)

2.3. Kutipan Hasil di JPK oleh LADA

- 2.3.1. LADA menerima yuran pengurusan berjumlah RM7,065 sebulan atau 10% *gross revenue* yang mana lebih tinggi; dan
- 2.3.2. Balasan penggunaan fasiliti/kemudahan di JPK dengan had maksimum RM5,000 sebulan.

3. Perancangan LADA Untuk Membasmi Kemiskinan

- 3.1. Menyingkap kembali penubuhan Lembaga Langkawi pada tahun 1990 dengan merujuk kepada Akta LADA 423 dan bagi merancakkan pembangunan Langkawi sepanjang 30 tahun lalu, pelbagai infrastruktur dan kemudahan telah disediakan untuk dimanfaatkan oleh semua pihak. Pelbagai rangka strategik telah dilaksanakan bagi memastikan sektor ekonomi di Langkawi terus diperkasakan dan dapat memberikan manfaat kepada setiap lapisan masyarakat termasuk peluang ekonomi kepada B40. LADA selaku agensi peneraju pembangunan di Langkawi perlu terus menzahirkan sokongan kepada inisiatif Kerajaan terutamanya pengukuhkan keterangkuman masyarakat sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Dasar Kemakmuran Bersama 2030 serta *Sustainable Development Goals* (SDG) 2023. Kedua-dua dasar yang telah menjadi tunggak utama Kerajaan ini adalah bertujuan melahirkan generasi yang mendunia serta masyarakat yang harmoni dengan konsep tidak meminggirkan mana-mana pihak. Dalam erti

kata lain pembangunan yang dihasratkan adalah adil, saksama dan lestari.

- 3.2. Pelan Strategik Pembangunan Komuniti LADA mula diperkenalkan pada awal tahun 2013 selepas pelancaran *Blueprint* Pelancongan Langkawi (2011–2015) yang bertujuan untuk melonjakkan kedudukan Langkawi sebagai pulau peranginan tersohor di dunia dengan sasaran kedatangan pelancong yang lebih ramai serta meningkatkan hasil pendapatan pelancongan dan peningkatan pembangunan masyarakat Langkawi.
- 3.3. LADA terus melangkah dan bergerak seiring dengan kemajuan dan kepesatan kemasukan pelancong ke Langkawi telah merancang pelbagai inisiatif yang lebih menyeluruh terhadap pembangunan komuniti setempat melalui Pelan Strategik LADA 2022 - 2026. Pembangunan komuniti yang progresif dan dinamik merupakan salah satu teras strategik yang dilihat dapat memperkasakan komuniti ke arah pembentukan modal insan yang mantap di samping melahirkan masyarakat yang bersatu padu serta berdaya saing untuk memajukan diri terutamanya dalam melengkapi kebolehupayaan mengadaptasi teknologi dan perubahan globalisasi. Justeru, LADA terus bergerak aktif menganjurkan pelbagai program komuniti melibatkan penyertaan komuniti secara langsung yang menjurus kepada pembangunan sosial, modal insan dan keagamaan serta pelaksanaan projek-projek komuniti berskala kecil.
- 3.4. Pada tahun 2022 dan 2023, LADA telah melaksanakan 132 program bantuan dan sumbangan CSR serta penghargaan kepada penduduk Langkawi. Selain itu, bagi tempoh yang sama, sebanyak 81 program komuniti telah dilaksanakan dan juga 43 projek infrastruktur kecil telah disiapkan. Kesemua program dan projek melibatkan komuniti Langkawi dan untuk manfaat penduduk Langkawi.

4. Perancangan LADA Untuk Menjadikan Langkawi Sebagai *High End Tourist Destination*

- 4.1. Pelan Pembangunan Langkawi 2011 – 2015 telah menetapkan kawasan barat daya Langkawi sebagai kawasan tumpuan hotel bertaraf 5 bintang bagi memenuhi keperluan pelancong *high end*. Di sinilah terdapatnya The Datai Resort Langkawi, The Danna Langkawi Resorts & Villas, The Ritz-Carlton Langkawi, Tanjung Rhu Resorts, Four Seasons Resort Langkawi dan Berjaya Langkawi Resorts. Selain itu, pembukaan The St. Regis Langkawi juga telah menaikkan profil Langkawi di kalangan pelancong *high end* dan kumpulan Hilton akan membuka satu lagi hotel baru iaitu Hilton Burau Bay Resorts dan akan menawarkan tambahan 250 buah bilik.
- 4.2. Langkawi juga telah dilengkapi kemudahan jet peribadi di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Selain itu, Langkawi mempunyai tiga (3) buah marina iaitu Royal Langkawi Yatch Club, Rebak Island Resorts & Marina di Pulau Rebak serta Telaga Harbour Park yang terletak di Pantai Kok mempunyai kemudahan yang lengkap bagi pemilik *super yatch* peribadi yang berkunjung ke Langkawi melalui pengangkutan air ini.
- 4.3. Status bebas cukai Langkawi juga berjaya menarik peminat *super cars* dan dianggarkan terdapat sekurang-kurangnya 800 buah *super cars* yang berada di Langkawi. Ini menarik minat persatuan pemilik *super cars* untuk bekerjasama dengan LADA bagi melaksanakan pameran *super cars* pada hujung tahun 2024. Pameran ini akan menarik minat penduduk, pelancong tempatan dan antarabangsa untuk melihat sendiri *super cars* dari jarak dekat.

5. Program Besar Yang Dirancang Di Langkawi Terutamanya Yang Berkaitan Dengan *Geo Tourism*

- 5.1. Langkawi UNESCO Global Geopark dibangunkan dengan tujuan untuk mengetengahkan keunggulan warisan geologi Langkawi yang bertaraf antarabangsa. Langkawi mempunyai jujukan batuan Palaeozoik (550 – 250 juta tahun) yang lengkap dan landskap kepulauan kars tropika yang terbaik dirantau ini. Dengan pengiktirafan Langkawi sebagai *geopark* kebangsaan pada tahun 2006 oleh kerajaan Negeri Kedah dan *Global Geopark* oleh UNESCO pada tahun 2007 telah memberi penghargaan dan penghormatan kepada warisan alam semula jadi Langkawi yang merupakan tempat bermulanya bumi Malaysia. Matlamat *geopark* adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti setempat dan memelihara warisan bumi.
- 5.2. Langkawi yang sememangnya dikenali sebagai sebuah pulau pelancongan kemudiannya diberi nafas baru melalui pembangunan pelancongan pulau legenda ini dengan mengetengahkan konsep geopelancongan. Konsep geopelancongan sangat bertepatan dengan pembangunan sesebuah *geopark* kerana ia menjadi nadi dan membawa nilai tambah dalam memperkasakan sesebuah destinasi pelancongan. Dalam pada itu, geopelancongan merupakan pelancongan amalan terbaik yang mengekalkan dan memanfaatkan sumber alam berlandaskan pengetahuan dan membina keterlibatan masyarakat setempat sehingga berjaya menjana ekonomi sesebuah *geopark*.
- 5.3. Dalam hubungan ini, LADA selaku agensi utama dalam pembangunan Pulau Langkawi mengambil inisiatif untuk memartabatkan industri pelancongan dengan menggunakan kelebihan yang dimiliki pulau ini sebagai *geopark* pertama di Asia Tenggara dan ke 52 di dunia. LADA mula memperkenalkan kepentingan geopelancongan pulau ini menerusi Pelan Pengurusan Langkawi Geopark 2012-2023 dan versi terkini adalah Pelan Pengurusan Langkawi Geopark (PPLG) 2024-2028. Pelan ini menumpukan kepada keunggulan

geopelancongan sebagai sebahagian daripada pelancongan berdasarkan ilmu dan pembangunan ekonomi.

- 5.4. Sesebuah *geopark* memerlukan tapak atau landskap geologi berkepentingan antarabangsa dipulihara dalam bentuk geotapak. Pada masa yang sama, warisan biologi dan budaya di dalam atau di sekitarnya dibangunkan secara terintegrasi dan dimanfaatkan untuk komuniti setempat. Berdasarkan penyelidikan dan pemantauan yang dibuat masih banyak peluang kajian yang boleh dibuat untuk menerokai geopelancongan Langkawi dan menghasilkan produk geopelancongan baharu.
- 5.5. Selain itu, usaha dilaksanakan dalam menambah baik laluan pelancongan sedia ada bagi menjadi georintis pelancongan dan menggalakkan pembangunan georintis dan geoproduk baharu bagi mewujudkan kepelbagaian dalam bidang ini. Berikut adalah antara inisiatif yang bakal dilaksanakan:
 - 5.5.1. Mewujudkan Pasukan Bertindak Geopelancongan dan Geoproduk (PB-GG) bagi menyediakan kertas kerja untuk pembangunan georintis Taman Georimba Granit Gunung Raya sebagai geoproduk baharu; dan
 - 5.5.2. Membangunkan model pelan pembangunan dan perniagaan.

5.6. LADA melalui PPLG 2024-2028 di bawah teras pemuliharaan dan kelestarian untuk pembangunan tapak geologi dan pemandangan indah Langkawi telah merancang lima (5) perkara seperti berikut:

BIL	PERKARA
1.	<ul style="list-style-type: none"> • Tapak warisan geologi (termasuk <i>geotapak</i>) perlu dinilai semula dan didelineasi berdasarkan jenis warisan (batuan, mineral, fosil, struktur, landskap) dan berpandukan fungsinya iaitu pemeliharaan, pemuliharaan, tapak penyelidikan/pendidikan, geopelancongan atau gabungan.
2.	<ul style="list-style-type: none"> • Menentukan ciri, nilai dan sempadan granit Gunung Raya sebagai <i>Geoforest Park</i> keempat seperti yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Kedah, berdasarkan fungsi pemuliharaan warisan tabii dan membangun produk geopelancongan.
3.	<ul style="list-style-type: none"> • Mentakrifkan semula rintis pelancongan sedia ada menjadi ‘rintis geopelancongan’ (<i>georintis</i>) bagi membolehkan aktiviti pelancongan rekreasi/penerokaan berdasarkan ilmu diperkenalkan. • Tumpuan utama akan diberikan kepada rintis Puncak Machinchang, Sungai Kilim dan Tasik Dayang Bunting.
4.	<ul style="list-style-type: none"> • Melengkapkan <i>georintis</i> Pulau Tuba dan membangun <i>georintis</i> baharu di Taman Georimba Granit Gunung Raya sebagai produk geopelancongan terbaru di Langkawi Geopark.
5.	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan pembangunan <i>georintis</i>, <i>biorintis</i>, rintis budaya, rintis eko-rimba atau gabungan oleh pihak swasta/koperasi bagi memperbanyakkan dan mempelbagaikan lagi produk geopelancongan baharu. • Garis panduan pembangunan dan pelaksanaan perlu disediakan. • Tumpuan perlu diberikan kepada <i>biorintis</i> dan rintis budaya.

5.7. Ketika Langkawi Geopark diwujudkan pada tahun 2007, LADA telah bekerjasama dengan Komuniti Kampung Kilim untuk mengurus *georintis* Taman Georimba Kars Kilim sebagai produk utama geopelancongan. Hampir

semua komuniti Kampung Kilim terlibat, dan ini merupakan kejayaan terbaik bagi menjayakan penglibatan komuniti. Komuniti Kampung Kilim mula mentransisikan aktiviti nelayan kepada perniagaan berasaskan pelancongan melalui Koperasi Kampung Kilim. Koperasi Kampung Kilim telah memenangi pelbagai pertandingan di peringkat negeri, kebangsaan dan Asia. Koperasi Kampung Kilim juga merupakan koperasi paling berjaya di Langkawi dengan pencapaian perniagaan mereka. Jumlah kemasukan pelancong ke Taman Georimba Kilim Kars adalah sebanyak 531,321 bagi tahun 2023.

- 5.8. Seterusnya, pada tahun 2010 LADA mula bekerjasama dengan Koperasi Nelayan Sungai Kubang Badak membangun BioGeorintis Kubang Badak. Koperasi kubang badak menawarkan pakej geopelancongan di bawah BioGeorintis Kubang Badak. Pada tahun 2023, Koperasi Nelayan Sungai Kubang Badak berjaya mengekalkan produk biogeorintis ini untuk geopelancongan sambil menjayakan beberapa geoproduk baharu seperti akuakultur ketam, rumpai laut (seaweed-laktud) dan tiram.
- 5.9. Dalam pada itu, beberapa georintis telah dibangunkan di Pulau Tuba pada tahun 2022. LADA juga berpandangan georintis baharu masih perlu dibangunkan di Pulau Langkawi, Pulau Dayang Bunting, Pulau Langgun dan Pulau Singa Besar yang dilihat mempunyai keupayaan menarik minat pelancong dari pelbagai peringkat.
- 5.10. LADA juga akan terus memainkan peranan penting sebagai agensi penyelaras dalam memperkasakan keterlibatan semua pihak berkepentingan supaya agenda geopark dapat diteruskan dengan jayanya dan memberikan manfaat kepada bumi Langkawi dan penduduk pulau ini.
- 5.11. Kesimpulannya, PPLG 2024-2028 ini merupakan kitab utama dalam memastikan pengurusan dan pembangunan LUGGp dapat diperhebatkan seiring dengan matlamat untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi geopelancongan bertaraf dunia.

6. Program Besar Yang Dirancang Di Langkawi Pada Tahun 2025 Sempena Tahun Melawat Kedah

- 6.1. LADA merancang untuk bekerjasama dengan penganjur-penganjur acara yang setiap tahun mengadakan acara bertaraf antarabangsa di Langkawi. Selain daripada menjadi tuan rumah kepada Langkawi International Maritime & Aerospace Exhibitions (LIMA) 2025, LADA juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi menganjurkan acara sampingan dengan mempamerkan kepelbagaiannya aspek seni, budaya dan warisan Malaysia.
- 6.2. Selain itu, kerjasama erat bersama penganjur acara seperti IRONMAN Malaysia Langkawi, Langkawi Ultra, Langkawi International Half Marathon, Langkawi Legendary Rides, SailGP Race Malaysia, Langkawi International Paintball, Langkawi Writers Festival dan Langkawi International Blues & Roots tetap diteruskan sebagai salah satu daya tarikan peminat acara-acara ini untuk berkunjung ke Langkawi. LADA juga berhasrat untuk memperkenalkan semula Pesta Air Langkawi pada tahun 2025.
- 6.3. Penganjuran acara pelancongan dan sukan ini dapat membantu mempromosikan Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan terkemuka dunia terutamanya dalam penganjuran acara ikonik dan bertaraf antarabangsa.

7. Perincian Insentif MICE dan Penerbangan

- 7.1. Sebagai salah satu destinasi utama *meetings, incentives, conferences & exhibitions* (MICE) utama di Malaysia, Langkawi menawarkan kemudahan-kemudahan bertaraf antarabangsa untuk kumpulan MICE dan *leisure*. Bagi menarik lebih ramai kumpulan MICE dan *leisure* ini memilih Langkawi, LADA telah memperkenalkan insentif MICE dengan syarat berikut:
 - 7.1.1. Bilangan peserta sekurang-kurangnya 150 orang;
 - 7.1.2. Menginap di Langkawi sekurang-kurangnya 4 hari 3 malam; dan

- 7.1.3. Mengemukakan permohonan kepada LADA dalam tempoh sekurang-kurangnya 21 hari bekerja.
- 7.2. Sekiranya layak, penganjur boleh memilih salah satu insentif yang ditawarkan iaitu:
- 7.2.1. *Welcome reception* di lapangan terbang atau hotel; atau
 - 7.2.2. Persembahan kebudayaan; atau
 - 7.2.3. Makan tengah hari/makan malam/minum petang; atau
 - 7.2.4. Tiket masuk ke tempat pelancongan Langkawi; atau
 - 7.2.5. Bahan promosi – cenderamata atau kraf tempatan serta risalah Langkawi.
- 7.3. LADA giat mempromosikan Langkawi sebagai salah satu destinasi MICE utama dengan mengambil bahagian dalam promosi tempatan dan antarabangsa yang disertai oleh Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) dan Tourism Malaysia.
- 7.4. Insentif penerbangan diperkenalkan untuk menarik syarikat penerbangan supaya mengadakan laluan baharu atau menambahkan kekerapan penerbangan ke Langkawi. Contohnya, laluan baharu penerbangan terus ke Langkawi oleh FlyDubai sebanyak tujuh (7) kali penerbangan seminggu mulai 10 Februari 2024. Pada 5 Mac 2024, LADA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama syarikat agensi pengembalaan dari Poland iaitu ITAKA untuk mengadakan penerbangan sewa khas dari Warsaw ke Langkawi.

8. Adakah LADA turut menjalankan fungsi untuk membangunkan ekonomi? Jika ya, adakah LADA meletakkan sasaran pendapatan ketua isi rumah (KIR)? Dan juga pelan untuk meningkatkan pendapatan KIR kepada yang lebih tinggi.

8.1. Berdasarkan Penyata Rasmi Parlimen Jilid III Bil 65 bertarikh 15 Disember 1989, LADA ditubuhkan pada 15 Mac 1990 di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi [Akta 423] dengan objektif berikut:

- 8.1.1. Untuk menggembung semula sumber tenaga kepakaran kewangan dan lain-lain untuk membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai terkemuka dan menarik, bersih dan murah di rantau ini;
- 8.1.2. Memastikan penduduk tempatan mendapat manfaat daripada pembangunan tersebut selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

8.2. Di bawah Seksyen 4, Akta 423 memperuntukkan fungsi utama LADA ialah untuk memajukan dan menggalakkan pembangunan Pulau Langkawi terutamanya dalam bidang sosio ekonomi sebagai sebuah destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai. Dalam melaksanakan segala fungsi dan tanggungjawab LADA tersebut bagi memajukan ekonomi Langkawi, LADA telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bersama penduduk/usahawan Langkawi secara berterusan bagi membantu meningkatkan ekonomi dan pendapatan isi rumah penduduk. Penubuhan LADA telah berjaya merubah kegiatan ekonomi penduduk Langkawi daripada sektor pertanian kepada sektor pelancongan dan ianya masih kekal sehingga ke hari ini.

8.3. Sejak berlakunya wabak COVID-19 pada tahun 2020, LADA selaku agensi utama di Langkawi, pada ketika itu telah bertindak segera dengan merangka Pelan Ekonomi Baru (PEB) di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG) 2020-2022 bagi menangani kesan pandemik dan juga usaha memulihkan semula ekonomi

Langkawi. Pelan ini dibangunkan berdasarkan hasil daripada kajian *Rapid Household Income Survey* (RaHIS) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dengan kerjasama LADA semasa pandemik. Melalui kajian ini, sebanyak 1,714 isi rumah telah ditemubual melalui telefon semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mendapatkan maklumat berkaitan pendapatan isi rumah kesan daripada penutupan operasi perniagaan, kehilangan pekerjaan dan pendapatan.

- 8.4. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesan wabak COVID-19 telah menyebabkan hampir 80% pendapatan isi rumah telah terjejas terutamanya dalam sektor pelancongan. Jemaah Pengarah LADA pada ketika itu telah meluluskan pelaksanaan program projek ekonomi baru bagi rangsangan semula ekonomi Langkawi kepada usahawan dan peniaga kecil di Langkawi yang hilang pendapatan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP dilaksanakan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah PEB di bawah HELANG yang merangkumi sektor tanaman, hasil laut, jualan buah-buah dan sayuran, pemasaran platform dalam talian, pembangunan kemahiran dan bantuan memulakan perniagaan.
- 8.5. Selain itu, LADA juga aktif bekerjasama dengan pelbagai agensi yang berkaitan untuk seperti MDEC, Paynett Malaysia, MCMC, NCER/NCIA, FAMA, MARDI, MAXIS, Kompleks Kraf Langkawi dan pelbagai lagi agensi/jabatan bagi mengadakan pelbagai program untuk meningkatkan lagi pendapatan kepada penduduk seiring dengan era globalisasi dan digitalisasi ini.
- 8.6. LADA telah melaksanakan pelbagai program pembangunan usahawan di Langkawi. Pada tahun 2020, LADA telah melancarkan Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG) untuk membantu para usahawan semasa pandemik. Sepanjang tempoh pelaksanaan HELANG, iaitu dari tahun 2020 hingga 2022, LADA telah menganjurkan 14 program latihan dan bimbingan yang melibatkan 684 usahawan tempatan. LADA turut menyalurkan bantuan memulakan perniagaan kepada 22 usahawan yang mengusahakan pelbagai

jenis perniagaan di Langkawi.

- 8.7. Selepas program HELANG tamat, LADA meneruskan penganjuran program latihan dan bimbingan kepada usahawan. Pada tahun 2023, sebanyak 27 program telah diadakan yang melibatkan 975 usahawan tempatan.
- 8.8. Bagi tahun 2024, pelbagai program yang direncanakan untuk dilaksanakan. Antaranya, latihan dan bengkel keusahawanan, melibatkan usahawan Langkawi dalam acara, ekspo dan karnival pelancongan seperti MAHA, MIHAS dan lain-lain, membantu dan menjadi pemudah cara antara usahawan dan agensi pembiayaan dan agensi yang memberi bantuan serta khidmat nasihat kepada usahawan.
- 8.9. Selain itu, LADA turut memberi tumpuan untuk melahirkan usahawan yang mengusahakan produk selari dengan pembangunan geopark. Usahawan ini dikenali sebagai usahawan geoproduk yang mengusahakan penjualan pelbagai jenis produk seperti kristal magnet, sabun, biskut gamat, tempurung, madu kelulut dan lain-lain. Sehingga kini terdapat 16 usahawan dibimbing oleh LADA untuk menjadi usahawan geoproduk.

KRONOLOGI PERJANJIAN PAJAKAN TANAH PROJEK PERKAMPUNGAN TOK SENIK RESORT

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)

Tajuk Kajian: Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

Tajuk Isu: Pengurusan Aktiviti – Perjanjian Pajakan Tanah Projek Perkampungan Tok Senik Resort

Projek Perkampungan Tok Senik Resort adalah merupakan salah satu projek pembangunan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang diuruskan sepenuhnya oleh Kampung Tok Senik Resort Sdn Bhd (KTSR) iaitu syarikat subsidiari milik penuh Maju Holdings Sdn Bhd (MAJU). Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022, LADA telah memeterai perjanjian *Shareholder Agreement (SHA)*, *Subscription Agreement (SA)* dan perjanjian pajakan tanah antara tahun 2000 hingga 2003 bagi tujuan pemilikan saham KTSR dan pembangunan Projek Perkampungan Tok Senik Resort. Melalui perjanjian pajakan tanah, KTSR perlu membayar pajakan tanah bernilai RM8.30 juta dengan balasan 30% pemilikan saham KTSR kepada LADA.

Pada 18 November 2002, MAJU telah memeterai satu perjanjian berkenaan gadaian tanah dengan Perwaja Terengganu Sdn Bhd (Perwaja) melibatkan tanah milik LADA iaitu Lot 1577 dan Lot 1244 yang telah dipajak kepada KTSR. Gadaian tanah tersebut telah didaftarkan di pejabat tanah pada 31 Disember 2003 di mana LADA bersetuju untuk membenarkan dua lot tanah pajakan tersebut dijadikan sebagai jaminan terhadap bayaran MAJU dalam pembelian saham entiti milik Perwaja.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (DR.4/2024)**

Berikutan kegagalan MAJU untuk membuat bayaran kepada Perwaja, pada Oktober 2018, Perwaja telah memfailkan tindakan guaman terhadap MAJU di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur bagi menuntut bayaran yang belum diselesaikan oleh MAJU. Pada 9 September 2023, Mahkamah Persekutuan telah menolak rayuan MAJU dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 25 Julai 2019 yang membenarkan tuntutan hutang Perwaja terhadap MAJU. Sehingga 7 Mac 2024, keseluruhan hutang MAJU kepada Perwaja adalah berjumlah RM251.6 juta.

i. Apakah opsyen/kaedah sedia ada yang boleh dilaksanakan bagi pengambilalihan gadaian (MAJU) tersebut?

Perwaja telah mengambil tindakan di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828) iaitu di bawah Seksyen 254 dengan mengemukakan Borang 16D Notis Kemungkiran Mengenai Suatu Gadaian kepada penggadai. Jika penggadai tidak memulihkan pelanggaran, tindakan permohonan Perintah Jualan (Seksyen 256 Akta 828) di hadapan Hakim akan diambil sebaik tamat tempoh. Berdasarkan Seksyen 257 Akta 828, Perintah Jualan oleh Mahkamah adalah dilaksanakan secara lelongan awam.

ii. Sila nyatakan *timeline* bagi setiap opsyen / kaedah pengambilalihan gadaian tersebut.

Timeline adalah tertakluk kepada keputusan mahkamah dan sekiranya ada bantahan (*contest*) daripada penggadai. Jika ia berjalan lancar, keseluruhan proses ini dijangka selesai dalam tempoh di antara 30 hingga 120 hari selepas Perintah Jualan oleh Mahkamah.



**LAPORAN PROSIDING
(HANSARD)**

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
RABU, 12 JUN 2024**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 12 Jun 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Laporan Tindakan Susulan:
Pengurusan Pembangunan Hartanah
Lembaga Pembangunan Langkawi

- (i) Kementerian Kewangan
YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad,
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)
- (ii) Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid,
Ketua Pegawai Eksekutif

PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

ALOFT HOTEL LANGKAWI
KEDAH, MALAYSIA

RABU, 12 JUN 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

- YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - Naib Pengerusi
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

Tidak hadir [Dengan maaf]

- YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

URUS SETIA

- Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

- YBrs. Tuan Zawawi bin Ghazali [Ketua Unit (Bahagian Penasihat)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

- Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan

- Encik Zainuddin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Encik Izham bin Ibrahim [Ketua Cawangan (Penguatkuasa)]
Encik Muhammad Syafiq bin Mazlan [Pegawai Penguatkuasa]

Jabatan Audit Negara

Encik Mohd Shahril bin Yahya [Pengarah Audit (Bahagian 3 Sektor Audit Prestasi)]
Puan Haniza binti Mohamad [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Ekonomi

Puan Rozalinawati binti Che Roslee [Timbalan Pengarah (Bahagian Industri Perkhidmatan)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Akauntan W54 (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Kewangan**

YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]

YBhg. Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun)]

YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed [Setiausaha Bahagian (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC))]

Puan Nik Rozelin binti Ramzi Shah [Timbalan Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun)]

Encik Iszad Jeffri bin Ismail [Ketua Penolong Setiausaha Unit Darat (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Shahlan bin Md Shukor @ Kadari [Ketua Penolong Setiausaha Unit Akaun (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Yap Kok Wooi [Ketua Penolong Setiausaha Unit Sosial (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun)]

Puan Wan Nor Asyikin binti Wan Ab Kadir [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Saraan dan Pengurusan)]

Encik Mohd Aizuddin bin Rizuan [Penolong Setiausaha Unit Darat (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Cik Farhana binti Mohd Tahir [Penolong Setiausaha Unit Sosial (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun)]

Encik Lim Swee Kwan [Pegawai Tugas-tugas Khas (Pejabat Timbalan Menteri Kewangan)]

Encik Mohd Rizal bin Jazam [Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Saraan dan Pengurusan)]

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Ketua Pegawai Eksekutif]

YBrs. Tuan Wan Kamarul Faisal bin Wan Kamardin [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perancangan & Pembangunan)]

YBrs. Tuan Haji Ahmad Fuad bin Che Ani @ Abd Ghani [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)]

Encik Ahmad Fuad bin Ishak [Pengurus Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan]

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Pengurus Bahagian Pelancongan]

TPr Sulaiman bin Mohammad [Pengurus Bahagian Perancangan]

Puan Johaniffa binti Jamil [Pengurus (Unit Audit Dalam)]

Puan Saniah binti Ismail [Pengurus (Unit Undang-undang)]
Encik Sharudin bin Hassan [Pengurus (Unit Pemantauan dan Pelaksanaan)]
Puan Waffa Wahida binti Zainol [Pengurus Bahagian Pelaburan dan Pemudah Cara Perniagaan]
Encik Suhaimi bin Baharun [Ketua Penolong Pengurus (Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan)]
Ts Muhammad Fakharie bin Dato' Che Pee [Ketua Penolong Pengurus (Bahagian Kejuruteraan Teknikal)]
Puan Faizelina binti Osman [Penolong Pengurus Kanan (Unit Undang-undang)]
Puan Mariam bin Tajudin [Penolong Pengurus Perancangan]
Puan Intan Nor Asiah binti Md Rejab [Penolong Pengurus (Unit Audit Dalam)]
Encik Muzaffar bin Zoher [Pegawai Khas Ketua Pegawai Eksekutif]

Jabatan Kerja Raya (JKR)

YBrs. Ir. Ts. Khairul Azlan bin Abdullah [Jurutera Daerah]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

**BILIK MESYUARAT SUNRISE, ALOFT HOTEL,
PULAU LANGKAWI, KEDAH**

RABU, 12 JUN 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.06 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Salam sejahtera serta selamat datang saya ucapkan kepada Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Penggal Ke-15 dan juga ahli-ahli ex-officio yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam prosiding tindakan susulan yang membabitkan Kementerian Kewangan dan juga Lembaga Pembangunan Langkawi pada pagi ini.

Saya yakin dan percaya semuanya segarlah sebab semalam kami telah dibawa melawat banyak tempat daripada pagi sampai ke tengah malam. Dah macam ikan sardin dah masing-masing. Tapi masih lagi menunjukkan muka yang ceria. Terima kasihlah pada apa nama ini? Agenda semalam ya.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan ini adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak LADA dan juga MOF terhadap syor-syor PAC dalam Laporan Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA DR.4/2024 yang telah pun dibentangkan di Parlimen Malaysia pada 19 Mac 2024.

PAC akan membentangkan Laporan Tindakan Susulan LADA dan MOF terhadap syor-syor Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA pada 27 Jun 2024.

Sebagaimana semua sedia maklum, Prosiding Pengurusan Pembangunan LADA telah pun kita adakan pada 30 November 2023 dan 13 Disember 2023 dan saksi yang hadir bagi kedua-dua prosiding ini adalah Datuk Johan Mahmood Merican, KSP MOF; Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan KSP MOF; dan Tuan Wan Kamarul Faisal bin Wan Kamardin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LADA.

Sebagaimana yang dimaklumkan, kita adakan lawatan semalam di sekitar Langkawi. Kita melawat Kampung Tok Senik, Oriental Village, Kuala Sungai Melaka, Hotel St. Regis. Dapatlah, walaupun tak dapat duduk Hotel St. Regis itu dapatlah tengok dia punya bilik air ya. Harga pun boleh tahan juga. Jeti Pelancongan Kuah, Menara MAHA dan juga Dream Forest Langkawi. Semua ini adalah membabitkan syor satu hingga syor empat dalam Laporan PAC.

Sehubungan dengan itu, saya mewakili PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan atas komitmen dan juga semua kerjasama daripada pihak LADA yang telah pun — Dan semualah yang terlibat, yang telah pun bersedia untuk memberikan penjelasan dan perincian kepada PAC termasuk mengaturkan lawatan kerja yang boleh saya sifatkan sebagai pengalaman berharga kepada PAC.

Seterusnya, saksi yang hadir di hadapan PAC pada hari ini dan tidak asing lagi adalah Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, TKSP (Pelaburan) MOF dan seingat saya, dia dah hadir lebih lima kali dah ini depan PAC. Pertama adalah sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pertahanan untuk isu kapal LCS dan ketika PAC menjalankan prosiding di Pangkalan TLDM Lumut. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. atas kerjasama dan juga komitmen kepada PAC yang harus dicontohi oleh semua yang lain.

Di sebelah beliau adalah Dato' Haslina binti Abdul Hamid. Walaupun ya baru enam bulan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif LADA tapi nampak dia memang tak canggunglah jadi CEO ini. Beliau juga pernah hadir sebagai saksi kepada PAC ketika berkhidmat di Kementerian Pertanian dan juga Industri Makanan pada tahun 2021. Terima kasih Dato' Haslina. Saya yakin dan percaya hasil lawatan kerja yang diatur semalam, banyak persoalan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC kepada MOF dan LADA.

■1010

Banyak soalan kan? Dah kumpul kan? Jangan semalam dia dah bawa makan sedap ini, tak boleh nak tanya pula kan? [Ketawa] Memandangkan kedua-dua saksi berpengalaman dalam prosiding PAC, jadi tanpa membuang masa saya ingin menjemput Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, mewakili KSP untuk memulakan pembentangan bagi Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal Terhadap Syor PAC Bagi Pengurusan Hartanah LADA. Silakan, terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Penggerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Timbalan Penggerusi PAC, semua Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa PAC dan juga serta pegawai-pegawai ex-officio dan juga sekretariat PAC Parlimen.

Terima kasih diucapkan di atas kehadiran dan sebelum itu, saya mengucapkan selamat datang ke Langkawi, Kedah. Saya kena sebut Kedah juga. Kalau tidak, YB Kubang Pasu akan marah kepada saya. Dia kata Langkawi itu milik Kedah, bukan Langkawi sebab saya dekat dia, *welcome Datuk to Langkawi*. Dia kata, salah itu. Kena sebut Langkawi, Kedah. Langkawi kepada negeri Kedah. Kebetulan, kami pun dua dari negeri yang sama. Jadi, semangat kekedahan itu kena adalah.

Jadi, Yang Berhormat Pengerusi, Timbalan Pengerusi serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bersama dengan saya adalah Dato' Haslina, rakan seperjuangan, rakan sepersaksian, rakan segalanyaalah pada hari ini dan juga akan dibantu oleh barisan pegawai-pegawai daripada LADA dan juga barisan pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan.

Untuk itu, sebagaimana Yang Berhormat Pengerusi maklumkan tadi, lawatan semalam itu disusun sebagai orang kata, pembuka kepada prosiding hari ini supaya dapat melihat – orang kata, *visualize-lah* apa perkara-perkara ataupun projek-projek isu yang berkaitan dengan empat syor yang terkandung dalam laporan PAC yang lalu.

Jadi, untuk tidak membuang masa, pembentangan ataupun prosiding kami pada pagi ini, kita akan mulakan dengan sedikit – orang kata, *teaser* ataupun penceritaanlah. *This is the story-telling again. A bit of story-telling* berkaitan dengan Langkawi dan disusuli dengan laporan ataupun *status update* kepada lima syor yang akan dikemukakan.

Tetapi, sebelum itu YB, saya nak YB Pengerusi dan semua Ahli-ahli PAC, nak juga saya ceritakan dekat sini terima kasihlah. Memang saya komited datang PAC. Saya ingat di MINDEF itu dua isu PAC, saya ingat datang MOF tak kena dah. Rupanya, lagi banyak lagi di sini saya kena *[Ketawa]* tetapi tak apa. Kita komited. Terima kasih juga di atas bantuan dan juga, kita *welcome* saran-saran – itu sebagai penambahbaikan kepada proses perkhidmatan kami.

Seterusnya, saya berikan kepada Dato' Haslina binti Abdul Hamid untuk *continue* pembentangan, untuk sedikit pembentangan ataupun latar belakang berkaitan Langkawi sebelum kami pergi kepada lima syor yang terkandung dalam laporan PAC. Silakan, Dato'.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi]: Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat. Yang saya hormati, saya kasihi, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Yang Berhormat Puan Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat – Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berbahagia *again*, Datuk Dr. TKSP.

Tadi dah sebut, rakan seperjuangan. Memang kita berjuang bersungguh-sungguhlah. *Insya-Allah* ya. Semalam pun, *the whole day*, saya mohon maaf banyak-banyak sebab kita memang – kita sebenarnya, bila sampai ke Langkawi ini, *we feel very honoured to receive the*

arrival of – of course, Yang Berhormat – Yang Berhormat semua, rakan-rakan seperjuangan daripada semua kementerian dan juga ahli-ahli mesyuarat. Alhamdulillah.

Sebelum kita nak bercerita sikit berkenaan dengan Langkawi, izinkan saya untuk – apa ini – ada sedikit menunjukkan *video presentation about Langkawi 99 Magical Islands. We proceed with the video. Thank you.*

[Tayangan video dimainkan]

Terima kasih, Puan Intan. Izinkan saya, Yang Berhormat Datuk Wira Penggerusi untuk meneruskan sedikit fakta berkenaan Langkawi.

Seperti yang tertera di layar, Langkawi ini terdiri daripada 99 gugusan pulau dengan tiga pulau yang mempunyai penduduklah iaitu Pulau Langkawi, yang mana kita berada sekarang ini, Pulau Dayang Bunting dan juga Pulau Tuba. Langkawi ini mengekalkan 80 peratus kawasan hutan simpan. Manakala, yang selebihnya 20 peratus itu adalah untuk pembangunan yang mana tertumpu di kawasan Kuah, Pantai Cenang, Padang Matsirat dan juga Pantai Kok.

Sebahagian kawasan Langkawi ini dikelilingi oleh gunung dan bukitlah. Ini termasuk juga cerita semalam yang kita pergi *rainforest* itu. Gunung Raya, Gunung Mat Cincang yang semalam itu antara aktiviti *attractions* yang kita telah sampai itu, itu adalah tempat-tempat yang menarik.

Jadi, kita dikelilingi oleh gunung dan bukit, dan puncak tertinggi di Langkawi adalah Gunung Raya dengan ketinggian sebanyak 881 meter dan berdasarkan kepada data statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2022, Langkawi mempunyai penduduk seramai 90,400 orang dan Langkawi juga mempunyai jeti dan lapangan terbang antarabangsa yang mana berperanan sebagai pintu masuk kepada pelancong-pelancong dari luar negara.

Antara pintu masuk antarabangsa ke Langkawi ini adalah Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan juga Jeti Penumpang Kuah. Jeti Penumpang Kuah itu memang ada jeti daripada Satun, dari Kuala Lipis yang mana saya rasa, ada juga antara Yang Berhormat sampai ke jeti penumpang Kuah.

■1020

Semalam kita pergi jeti pelancongan Kuah, dia bersebelahan dengan jeti pelancongan tu. Terdapat lima kawasan konservasi pelancongan iaitu kawasan Kubang Badak, Gunung Cincang, Gunung Raya, Kilim dan juga Pulau Dayang Bunting dan Langkawi ini sangatlah sesuai dijadikan sebagai destinasi pelancongan sepanjang tahun kerana faktor-faktor seperti cuaca dan *connectivity* yang ada di Langkawi. Paling utama saya rasa seperti juga Yang Berhormat semua ketahui, Langkawi ini diiktiraf sebagai *Geopark* yang ke-52 pada tahun 2007 dan kita adalah *geopark* yang pertama di *South East Asia*. Untuk makluman semua, terkini

terdapat lebih kurang 213 geopark di seluruh dunia dan kita antara 48 negara yang mempunyai geopark bertaraf dunia.

Next slide. Sedikit berkenaan dengan demografi Langkawi. Seperti saya sebut tadi penduduk Langkawi lebih 96,400 berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan dan Langkawi mempunyai enam mukim yang melibatkan Mukim Kuah, Mukim Padang Mat Sirat, Mukim Ayer Hangat, Mukim Hulu Melaka, Mukim Bohor dan juga Mukim Kedawang. Sebahagian besar penduduk Langkawi ini adalah terdiri daripada warganegara sebanyak 95.9 peratus dan 4.1 adalah bukan warganegaralah. Daripada keseluruhan *percentage* 95.9 warganegara tadi, sebanyak 92.1 peratus adalah kaum Bumiputera, 4.9 peratus kaum Cina, 1.9 peratus kaum India dan 1.1 peratus kaum lain-lain.

Sedikit berkenaan dengan ekonomi dan perniagaan. Masih kita berdasarkan kepada statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2022. Lebih daripada 92 peratus sektor ekonomi dan juga perniagaan di Langkawi adalah bergantung kepada sektor pelancongan. Berdasarkan statistik pendapatan isi rumah di Langkawi juga adalah lebih kurang 6807 itu lebih rendah berbanding purata pendapatan isi rumah negara *slightly lower* iaitu 7089, ini yang negara, yang Langkawi 6807.

Bagaimanapun sekiranya perbandingan dilakukan mengikut daerah dalam negeri Kedah, purata pendapatan Langkawi merupakan pendapatan kedua tertinggi selepas Kubang Pasu, Yang Berhormat Kubang Pasu. Kita kedua tertinggi, yang tertinggi di Kubang Pasu. Tahniah Yang Berhormat. Saya difahamkan di Kubang Pasu yang tinggi ni sebab dia ada banyak kilang, universiti, institusi-institusi, IPG jadi di situ juga *boarding area* yang mana transaksi nilai tanah juga tinggi di situ ya. Betul ya Yang Berhormat Kubang Pasu?

Seterusnya berkenaan dengan kadar kemiskinan Langkawi ini adalah pada paras 5.7 peratus lebih rendah daripada kadar kemiskinan mutlak negeri Kedah iaitu sembilan peratus. Seperti yang dimaklumkan tadi perniagaan utama sebanyak 37 peratus sektor ekonomi adalah daripada perniagaan makanan dan restoran diikuti dengan perniagaan berasaskan perkhidmatan 22.1 peratus dan juga yang ketiga adalah perniagaan hotel sebanyak 14.2 peratus.

Sedikit berkenaan dengan infrastruktur pendidikan dan perumahan. Berdasarkan statistik daripada Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi terdapat 10321 pelajar dan 865 guru di 21 buah sekolah di Langkawi, manakala di peringkat menengah yang tadi sekolah rendah 21, di peringkat pendidikan menengah kita ada 7350 pelajar dan 684 guru di lapan buah sekolah menengah di daerah Langkawi. Bagi statistik perumahan seperti di layar sebanyak 24,600 unit kediaman pelbagai jenis telah dibina di Langkawi setakat tahun 2022.

Next slide. Sebelum kita Yang Berhormat Dato' Wira Pengerusi dan semua Ahli PAC, sebelum kita masuk ke elemen *UNESCO Global Geoparks*, kita ada sikit persembahan video

berkenaan dengan Langkawi UNESCO Global Geoparks. Its only two minutes, so saya mohon paparkan. [Paparan Video]

Untuk meneruskan penerangan sedikit berkenaan dengan elemen yang sangat penting dalam mengetengahkan Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan yang unggul, okey saya ingin menjemput Dr. Azmil yang juga semalam merupakan kita punya *main tourist guide* dan untuk makluman Yang Berhormat Dato' Wira Pengerusi dan semua Ahli PAC, Dr.Azmil juga merupakan kita punya *working text book on global geopark* dan dia juga merupakan *Advisory Community Global Geopark Network* dan *Advisory Community Asia Pacific Geoparks Network*, so I think we like invite Dr. Azmil, silakan.

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Pengurus Bahagian Pelancongan]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berbahagia Dato' Haslina, Yang Berhormat Pengerusi, Datuk Wira Mas Ermieyati. Yang Berhormat Puan Wong, Timbalan Pengerusi. Yang Berhormat sekalian, ahli-ahli mesyuarat, rakan-rakan yang berada dalam bilik ini.

Okey, kita teruskan dengan *slide*. Saya nak bagi sedikit pemahaman apa itu *geoparks* sebenarnya. *Geoparks* ini sebenarnya dia mesti satu kawasan yang mempunyai kepentingan geologi yang bersifat antarabangsa dan dia diuruskan dengan konsep perlindungan *conservation, protection* dan pendidikan kita kena ada berterusan pendidikan disampaikan kepada pelancong ataupun budak-budak sekolah dan yang penting adalah pembangunan lestari. Ini semua perlindungan, pendidikan, pembangunan lestari adalah tanggungjawab *the guardian of geopark which is LADA di sini di bawah Dato' Haslina* dan kita buat konsep *co-management*. Geologi ini sifat geologi ini hanya boleh ditentukan oleh *geologist*, dia orang datang *study* di sini, dia orang buat beberapa kajian menentukan faktor usia batuan dan daripada situ dia keluar satu cerita yang lebih menarik untuk dipaparkan kepada pelancong.

Nanti saya akan *share* pula selepas ada dua, tiga *slide* selepas ini apa maksud *international geology geo significant* ataupun geologi antarabangsa. okey, *next*. Okey dalam Malaysia ini dah ada Geopark Kebangsaan. Geopark Kebangsaan ni dia macam dia mesti menjadi Geopark Kebangsaan dulu sebelum diangkat menjadi Geopark UNESCO.

■1030

Kalau di Malaysia ini ada dua UNESCO Global Geoparks iaitu Langkawi diiktiraf pada 2007 dan Kinabalu UNESCO Global Geopark pada 2018. So, kalau kita lihat lain dalam Malaysia ini ada 13 *geopark* kebangsaan. Kalau saya boleh tunjukkan sikit nombor empat itu adalah di Mersing, Johor. Mersing ini dulu adalah di dalam Lingkaran Api Pasifik yang sekarang ini ada bukti jelas letusan gunung berapi boleh dilihat. Kalau Pulau Sibu itu ada banyak dia panggil bom lah. Bom yang letusan itu jatuh di situ dan dilihat dengan jelas.

Kalau di Lenggong, Lenggong nombor enam itu *of course* kita ada Perak Man. Perak Man *is the oldest mummy* yang ada di kawasan *South East Asia— even better story compared to King to Tutankhamun*. *King Tutankhamun* ini Firaun pada zaman dia hidup hanya 3,500 tahun tetapi di Lenggong ini Perak Man ini 11,000 tahun. Penceritaan dia lagi hebat. So, kita kena kembangkan.

Yang terakhir kalau kita masukkan di sini di Perlis sebab Datuk CEO *from* Perlis. Perlis ini baru sahaja diangkat sebagai *geopark*. Dia ada kawasan batu kapur yang amat cantik dan daripada segi geologi pun yang bersifat *international geological significance*.

Kalau di dunia, model *geopark* ini bertumpu di dua kawasan sahaja. Yang pertama adalah di negara China. Sebab China ini menggunakan konsep *geopark* ini sebagai pembasmi kemiskinan. Macam kita buat FELDA, dia buat *geopark*. *Because geopark* ini dia akan— dia ada konsep *tourism*, ada konsep penglibatan komuniti. So, China suka benda ini.

Kedua adalah di *Europe*. *Europe* ada banyak *geopark*. Dia menggunakan konsep *geopark* ini untuk *sustainability in action*. Dia hendak buat semua benda-benda *sustainable* ini. So, tumpuannya adalah di China dengan di *Europe*. Tetapi dia sudah berkembang dengan luas di *North America*, di *Central America* dan *South America* termasuk *Africa*.

Okey, konsep *geopark* ini pula dia tidak sama dengan kalau di Malaysia kita ada tiga program UNESCO. Yang pertama adalah *World Heritage Site* iaitu tapak warisan dunia. Lenggong dapat— di Malaysia ini kalau di Malaysia ada Lenggong, ada Melaka, dengan Penang, ada Kinabalu dan Gunung Mulu. Sebab dia boleh dari segi *culture* ataupun *nature*. Tetapi apabila dapat *certification* ini, dia tidak akan dinilai semula *compared to geopark*. *Geopark* ini mesti dinilai semula setiap empat tahun. So, kita dah lalui empat kali proses penilaian. Dia pakai sistem *traffic light*. Kalau hijau dia bagi, so boleh teruskan *another four years*. Kalau kuning hanya dua tahun sahaja dia datang *check* balik dan merah tidak boleh diteruskan. Ada contoh di dalam dunia ini ada dua negara dah dapat kad merah. So, mereka tidak boleh *continue* jenama UNESCO Global Geopark.

Okey, macam mana kita *promote* Langkawi *through geotourism* ini Yang Berhormat Pengurus berminat sangat. Kita— kawasan pemuliharaan dan hutan simpan kekal ini kita jadikan sebagai Georintis ataupun *Geotrail* untuk pelancong *experience*. Selepas *meeting* ini kita semua akan ke Kilim Karst Geoforest Park. Dia menunjukkan satu batuan yang amat unik sekali yang tidak terdapat di mana-mana tempat dalam dunia ini. Nanti kita saksikan petang ini.

Di situ sahaja kita boleh— *yearly, annually* kita dapat lebih daripada 500,000 pengunjung datang melawat. Okey. Kalau di Gunung Mat Cincang di mana *cable car* terdapat penceritaan yang semalam dah pergi. *Year in, year out* dalam macam *last year* kita dapat

lebih daripada 800,000 pengunjung di sana. Sebelum Covid kita dapat *1.2 million visitors*. Ada lagi Dayang Bunting, Kubang Badak Biogeotrail dan kita ada di Gunung Raya ya.

Okey, yang ini adalah yang macam saya cakap tadi apakah itu keunikan kepentingan geologi. Langkawi ini dulu kalau tengok nombor satu itu Langkawi adalah mempunyai batuan lengkap pada bumi berusia 250 juta tahun ke 550 juta tahun. Sebelum itu fakta pasal bumi ini, bumi berusia 4.6 bilion tahun dan Langkawi dalam kawasan yang kecil ini mempunyai bantuan yang lengkap pada usia bumi waktu itu. 550 juta tahun ke 250 juta tahun dan Langkawi juga sebenarnya berada di sebelah Australia 300 juta tahun dahulu dan dia telah diangkat oleh *tectonic plate* ke kawasan khatulistiwa sekarang. Itu adalah nombor 1.

Nombor dua bantuan batu *karst* tropika tertua di Malaysia ini, petang ini kita hendak pergi tengok di Kilim, dia ada banyak *wildlife* dekat situ, habitat hidup di situ dan ada banyak penceritaan yang fantastik. Okey, yang nombor tiga adalah terdapat juga di Langkawi ini batu jatuh. Batu jatuh ini adalah batu daripada glasier, *top of the mountain*. Bila bumi ini dah *start* panas, so, *ice cap* itu jatuh jadi *iceberg*. Dalam itu dia dah sebelum jatuh itu dia dah *they collect all the debris rock* dan dia masuk ke dalam laut dan mencair. *Somehow*, dia *drop* dekat Langkawi ini. Ada banyak tempat yang kita boleh tengok. Okey.

Yang keempat *of course* kita adalah tempat lahirnya bumi Malaysia. Langkawi *has the oldest rock in South East Asia*. *The last* sekali adalah bukti kawah hentaman *meteorite*. Di tengah-tengah Langkawi ini ada satu kawasan sawah yang paling subur sekali. Situ adalah kawasan hentaman *meteorite* 10 juta tahun dahulu. Kalau naik ke Gunung Raya tadi, gunung paling tinggi di Langkawi boleh tengok dengan jelas hentaman itu. Setiap kali hentaman berlaku, tanah akan subur *because* dia macam membajaklah. Dia bajak bagi elok balik. So, itulah keistimewaan Langkawi yang semua tempat ini boleh dilawati, okey.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Saya mohon untuk— Doktor Azmil juga merupakan Pengurus Pelancongan LADA. Mohon Doktor Azmil teruskan berkenaan dengan statistik ya pelancongan di Langkawi.

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Terima kasih Dato'. *Right*, ini adalah statistik kedatangan pelawat daripada tahun 1986 hingga ke 2023 *last year*. Kita *start collect* statistik pada tahun 1987 kerana pada masa itu adalah Langkawi diiktiraf sebagai bebas cukai. Situ hanya pada masa itu hanya 200,000 pelancong yang datang ke Langkawi. Yang tertinggi sekali adalah pada tahun 2019 sebelum COVID, 3.9 juta pelancong yang datang. Kalau kita lihat di sini dia punya graf itu menaik kecuali ada dua kali sahaja menurun kerana Langkawi ini ataupun pelancongan ini dia *very dynamic and sensitive towards every issue* yang *globally* ada.

Pada tahun 1998 walaupun kita *Asia Economic Crisis* sepatutnya *Europe* itu dia merasakan dia lebih murah untuk datang melancong ke Malaysia tetapi tidak. *Because* dia

diuar-uarkan bahawa kita banyak *company bankrupt* apa semua itu so, orang dah tak datang. *The second one* is masa Tsunami kalau masih ingat. Tsunami di Langkawi ini hanya ada satu sahaja kematian dan diuar-uarkan gambar bandar Aceh itu banyak sampai orang dah takut nak datang padahal pada masa itu Langkawi tidak terjejas pun. Oleh kerana macam itu, dia ya lah dia *globally* punya isu, *affect us somehow*. Okey.

Then, pada tahun lepas kita berjaya mendapat 2.8 juta pelancong. Sebenarnya kalau kita lihat di sini kita menganggap, bukan menganggap – ada satu *study* daripada PATA. PATA is *Pacific Area Travel Association*. Tahun 2023 adalah tahun transisi, masih lagi *transition* daripada Covid. Tahun 2024 ini adalah tahun *stability*. Kita baru hendak stabil balik. Tahun 2025 adalah tahun kemajuan ataupun *growth year for tourism*. 2026 is a – for us a *jackpot*. Kita hendak kena *visit Malaysia Year* ada dekat situ. *We going to hit jackpot*.

Up to May 2024 kita dah *record about 1.2 million visitors to Langkawi*, about seven percent increase from last year 2023.

■1040

So, it shows that it's a very good growth and kita boleh rasa positive vibes itu yang pelancong datang ke Langkawi, okey. *Next slide*, okey. Slaid ini seterusnya nak tunjuk kita punya *accessibility because accessibility is very important*. Yang ini adalah *main factor* untuk pelancong masuk ke Langkawi. Kalau kita lihat penerangan, jadual penerangan ada 185 seminggu. Kita ada daripada *various destinations* Kuala Lumpur, Penang, Subang, Johor dan kita ada dua *international destinations* iaitu *Singapore*, 16 kali seminggu dan Dubai tujuh kali seminggu.

Alhamdulillah kita dah *close deal* dengan satu lagi *airline* daripada Poland akan datang *charter*, penerangan sewa khas pada hujung tahun ini sebanyak 30 penerangan untuk *for the next three years*. *Then*, kalau kita lihat feri di sini hanya 126 jadual feri seminggu dan baru-baru ini, Sani Express dah masuk. *Alhamdulillah* dah menjadi satu pertambahan feri kepada Langkawi. Kita juga Ro-Ro iaitu 42 kali seminggu. Ro-Ro ini boleh pelancong masuk bersama kereta dan penumpang sekali. *Cruise* ini, *cruise* tahun 2023 hanya 21 *cruise*. Tahun 2024 kita dah *registered* dan *confirmed* yang akan masuk 51 *cruises*.

So, far up to May kita dah *received more than 25 cruises*. Dia stop dekat sini for *excursionists for day trip*. Akan tetapi, *recently* kita dah dapat satu lagi *cruise* yang dia bermalam di sini, itu jarang-jarang berlaku sebab *these people, their own unit on the cruise and this cruise travels around the world*, so dia dah pilih untuk bermalam di Langkawi. So, dia orang turun, dia orang tidur pula di hotel. Masa itu Hotel Ritz-Carlton dengan Four Season, dia orang pilih.

Alhamdulillah, so these people are high affluent, big spender untuk majukan ekonomi Langkawi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya?

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:

Ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Dr. Azmil, saya berminat nak tahu untuk lapangan penerbangan dari Dubai itu tujuh kali seminggu. Jadi, kapasiti *flight* itu macam mana dan setakat ini berapa pelancong yang masuk melalui *route* itu? Terima kasih.

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:

Terima kasih, Yang Berhormat. Kita bermula Langkawi-Dubai ini pada 10 Februari tahun ini, tahun ini. *Then*, dia ada mempunyai *seat capacity* 156 ekonomi, 10 seats untuk *business*. So, dia panggil dia *low-cost* tetapi dia kata dia hibrid. Dia ada - dia *low-cost* tetapi dia ada *business class*. *Right*. Kalau kita melihat, dia Dubai ini dia akan stop ke Pulau Pinang dulu lepas itu baru dia akan maju ke Langkawi. Kalau kita lihat daripada segi *numbers*-nya, *in a month we can only clock about 400 passengers to Langkawi in a month. So, it's quite low* tapi *it keeps increasing from 400 in February then become 500 in March and then they keep increasing up to last month about 700 plus. But still to airline it's not good. So, we are helping them with* - kita akan buat banyak B2B untuk nak *pickup agents with these two destinations* untuk *get more interest for people to come*.

But this airline is good because Dubai is a hub. But it's a hub dia boleh pickup semua not only from Middle East countries but from Eastern Europe as well. Itu, Yang Berhormat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira, boleh tanya sikit? Boleh, ya? Fasal semua orang *dok diam* itu nak tanya boleh tanya ke *dak*. *[Ketawa]* Nasib baik Yang Berhormat Kluang mula.

Pembentangan Dr., tadi amat menarik sekali ya. Saya ada satu maklumat. September tahun sudah saya pergi Kazakhstan, seminggu dan saya bertemu dengan Pengarah Tourism Malaysia di sana dan ramai lagilah daripada pihak Kazakhstan.

Sebelum COVID ini kita ada *direct flight* dari sana ke Langkawi dan lepas COVID tak ada lagi dan Pengarah TDC Tourism kita di sana mencadangkan supaya kita bawa balik *this direct flight*. Dia tak semestinya kita buat tiap-tiap hari, ya. *It can be twice a week or once a week*. Dia boleh menarik bukan sahaja pelancong dari Kazakhstan tetapi juga pelancong dari tiga buah negara Central Asia, kan? Dia tertumpu dekat situ. Bukan sahaja dia menarik pelancong tetapi *business people*.

Kazakhstan adalah sebuah negara yang amat luas. *1.7 million square kilometers* dan penduduknya hanya 23 juta dan dia banyak *oil* dan memang ramai saya juga saya jumpa orang-orang Malaysia dah mula nak pergi buat *business* di sanalah. Jadi, dia boleh juga *tackle business people here*. *Depa mai* daripada Kuala Lumpur mai sini *teruikh* ke Astana atau *Almaty*. *Almaty is a commercial city*. Astana dia punya ibu negara.

Jadi, saya minta kalau boleh diberikan pertimbangan macam mana cara Dato' dan Encik Wan Kamarul pun dah *contact* Pengarah TDC di sana. Mungkin kita boleh ada *follow through* supaya kita bagi *certain date, timeline* kan, supaya kita boleh tarik balik. Dia kena mula dengan perbincanganlah. Dia tak boleh *dok sengap, no follow through* dan daripada situ dia akan *pickup*. Sebabnya *very simple*. Kalau dulu boleh buat sebelum COVID, kenapa lepas COVID tak boleh buat? So, *it is the matter of kita ambil serius effort lah to this matter*. Terima kasih, Datuk Wira.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Pasu. Berkennaan dengan jawapan kepada soalan tadi, *direct flight-lah* daripada negara-negara berkenaan Kazakhstan, ya. Memang Pejabat Tourism Malaysia di Almaty dan ibu negara di Kazakhstan itu, dulu Nur-Sultan sekarang Astana. Kita memang dari segi promosi Langkawi itu memang kita sentiasa melaksanakan. *We have negotiated with a couple of few airlines* untuk datang ke sini. Sebelum COVID saya difahamkan memang ada beberapa *international airline* yang selalu datang ke Malaysia, *I mean* ke Langkawi. *But selepas COVID kita dimaklumkan engagement* telah lama dibuat.

Untuk *flight* Dubai itu pun kita buat *more than five years for - to get them to come to* Langkawi. Banyak *follow up, follow through* yang kita buat dan kita juga telah berbincang dengan pihak Indonesia, Kualanamu Airline tetapi difahamkan dia masih menunggu turutan disebabkan *aircraft* katanya selepas COVID ini bila banyak *booking* nak dapat itu *they will have to heat sometimes*.

Jadi, macam mana pun kita proses lobis melobi ini masih kita laksanakan dan macam mana kita *participate* di dalam *international event* macam di Berlin baru-baru ini. Kita berjumpa dengan pemilik-pemiliklah, syarikat-syarikat *airline* dan juga ejen yang berkaitan. *Alhamdulillah*, sebelum ini *through the negotiations done* yang kita dapat, yang Poland itu akan bermula November ini pun melalui proses-proses *negotiations* yang kita buat sebelum ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga ada beberapa *airline* yang kita telah berbincang sebab baru-baru ini kita telah ada satu program dipanggil *Routes Asia* yang dibuat di Langkawi yang melibatkan syarikat-syarikat penerbangan, *airlines' owner* dan dari sini kita ambil peluang itu untuk berbincang, mesyuarat dengan dia orang. Ada *meeting-meeting* yang kita buat secara *online* dan juga bersemuka dengan pihak-pihak berkepentingan berkaitan dengan *airline*.

Hopefully kita memang - *connectivity is the most element* yang penting on to get more arrivals to Langkawi. Memang bila kita berbincang dengan pihak-pihak luar sekarang ini kalau ikut berdasarkan kepada polisi di Kementerian Pelancongan dia ada beberapa *market*, dia ada *primary market, secondary market, traditional market and emerging market*. So, kita - apa

yang kita laksanakan di Langkawi ini tertakluk kepada polisi-polisi kerajaan di peringkat Federal.

Untuk *emerging market* kita nampak macam tadi Yang Berhormat sebut Rusia dan negara di sana...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Central Asia, Central Asia.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Ya, Central Asia dan juga *now the emerging market* di Rusia juga. Kita nampak bila dia *winter*, terlalu sejuk memang dia berminat untuk datang ke sebelah kita ini *because what more* Langkawi kita *offer the whole year* punya pelancongan.

■1050

Dia orang pun berminat. Cumanya dari segi *connectivity* itu, memang kita perlu perhebatkan lagi *the negotiations*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Pihak kita, kita boleh bantu setakat yang kita boleh. Kita ada jawatankuasa kerjasama persahabatan dengan Central Asia, tiga negara ini dan saya Timbalan Pengurus. Pengurusnya pihak kerajaan. Akan tetapi, kita boleh bantu cara saya, cara kita. Terima kasih.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengurus, boleh tanya slaid ini? Mengenai slaid ini, penerbangan dengan feri. Kita tengok penerbangan 185 seminggu, jadual feri 126 seminggu. So, kalau penerbangan tadi *we are talking about* antarabangsa dan sebagainya, yang jauh-jauh. Kita nak ini, saya nak faham, kenapa Kuala Kedah ini 35 kali, Kuala Perlis 56 kali? So, bukankah sepatutnya lagi lebih daripada penerbangan sebab dia lokal, *these Malaysians* kah, mungkin daripada Siam kah, daripada lokal.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Ya. Yang Berhormat Dr, berkenaan dengan feri, perjalanan feri, jadual waktu feri adalah tertakluk kepada air pasang surut. *That is actually beyond of our control.*

Kita seboleh-bolehnya kita nak lebih daripada itu sebab bila *now global warming*, dia *effect* air pasang surut. Bila air surut, feri dia tak boleh nak melabuh sampai ke jeti. Jadi, itu menyebabkan antara isu-isu yang menyebabkan kurangnya *numbers of ferries as compared to earlier. But now*, kita LADA telah pun berjumpa dengan Kementerian Pengangkutan sebab urusan-urusan yang berkaitan dengan laut ini adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Laut dan kita sampaikan apa sahaja aduan-aduan berkaitan dengan kekurangan feri, semua itu dan *alhamdulillah*, air pasang surut itu satu, satu lagi berkenaan dengan *sedimentation dredging*.

Sedimentation itu, yang itu pun kita dah bercakap dengan — kita sampaikan keperluan agenda *dredging* perlu dibuat. Sebelum-sebelum ini, sebelum COVID-19, *dredging* itu tiga tahun sekali dibuat, tetapi sekarang keperluan ini kita nampak setiap tahun kena buat. Kita dah berbincang dengan pihak Kementerian Pengangkutan dan ada satu *solution* sebab LIMA *will be here next year*. Saya dimaklumkan kementerian MOF telah juga ada peruntukan untuk *dredging* kepada Kementerian Pengangkutan. Itu sedang dilaksanakan untuk tujuan *dredging* sebelum hujung tahun ini. Bila *that one* berlaku, mungkin jadual itu akan lebih *numbers* daripada apa yang ada sekarang ini.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sikit saja nak faham lagi apa, sebab ini aduan daripada apa — saya dah lama tak pergi tengok jeti itu, so I am just dapat aduan. Sorry Kubang Pasu, orang luar Kedah ini. Okey. *Sedimentation* itu, it's from *erosion or from* apa? So, apakah — saya difahamkan *dredging* ini dibuat berkali-kali. Ada tak satu kaedah — nak kena kaji, bukan? Secara *in total*, komprehensif. Satu kaedah di mana you make a real good *dredging* dan macam yang kalau pantai itu, dia letak segala batu, segala apa itu supaya prevent the erosion, bukan?

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Wind breaker.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Bukan? So, tak bolehkah buat kaedah itu sekurang-kurangnya tempat yang feri nak lalu dan sebagainya itu sahaja? So, at least you don't interrupt because this is your income sebenarnya yang keluar masuk, keluar masuk. You are talking about Kazakhstan, you nak cari orang yang payah-payah lagi whereas this is your Malaysian customers, bukan? They want it, they want to come to Langkawi.

Saya difahamkan ya, saya kata, "Jom pergi tengok Kuah", Jeti Langkawi *itself is okay, there is no sedimentation* apa benda, *no dredging, nothing*. So, if Langkawi is okay, yang nak pergi ke Langkawi itu, bukan? Why can't you settle that one, once and for all. Get the ministry, MOF kena inikan benda itu. If that is the critical success factor to get the numbers to Langkawi, I think that one kena be real focus kot.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Yang Berhormat, yang itu is beyond our control, di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan dan juga Jabatan Laut. Kita memang dah panjangkan apa sahaja aduan-aduan ya? Silakan Datuk.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Yang Berhormat...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Akan tetapi, under LADA or not? Yang di Kuala Perlis dan Kuala Kedah ini?

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Jabatan Laut.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Jabatan Laut, tak *under* LADA?

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Bukan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: MOF.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: MOF — YB, MOF pun akan menjawab berdasarkan *personal experience* saya beberapa tahun yang lepas. Sebenarnya isu pengerukan Kuala Perlis, sebenarnya telah dibuat kajian termasuk juga isu pengerukan di Kuala Kedah, Jeti Kuala Kedah. Kedua-dua itu telah dibuat kajian oleh MOT saya rasa dalam lima tahun yang lepas.

Kenapa di Langkawi tak ada isu *sedimentation*, Kuala Perlis dan Kuala Kedah ada disebabkan *nature of sungai* yang membawa lumpur, lumpur daripada sawah-sawah padi. Itu puncanya *sedimentation* berbentuk lumpur di kedua-dua jeti tersebut, Jeti Kuala Perlis dan Jeti Kuala Kedah.

Memang kalau kita buat benteng pun tak boleh sebab dia bukan disebabkan oleh cerun, ia disebabkan lumpur. Adalah satu kaedahnya benda ini telah dibuat perbincangan bersama dengan pihak Kementerian Pertanian juga, kaedah macam mana untuk mengelakkan lumpur-lumpur daripada sawah padi dan sebagainya yang dalam alir sungai utama di negeri tersebut. Itu setakat itu yang saya ada pengetahuan tentang perkara berikut.

Berbalik kepada projek pengerukan, sebenarnya projek pengerukan bagi jeti-jeti utama memang merupakan satu projek yang telah diluluskan berdasarkan permohonan daripada kementerian-kementerian berkaitan. Contohnya Kuala Perlis pada ketika dulu tiga tahun sekali, lepas itu dikerapkan kepada dua tahun sekali. Akan tetapi, sekarang ini saya kurang pasti kekerapan pengerukan itu dibuat.

Untuk makluman, pengerukan itu dibuat secara *optimal* sahaja. Maknanya, pengerukan dibuat tidak dibuat secara keseluruhan. Dia dibuat pengerukan mengikut alur pelayaran kapal sahaja untuk *reduce the cost*. Jadi, saya tidak ada maklumat berkaitan sama ada tahun ini atau tahun depan ada peruntukan kepada MOT. Ini mungkin boleh disemak kemudian. Akan tetapi, memang sememangnya projek-projek pengerukan adalah merupakan projek-projek utama diluluskan kepada Jabatan Laut terutama untuk *ports* kita.

Jadi kenapa persoalan YB tadi Langkawi tak ada, Kuala Perlis, Kuala Kedah ada, *its sedimentation* berbentuk lumpur di situ. Akan tetapi, kemudian nanti mungkin nanti kami akan berbincang dengan lanjut dengan pihak Jabatan Laut, LADA dan pihak PBT juga macam mana kita boleh mengatasi perkara ini.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sekejap, sedikit kepada Datuk Wira. Kalau sungai nak tangkap sampah supaya tak pergi ke laut, dia macam ada *lock boom* semua itu, bukan? Nak tangkap sampah. So, *about sediment* itu tadi, adakah yang *a few barriers* yang sebelum dia sampai ke muara sungai itu?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Tiada maklumat tentang perkara itu. Tiada maklumat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak ada? So, *this* Jabatan Laut punya portfolio? Nak kena — *because otherwise we are going to solve the problem for Langkawi*, so dia kalau dia perlu jabatan lain, bukan?

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira, fasal isu pintu masuk ini, kita ada jadual penerbangan dan juga feri. Boleh kongsikan *breakdown* dia tak? Berapa ramai pelancong masuk melalui penerbangan dan berapa masuk melalui feri? Itu yang bahagian pertama.

Keduanya, isu fasal feri ini yang telah dikemukakan oleh Kapar tadi, maknanya Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen pula ada bincang berkenaan dengan Kuala Kedah, Kuala Perlis punya isu ini. Beberapa syor oleh Jawatankuasa Parlimen Infrastruktur telah dikemukakan, telah dipanjangkan juga. Cuma saya nak tanya di sini *specifically on route* Langkawi dengan Penang, diberhentikan semasa COVID-19 dan adakah apa perancangan dia sama ada *route* Penang-Langkawi ini berhenti selama-lamanya ataupun dalam perancangan untuk *revive* balik? Terima kasih.

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau soalan yang pertama itu, *breakdown* berapa orang datang ke — *I mean from jeti* dan berapa orang yang sampai melalui penerbangan.

■1100

Okey kalau kita lihat pada tahun 2023, kalau dari jeti, *arrival from jetty 1.2 million. Domestik, international about 80,000 people*. Kalau *airport*, *1.1 million* domestik, *international* lebih pada 100,000 sikit. So total - kita ada juga datang daripada *cruise* domestik dengan *international*. Ada lebih kurang dalam 32,000 dan ada juga daripada pelayaran Yorke ini. Yorke ini datang lebih kurang dalam 3,000 orang dan Langkawi Port - kita *collect* juga daripada Langkawi Port yang RoRo tadi lebih kurang dalam 290,000. So *total arrival* 2023, 2.81 juta pelancong.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Those 2023 yang maknanya lebih kurang samalah perlembagaan 1.2, 1.1. *Before that*, ada tak *like* 2019 ada tak *figure* dia *before* COVID?

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Pengurus Bahagian Pelancongan]: Okey before COVID, jeti received 2.5 million. Sebab kita ada 3.9 so 2.5 million itu, *jetty alone*, domestik. Domestik and *international* lah kita collect di situ.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, memandangkan kita baru muka surat 18, kita ada lagi 32 muka surat.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Sikit sahaja pasal *Penang* itu. Cerita sikit what is the plan pasal route Penang-Langkawi. Sikit sahaja.

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Pengurus Bahagian Pelancongan]: Okey route Penang-Langkawi, before COVID, kita ada from feri dan kapal terbang. Selepas COVID, feri ini belum *revive*, hanya kapal terbang. Kapal terbang sehari kita ada empat penerbangan AirAsia dan Firefly. Itu sahaja yang kita - *Penang is a very good hub to us. So, we need that*. Kalau ada lagi lebih, lagi bagus.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Feri?

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Pengurus Bahagian Pelancongan]: Feri belum *revive*.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Its planning.

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Pengurus Bahagian Pelancongan]: Oh, *plan*. Kita dah bercakap dengan operator feri, dia kata dia belum mampu lagi nak *revive that route*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Kita teruskan dengan pembentangan.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Ketua Pegawai Eksekutif]: Okey sedikit Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan semua Ahli PAC, sedikit berkenaan tentang rantaian nilai pelancongan. Melalui kajian yang dijalankan pada tahun 2023, pelancong di Langkawi berbelanja dalam tujuh rantaian ekonomi iaitu penginapan dan membeli belah masing-masing sebanyak 21 peratus, pengangkutan sebanyak 15 peratus, lawatan 13 peratus, F&B 12 peratus, tempat tarikan 10 peratus dan hiburan sebanyak 8 peratus. Secara purata, pelancong domestik berbelanja lebih kurang RM1,600 per capita manakala *international tourist* belanja sebanyak RM3,000 per capita.

Next slide ya. Ini merupakan statistik ketibaan pelancong daripada 10 negara yang tertinggilah yang kita rekodkan. Berkenaan dengan polisi terbaru kerajaan, kelonggaran penggunaan visa daripada negara China dan India oleh kerajaan baru-baru ini melonjakkan ketibaan pelancong daripada kedua-dua negara. Sekarang kita nampak, China ranking nombor satu ketibaan ke Langkawi. Nombor dua, India; tiga, *Singapore*; empat, UK; Arab Saudi; Australia; Amerika Syarikat; Taiwan; Jerman; dan juga Perancis di ranking yang ke-10.

Seterusnya, ini berkenaan dengan apa yang disediakan hotel dan *resort* yang ada di Langkawi. Kita ada lebih kurang 11 hotel yang bertaraf lima bintang seperti yang tertera di

layar yang menawarkan 2,017 bilik dan kita ada lebih kurang 15 hotel yang bertaraf empat bintang yang menawarkan 2,160 bilik. Keseluruhan bilik-bilik yang ada daripada hotel tiga bintang dan ke bawah termasuk motel dan juga chalet, kita tawarkan lebih kurang 12,500 biliklah. Yang ini berdaftar.

Seperti juga Yang Berhormat Datuk sedia maklum, kita ada juga *homestay-homestay* yang menawarkan bilik-bilik yang berasingan *direct* kepada pelancong. Untuk makluman juga, kita ada lima hotel bertaraf lima bintang yang sedang dibina dan *insya-Allah* akan siap pada tahun depan. Saya teruskan serah kepada Datuk Dr. Shahrazat.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Terima kasih. Seterusnya kita pergi kepada agenda utamalah berkaitan dengan syor PAC dan maklum balas yang akan dikemukakan oleh pihak-pihak MOF dan juga LADA ke atas lima syor.

Next, berikut ada lima syor. Saya akan pergi kepada syor yang pertama terlebih dahulu. Syor pertama adalah MOF dan LADA perlu mengambil tindakan segera bagi memuktamadkan status tanah supaya perjanjian pajakan dapat diselesaikan sekali gus membolehkan LADA mengutip nilai pajakan sebanyak RM3.19 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi serta Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam perbincangan atau prosiding yang terkini iaitu pada tahun lepas telah pun diberi arahan kepada pihak kami untuk memuktamadkan perjanjian pajakan ini dalam suku tahun pertama tahun ini. Sebenarnya, proses untuk memuktamadkan perjanjian, dia telah pun mencapai kata sepakatnya dalam tempoh suku tahun pertama. Tetapi terlajak dalam suku tahun kedua sebab ada beberapa perkara-perkara yang memerlukan kelulusan pihak-pihak ataupun *shareholder* yang berkaitan.

Untuk makluman, terdapat dua perjanjian utama yang terlibat dalam siri perkara ini. Pertama adalah sebelum perjanjian pajakan itu dapat ditandatangani, pihak kami perlu memuktamadkan *shareholder agreement* terlebih dahulu. *Shareholder agreement, alhamdulillah* telah pun dimuktamadkan pada 10 Jun yang lepas di antara pihak Eagle Cove mewakili Rajawali, di pihak Twin Eagles Ventures mewakili MOFA dan juga di pihak International Eagle Resources mewakili LADA.

Jadi *shareholder agreement* ini melibatkan tiga pihak dan telah pun selamat ditandatangani pada 10 Jun yang lepas. Susulan daripada *shareholder agreement* ini maka perjanjian pajakan di antara LADA dan INR (Integrated Nautical Resort) telah pun ditandatangani pada tarikh yang sama dengan ...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk Shah, maksudnya daripada 21 Februari 2024 itu, banyak perbincangan telah dilakukan?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Yes, ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tapi *finally* 10 Jun baru ini. Saya nak tanya sahaja ya. Adakah dengan kehadiran PAC ke Langkawi ini sebenarnya membantu?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Saya rasa dengan kehadiran membantu untuk kami *sign*. Sebenarnya KPI kami ialah ditandatangani sebelum PAC tiba di Langkawi lah. *Alhamdulillah*, walaupun satu hari sahaja terlewat tapi tetap ditandatangani. *[Ketawa]* Padahal dia sampailah tapi tarikh yang dipilih sebenarnya kalau nak *sign* itu kita boleh *sign* lebih seminggu awal tetapi pihak Indonesia yang hanya boleh datang pada tarikh yang berkaitan. Jadi secara tidak langsungnya, PAC juga mendorong kepada untuk mempercepatkan lahan perjanjian kami ini.

Jadi Yang Berhormat, dengan termeterainya perjanjian pajakan di antara LADA dan INR ini, maka isu kedua iaitu tunggakan nilai pajakan telah pun diselesaikan. Di mana dalam *agreement* itu telah pun dimasukkan bahawa tunggakan pajakan akan diselesaikan dalam tempoh enam bulan selepas perjanjian ditandatangani dan nilai tunggakan kita ambil terus sehingga tahun ini. Maknanya tahun 2014 sehingga tahun ini akan diselesaikan dalam tempoh enam bulan. Jadi seterusnya bayaran akan dibuat secara *on time* lah, berkala mengikut tahunan.

Ya, maka isu yang pertama, maka - terima kasih kepada PAC dan syor. Kami telah berjaya menyelesaikan dua perjanjian pajakan, telah menyelesaikan isu tunggakan di pihak LADA yang mana *insya-Allah* dalam tempoh enam bulan akan terima tunggakan tersebut dan bayaran tahunan akan bermula pada tahun hadapanlah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ya, okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya nak minta pandangan daripada Datuk tentang *share*. Apakah kandungan *shareholders agreement* yang telah dimeteraikan *the inti pati* yang utamalah?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Then* - ya, silakan.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: *Gist* kepada *shareholder agreement* itu adalah tentang perjanjian antara ketiga-tiga pihak. Maknanya tanggungjawab sebagai *shareholder*, maknanya itu normal perjanjian antara ketiga-tiga pihak dari segi sekiranya ada *capital called up*, itu sahaja. Tidak ada *obligation* sama ada...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Capital apa? Capital injection?*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: *Capital called up.*

Misal kata dalam perjanjian ini, *shareholder agreement* ini, terdapat tiga pihak. Dalam ini memeteraikan atau muktamad untuk ketiga-tiga pihak, berapa *share* yang *allocation of share*.

■1110

Contohnya, di pihak *Eagle Co.*, 40 percent; *Twin Eagle* 30 percent; dan *International Eagle Resources*, 30 percent. 40, 30, 30, itu okey. *Shareholder agreement* menyatakan jeez dia adalah pecahan dari segi *shareholding*. Itu yang pertama.

Kedua, obligasi kesemua pemegang-pemegang saham. Obligasi itu sama, dah tidak ada apa-apa. Cuma, sekiranya ada *capital callup*. Misal kata panggilan untuk— maknanya semua orang mesti *subscribe* kepada *capital callup*. Itu sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Kita difahamkan bahawa INR ini 40 percent Rajawali Group; 30 percent LADA; and 30 percent MOF. Jadi, adakah *shareholder agreement* ini melibatkan ketiga-tiga pihak ini atau yang lain? Pihak yang lain?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Ya, sebagaimana saya katakan tadi perjanjian *shareholder agreement* ini melibatkan tiga pihak yang saya kata tadi. *Eagle Co.* mewakili Rajawali, *Twin Eagle* mewakili MOFE dan *International Eagle Resources* mewakili LADA. Tiga pihak yang berkaitan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Faham dan bayaran tunggakan RM660,000 setahun kepada LADA akan *trace back* kepada 2014?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Ya. Tunggakan akan di-*trace* bermula pada tahun 2014 sehingga 2024 akan dibayar dalam tempoh enam bulan selepas perjanjian pada [tidak jelas] ditandatangani. Seterusnya untuk 2025 dan sehingga tamat pajakan, ia dibuat secara tahunan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ini bermaksud bahawa LADA telah selesaikan obligasi mereka iaitu dari segi daripada *leasehold* kepada *freehold*. Selesai isu yang tertunggak itu.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Tidak timbul. Tidak timbul *isu leasehold* kepada *freehold*. Tanah ini sememangnya dipajak atas statusnya memang *leasehold*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tapi originally INR tidak ingin membayar kepada LADA kerana mereka *complaint* bahawa LADA tidak *fulfill the obligation to turn it into freehold*.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Tidak ada timbul isu dia *freehold* sebab pada asalnya memang tanah itu berbentuk *leasehold*. Cuma tidak membayar disebabkan tiada perjanjian pajakan yang mengikat. Itu sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya juga ingin tanya tentang isu *non performing loans* oleh Bank Pembangunan. So, I think this is the bigger issue...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Kita tutup yang isu pertama— syor pertama dulu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Boleh.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Saya pergi kepada syor kedua. Okey, untuk syor kedua— syor kedua berbunyi MOF perlu...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap. Ada soalan— sebelum pergi kepada kedua, ada lagi soalan untuk...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Syor pertama.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Syor...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Pertama.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Sebenarnya, tadi masalah itu timbul *leasehold* ke *freehold* kerana apabila kami PAC buat prosiding, memang isu itu timbul. Katanya INR tidak ingin tandatangani persetujuan *agreement* itu kerana *leasehold freehold*.

Seorang Ahli: *[bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ha, kita— kami juga buat rumusan sebegitu. Ha...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: *Don't worry.* Sememangnya pada asalnya untuk *feasibility* dan *viability* sesatu *business*, mereka memerlukan pajakan itu berbentuk ataupun tanah berbentuk *perpetuality-lah*. *Freehold* tetapi dasar kerajaan negeri telah menetapkan sebarang pajakan yang diberi adalah berbentuk *leasehold*. Tetapi dalam perbincangan yang kita adakan, pihak-pihak— ketiga-tiga pihak telah pun bersetuju dengan tempoh dan juga status tanah berdasarkan *leasehold* tersebut, ya. Itu merupakan polisi kerajaan negeri.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Baru mereka dalam...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Setuju.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Dalam perbincangan yang baru-baru ini...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Yes.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: ...Akhirnya mereka setujulah.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Setuju, ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tapi, sebelum ini mungkin ada pandangan lain?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Ada pandangan lain.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *[tersenyum sambil menganggukkan kepala]* Betul.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Ya. Seperti mana yang diterangkan pada prosiding yang lepas, ada pandangan lain tapi dalam rundingan yang berlaku telah pun bersetuju.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sorry, Pengerusi. Saya nak tanya. Apakah *shareholder agreement* yang baharu ini berbeza dengan *shareholder* yang lama? Sebab *agreement* yang lama sebab masing-masing ada komitmen kepada 40-30-30. *I mean it's common sense* untuk mereka untuk *top up* sebarang *investment* kalau mereka perlu, *you know capital injection*. So, *what's the different between first agreement yang signed 2014 dan yang baharu?*

Encik Iszad Jeffri bin Ismail [Kementerian Kewangan]: Yang Berhormat, saya Iszad daripada bahagian syarikat pelaburan kerajaan. Pertama sekali, perjanjian yang telah kita tandatangani iaitu pindaan kepada *shareholder agreement* dan juga *leasehold agreement*.

Berkenaan dengan pindaan kepada *shareholder agreement*, *shareholder agreement* yang sebelum ini masih lagi terpakai. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pindaan mengambil kira status tanah terkini dan juga keupayaan INR untuk membayar pajakan yang mana telah dipersetujui bersama dengan kesemua pemegang saham. Jadi, *of course* sebelum ini memang hasrat adalah tanah tersebut *freehold*.

Tapi walau bagaimanapun, perkara ini tidak dapat dilaksanakan kerana dasar kerajaan negeri dan kita mengambil perhatian dan mengambil maklum perkara tersebut bahawa tanah tersebut adalah *leasehold* dan mengambil kira tanah tersebut adalah ***leasehold***. Pihak-pihak telah bersetuju pajakan yang bersesuaian dan disebabkan itulah pindaan *shareholder agreement* telah dilaksanakan, ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Untuk tahu lah lebih terperinci, akhirnya INR setuju untuk tandatangani *agreement* ini walaupun *leasehold*. Ada atau tidak pihak mereka kemukakan permintaan lain tak yang kita terpaksa terima?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Tidak ada.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *[menganggukkan kepala tanda faham]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, kalau tidak ada soalan, kita pergi kepada syor kedua.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Pergi kepada syor yang kedua?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Okey. Syor kedua berbunyi MOF perlu mengemukakan pelan penyelamatan komprehensif Hotel St. Regis Langkawi kepada PAC

yang merangkumi penstrukturran semula hutang, pengurusan hotel dan *way forward* hotel berkaitan selain status Tetuan Deloitte selaku *receiver and manager*.

Untuk perkara ini, ingin dimaklumkan bahawa susulan daripada termeterainya perjanjian pindaan SHA-lah, *shareholder agreement*, maka rundingan telah pun bermula antara pihak-pihak berkaitan— berkaitan dengan *the way forward* ataupun pelan penyelamatan yang tertumpu kepada nilai pinjaman lah. Nilai pinjaman merujuk kepada pihak hotel INR dan juga IRM bersama dengan Bank Pembangunan. Itu— rundingan ini masih lagi berlangsung dan pihak kami akan mengemukakan *complete* pelan penyelamatan setelah mendapat persetujuan antara pihak-pihak yang saya sebutkan tadi iaitu INR dan Bank Pembangunan yang diwakili oleh Deloitte lah.

Berkenaan dengan status Tetuan Deloitte ini sebagai *receiver and manager*, mereka akan *exit*. Mereka ni dilatih oleh Bank Pembangunan. Jadi, *exit of* Deloitte ini selaku *receiver and manager* akan berlaku setelah *restructuring* ataupun pelan penyelamatan tersebut selesai— dimuktamadkan dan dipersetujui oleh semua pihak. Dia akan *exit*. [*pembesar suara dimatikan*] Bagi syor yang kedua— jawapan bagi syor kedua.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, kalau tak silap ini juga ada berkaitan dengan pembayaran hutang kan.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Ya. Ini berkaitan dengan pinjaman. Pinjaman daripada INR kepada— dengan bersama dengan Bank Pembangunan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, ada apa perancangan untuk bayaran balik? Berapa lama untuk *clear-kan loan* itu kerana RM27 juta jumlahnya.

Seorang Ahli: [*bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Dua ratus lebih dah. 285.

Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed [Kementerian Kewangan]: Sebenarnya— Amiruddin ya daripada bahagian syarikat pelaburan kerajaan, Kementerian Kewangan. Sebenarnya pada— *history* dia daripada tahun 2019 lagi. Kita ada *plan* yang diluluskan oleh Menteri Kewangan ketika itu untuk kita *way forward* Hotel St. Regis. Pada waktu itu, antara syor yang dikemukakan yang dipersetujui oleh Menteri Kewangan adalah untuk kita *divest*, ya, *divest* Hotel St. Regis di mana kita telah pun pada waktu itu melantik satu agen lah ya, untuk tujuan buat *international* punya *open tender* untuk jual Hotel St. Regis. Hasil itu kita akan bayar baliklah hutang Bank Pembangunan dan semua *creditors* yang berkaitan lah.

Tapi proses itu terhenti pada tahun 2020 disebabkan isu COVID-19 dan juga pada waktu itu kita hadapi masalah perjanjian pajakan ini tidak muktamad— tidak dapat dimuktamadkan menyebabkan siapa yang nak beli hotel kalau perjanjian pajakan itu tidak ada. Jadi, selepas itu akhirnya selepas 10 Jun baru-baru ini, selepas kita tandatangani kita akan *explore* balik, ya. Kita akan *explore* balik dan Insya-Allah, kita akan angkat balik kepada

kita punya menteri untuk dapatkan *direction*. Antara yang akan kita syorkan adalah sebagai contoh, kita akan mengesyorkan untuk kita *restructure* balik *loan* dengan Bank Pembangunan dan *at the same time*, kita akan buat baliklah proses *divestment* itu. Jika itulah *solution* yang terbaik untuk Hotel St. Regis. Tapi ini masih lagi di peringkat divisyen lah. Kita akan angkat keputusan muktamad kepada menteri nanti, Insya-Allah.

■1120

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya ingin tanya tentang – *okay, first of all* kita pada pendapat saya lah, St. Regis ini membawa nilai kepada Langkawi *because I think is a big brand, having them here is important* untuk menarik pelancong yang *high value*. So, there's no issue – *is just the PAC look into issue* adalah *governance* dan juga prosedur yang tidak betul di bawah LKAN lah.

So, pada pendapat saya St. Regis *has to stay*. Kalau kita kena *put the priority first is to make sure the survival of St. Regis* lah. Jadi, dari segi sekarang dengan adanya selesai atau dengan selesaikan pajakan tanah dan *shareholder* semua *agree* tentang *leasehold*. Adakah kita masih menghadapi masalah untuk *divest the property*? Yang *buyer*, yang *future* ataupun *potential buyer*? Are they requesting untuk *freehold instead of this leasehold*?

Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed [Kementerian Kewangan]: Kita akan – kalau kata proses ini berjalan dengan baik, *of course* kalau dari segi MOF kalau kita nak *divest* satu-satu aset kita, kita akan jual pada *as is where is basis* lah. Dalam konteks ini, hotel St. Regis itu tanahnya adalah berbentuk *leasehold*.

Jadi, *of course* kalau bila kita lantik agen nanti untuk proses jualan itu pada keadaan ketika itu. Jadi, saya tak nampak lagi setakat ini kita tak nampaklah ada apa-apa lagi yang menghalang jika ada keputusan dasar untuk buat *divestment* lah. Ini tertakluk jugalah kepada *cost benefit analysis* yang akan kita buat. Kita ambil maklum *concern* YB bahawa keperluan St. Regis adil dan sebagainya. Tapi kita juga ambil kira berkaitan dengan mandat syarikat itu sendiri pada ketika itu dan kesesuaianya pada ketika ini. Itu yang saya katakan *cost benefit analysis* akan kita laksanakan terlebih dahulu sebelum kita muktamadkan apa-apa perancangan untuk masa hadapan.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: YB, mungkin kita tambah sedikit. Bila dikatakan opsyen yang kita ada, kita tidak memuktamadkan lagi opsyen *road* mana yang kita akan pergi. *Still on the negotiation table*. Bila dia kata salah satu opsyen adalah terletak di *diversity share* bukan maksudnya kerajaan atau MOF untuk *diversity share*. *The negotiation still going on*. Yang menjadi utama untuk *negotiation* ini adalah untuk membayar tunggakan hutang. Kaedah mana untuk membayar tunggakan hutang? Selalu satu kaedah yang paling efisien adalah *restructure of the loan*. Itu yang menjadi keutamaan kita.

Jadi, berbalik kepada kerisauan YB tadi, *St. Regis should be here*, kami juga mempunyai pandangan yang sama sebab melihat pada kita melawat St. Regis semalam, *occupy is read dia*, semalam dia cecah 52 persen. Hari ini dia mencecah 61 persen. *On average dalam satu-satu tahun, dia boleh mencecah purata 60 persen all season.* Jadi, 60 persen ini dah cukup untuk *cover operating* dan sebahagian besar daripada *maintenance*. *The brand name* ini kalau kat Malaysia kita ada dua sahaja, KL dan sini. Kalau kita tengok tadi bilangan hotel lima *star* yang kita ada, 13. *Among the 13, St. Regis mampu untuk clock in* purata 62 persen *is good. Actually sangat-sangat bagus bila dia bersaing dengan lain-lain hotel yang lain. Sangat-sangat bagus. Maknanya dia ada produk dia tersendiri.*

Jadi, ingin saya tegaskan bahawa bila adanya pelan penyelamatan ini, dia masih *the road* itu masih lagi open sama ada kita nak buat *loan restructuring* atau *divestment* tetapi kunci utamanya adalah berkaitan untuk kita menyelesaikan baki tunggakan. Itu sahaja. Jadi, bukan kata kita nak jual. Tak nak nanti tiba-tiba esok keluar surat khabar kami nak jual St. Regis pula. Tak nak jadi macam itu. Jadi, sebenarnya *on our table* ini kita melihat kepada *loan restructuring* itu sendiri.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Tuan, saya nak sedikit maklumat tentang tadi, tentang *leasehold* tadi, saya nak sedikit maklumat kalau Tuan ada maklumat tersebut. Berapa jangkaan pajakan tinggal lagi?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Pajakan?

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Tempoh pajakan tinggal lagi?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Okey, pajakan adalah 99 ada satu tanah yang kawasan besar itu, 99 tahun dan dua lagi lot yang belum dibangunkan lagi ada 60 tahun. Kita masih ada banyak tahun lagi untuk macam *is good enough* untuk *viability* satu-satu hotel untuk berfungsi sebab kita baru mula pada tahun 2014, kan?

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Ya. Sebenarnya 99 tahun *is very – viability* dia sangat-sangat inilah untuk hotel industri.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau saya boleh tanya, sebenarnya *I think* tadi daripada laporan adalah tentang *divestment of St. Regis*. Jadi, *part of the way forward is to divest. Of course, the timing* itu terpulang kepada kerajaan untuk buat yang *the best value for the money*. So, soalan saya dan juga pandangan saya adalah *the government is not the business of government is to get out of the business* sebab kita dah banyak ada isu sebab *we are not full time businessman*. Jadi, akhirnya selalunya kita rugilah dari segi pelbagai ini. Jadi, saya pandangan adalah *diverstment is one of the options of course and then but take your time*.

Soalan kedua saya adalah apakah *the second phase* of pembangunan? Sebab saya difahamkan bahawa St. Regis ini *the phase* saja *about 60 units*, kan? *Eventually they want to go to 130 units*. So, *what is the* – apakah yang perancangan baru? Adakah kerajaan akan – kalau katakan mereka akan *proceed* dengan *the second phase*, adakah kerajaan akan tambah peruntukan untuk *or invest more because based on the new shareholder agreement?* Nak tanya pandangan dan juga *feedback*.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Okey, untuk soalan yang pertama tadi – untuk pandangan yang pertama tadi memang betul YB, untuk tempoh yang segera ini kita lebih melihat kepada *restructuring of loan* lah. Untuk *clean up*, memutihkan syarikat. Tapi untuk masa hadapan, *the long range planning* kita akan melihat opsyen-opsyen yang adalah *as you said* Yang Berhormat memang betul. Jadi, dari segi kepakaran kita lah dan kita tak nak *government as a* melibatkan diri dalam industri portal yang mana kita *cut out the effect*. Kalau *cut out the effect* untuk agensi-agensi swasta yang lain. Kita *take note on that one*. Tapi, tumpuan utama kita adalah melihat kepada *loan restructuring* yang terlibat untuk mendapatkan persetujuan.

Berbalik kepada perkara kedua, buat masa ini tidak dalam tempoh terdekat *mid-term* tiada perancangan untuk *the second phase*. Sebab dengan *first phase* dengan bilangan hotel yang ada sudah cukup buat masa ini untuk kita menampung dari segi *potential* kita dah tengok *potential* penginap dan juga kos. Sebab St. Regis ini antara kos yang paling tinggi adalah untuk infra sebab kebanyakan hotel-hotel yang dibina di sub atas laut itu memerlukan kos yang lebih tinggi. Dengan bilangan bilik yang sedia ada, kita kata kita mampu untuk kekal, untuk *viable* dan sebenarnya fasa dua itu dibuat untuk *supplement*. Contoh, selesai fasa dua, fasa satu kita akan buat *vibe note totality plan*.

Buat masa ini untuk lima tahun ke hadapan, tiada perancangan untuk *explore* atau untuk membangunkan fasa kedua tersebut. Kita boleh terus ke syor ketiga.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada siapa lagi nak bertanya *on this*?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sikit saja nak recap, Datuk Wira. So, *how much has the government invested in this St. Regis project?* Termasuk yang terlambat, ter-apa semualah, ter-ter itu.

Encik Iszad Jeffri bin Ismail [Kementerian Kewangan]: Daripada segi kerajaan, kita sebagai salah satu daripada pemegang saham jumlah ekuiti bagi St. Regis adalah berjumlah RM92.67 juta. Daripada jumlah itu, 30 peratus disumbangkan oleh TEV iaitu anak syarikat MKD dan juga 30 peratus lagi oleh LADA. Jadi, 60 peratus daripada jumlah ekuiti tersebut berjumlah RM55 juta. Itu total kos yang kita telah sumbangkan dalam bentuk saham.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Sumbangan ekuiti bagi MOF dan juga LADA *indirectly*. YB, boleh saya terus?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap, Datuk Wira Kubang Pasu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. *Moving forward*, kiranya kita – bukan sekiranya kita akan selesaikan masalah ini.

■1130

Adakah pihak kerajaan berhasrat untuk melepaskan saham-saham yang dipegang oleh ini– dalam ini sebab *government is not in the business to be in the hotel business and all that*. Adakah ada rancangan *one day you just let go and sell off but make money lah, and then let the private sector run it, hold all the shares?* Terima kasih, Datuk.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Terima kasih, YB. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Datuk Amir tadi, memang pada satu ketika dulu 2019 telah pun ada keputusan untuk kita *divest* pegangan kerajaan tetapi ia tidak berlaku disebabkan Covid-19, yang pertama. Kedua adalah tiadanya perjanjian di mana kalau kita hendak buat RFP pun tiada perjanjian. Itu menyebabkan perkara itu terhenti.

Jadi untuk ini kita memulakan semula bila ada perjanjian– pindaan kepada perjanjian pemegang-pemegang saham dan juga termeterainya perjanjian pajakan, maka kita fokus kepada *restructure of loan* dahulu untuk *clean up the company* untuk bebasan syarikat daripada R&M. Selepas itu kita akan fikir pula orang kata *the future of this St. Regis* dan sebab saya sokong YB Sim kata tadi memang *the brand is good for Langkawi* tetapi sejauh mana penglibatan pihak kerajaan termasuk MOF dan LADA kita akan tengok kemudian lah.

Puan Vivian Wong Shir Yee: Boleh saya tanya? *So, how long will it take for to reach all three fasa because there's actually not really a time frame like tentatively, you need how-targeted time to reach, to complete all three fasa?*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Fasa apa, boleh saya...

Puan Vivian Wong Shir Yee: *One of your you know the syor-syor that you– but, we now at the penstrukturran semula..*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Okey, penstrukturran semula sebenarnya boleh kami jangka boleh disiapkan pada tahun ini even pada dalam sebulan atau dua bulan yang akan datang. Sebenarnya dalam kita merundingkan terma-terma perjanjian pajakan, kita telah memulakan proses *restructuring* tersebut. Mungkin kita boleh siapkan dalam tahun yang sama.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, adakah maksudnya kerajaan kena *just to pay more to inject capital into the INR* untuk *just to pay that* pembangunan.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Okey, untuk proses *restructuring of loan* tidak melibatkan apa-apa komitmen ataupun implikasi kewangan tambahan kepada kerajaan. Saya mengambil contoh, contoh sahaja—*figure* ini contoh sahaja. Contohnya pinjaman kepada INR kepada Bank Pembangunan contoh RM100 juta tetapi sehingga hujung tahun ini tunggakan RM10 juta. Kita akan *reschedule*-kan RM10 juta itu menjadi ditambah kepada tempoh yang lebih panjang ataupun *they hook upon payment* yang akan datang.

Jadi ia merupakan obligasi syarikat sebenarnya. *It is a commercial decision* INR bersama Bank Pembangunan. Tidak melibatkan apa-apa peruntukan tambahan daripada mana-mana *shareholder*. Dia melibatkan penstrukturkan sahaja yang melibatkan persetujuan daripada peminjam dan juga *commercial decision*.

Seterusnya kepada syor nombor tiga, LADA perlu meningkatkan tahap kompetensi pengurusan projek yang sedang dilaksanakan agar dapat disiapkan mengikut garis masa kualiti dan pulangan seperti yang disasarkan. Saya jemput Dato' Haslina.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [LADA]: Terima kasih, Dato' Dr. Shahrazat. LADA sentiasa memberi komitmen yang padu dan berusaha sepenuhnya untuk memastikan projek pembangunan dan pelaburan swasta ini dapat disiapkan mengikut garis masa yang telah pun ditetapkan dari segi kualiti dan pulangan seperti yang kita sasarkan.

Jadi seperti yang tertera di layar itu kita telah melaksanakan beberapa tindakan termasuk penambahbaikan dasar dan prosedur. Kedua, *on the* perancangan dan pelan kompetensi untuk *efficiency* para pegawai dan ketiga adalah pemantauan projek pembangunan dan pelaburan swasta. So, untuk penerangan kepada penambahbaikan dasar dan prosedur, kita telah melaksanakan dasar strategik pelaburan dan juga pengurusan aset pada tahun— untuk makluman semua pada tahun 2015 LADA telah mewujudkan dasar ini, dasar strategik pajakan dan juga pengurusan aset LADA yang mana pada masa tersebut dasar telah menggariskan dua kaedah pelaburan iaitu pajakan dan pengurusan dan operasi. Ini pada peringkat awal tetapi setelah mengambil kira beberapa isu yang berbangkit dan dalam pelaksanaan kaedah pelaburan ini dan juga berkenaan dengan situasi semasa ekonomi dan faktor-faktor lain, dasar pelaburan ini telah ditambah baik dan dikemas kini.

Jadi pada tahun 2022, penambahbaikan telah dimasukkan yang mana kita memperincikan kaedah pengurusan dan penilaian projek pelaburan swasta dengan kriteria yang lebih jelas berkaitan terma dan syarat utama model pelaburan yang digunakan. Jadi sebanyak enam model pelaburan digunakan oleh LADA sekarang ini untuk projek pelaburan

swasta iaitu pajakan, M&O, sewaan tanah, jualan dan *joint ventures* secara perkongsian serta usaha sama.

Satu lagi penambahbaikan kita di bawah dasar dan prosedur ini manual kualiti LADA, MS ISO 9001/2015 yang mana yang ini telah pun dimulakan pada tahun 2014 dan kita telah *renew* sebanyak tiga kali *and the latest one* pada September 2023. Antaranya prosiding pengurusan projek pembangunan, pengurusan pelaburan dan pemantauan, projek pelaburan ini adalah di bawah prosedur-prosedur sijil ISO.

Sehingga kini prosedur yang berkenaan telah kita patuhi dan tiada ketidakpatuhan berlaku apabila diaudit oleh pihak SIRIM. Bagi di bawah syor tiga juga, kita juga melaksanakan perancangan pelan kompetensi untuk pegawai-pegawai LADA yang mana melalui program ini, pegawai dan kakitangan telah ditingkatkan kompetensi melalui pensijilan dan juga penglibatan.

Antaranya dalam program pembangunan eksekutif dan kita juga meningkatkan bilangan pegawai-pegawai LADA dalam untuk memperoleh profesional yang bertauliah dalam bidang perancangan, pembangunan dan juga pengurusan projek yang mana sehingga kini kita mempunyai enam pegawai di LADA sendiri yang diiktiraf sebagai profesional bertauliah dalam bidang perancangan, pembangunan dan juga pengurusan projek yang mana kita ada dua pegawai LADA diiktiraf sebagai *Technologist Professional*, yang ada *title* Ts. depan itu yang ini diiktiraf oleh Lembaga Teknologis Malaysia. Kita ada juga seorang pegawai LADA yang diiktiraf sebagai juruteknik bertauliah yang membawa gelaran Tc. di depan itu oleh Lembaga Teknologis Malaysia dan tiga orang pegawai LADA diiktiraf sebagai perancangan bandar berdaftar yang ada gelaran Tpr. oleh Lembaga Perancang Bandar Malaysia.

Selain daripada itu, LADA juga turut mendapat sokongan teknikal dan kepakaran daripada agensi teknikal seperti JKR dan JPS dalam menguruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan LADA. Untuk pemantauan projek pembangunan di peringkat pelaksanaan projek pembangunan itu, pemantauan kita lakukan secara berkala melalui mesyuarat tapak, mesyuarat pemantauan projek dan penyampaian. Di setiap lawatan-lawatan tapak itu kita akan adakan perbincangan dengan pemilik dan pelaksana projek serta pegawai yang berkaitan akan turut dijemput bersama untuk memastikan apa yang kita gariskan dalam jadual-jadual itu diikuti.

Untuk pemantauan projek pelaburan swasta, pemantauan dilaksanakan melalui mesyuarat pemantauan projek pelaburan LADA bersama dengan pihak syarikat yang mana kita aturkan setiap dua bulan berserta lawatan tapak. Sekiranya ada keperluan yang memerlukan kita lawat itu kita akan mengadakan segera untuk memastikan projek-projek berjalan dengan baik. Dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi LADA juga akan dibincangkan mengenai projek-projek pelaburan swasta yang mengikut jadual yang sekiranya tidak betul-

betul mengikut itu kita akan pastikan benda itu berlaku perbincangan untuk dibuat mengikut kehendak jadual.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan juga semua Ahli-ahli PAC, seterusnya bagi memastikan Langkawi ini kekal sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia...

Puan Wong Shu Qi: Datuk...

Dato" Haslina binti Abdul Hamid [LADA]: Ya.

Puan Wong Shu Qi: Sebelum kita masuk ke syor keempat..

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [LADA]: Oh, sorry ini masih syor ketiga. *[Ketawa]*

Puan Wong Shu Qi: Masih syor ketiga, okey, okey. *I am so sorry.*

■1140

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [LADA]: Itu yang sedikit penerangan berkenaan syor-syor apa yang dilaksanakan di LADA untuk memastikan syor yang telah di-highlight oleh pihak PAC itu dilaksanakan dengan baik.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, so syor ketiga sudah siap di bentang ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: So, saya minta izin Datuk Pengerusi kerana saya semalam saya tak sempat bertemu lawatan sebelah waktu pagi itu. Saya tak sempat pergi tengok Tok Senik. Jadi, saya tak tahu sangat situasi macam mana. Saya dimaklumkan hanya boleh masuk di kawasan resepsi sahaja kerana memang tak kondusif untuk melawat. Jadi, apa perancangan bagi projek Tok Senik? *Wayforward* dan berapa kos yang akan incurred pada pihak kerajaan atau pihak LADA dan bagaimana kita boleh *recurred* balik? Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Sedia maklum YB. Sebenarnya semalam pun dah keluar berita dah. Saya cuma baca Harian Metro sahaja. Rugi RM250 juta. Perkampungan Tok Senik dalam proses dilelong. Jadi, saya baca satu berita, yang lain saya tak baca dah. Jadi, berbalik pada soalan YB berkaitan dengan Resort Perkampungan Tok Senik. Sebenarnya Resort Perkampungan Tok Senik itu adalah satu *business to business* punya projek. Tidak melibatkan Kerajaan Persekutuan ataupun MOF. *It's a business to business* punya projek. Dimeterai mulai satu perjanjian iaitu perjanjian pajakan kan?

Seorang Ahli: Ya.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Perjanjian pajakan antara LADA dan juga Maju di mana LADA memajakkan tanah tersebut untuk Maju melaksanakan satu resort.

Sebagaimana dibangkitkan dalam Laporan LKAN yang mencetuskan kepada kita membincangkan perihal Perkampungan Tok Senik. Susulan daripada LKAN dan juga saranan daripada PAC. Antara yang dibangkitkan adalah potensi kerajaan untuk hilang tanah tersebut. Jadi, sebelum itu sebelum saya pergi lanjut, saya pergi kepada soalan YB tadi. Resort Tok Senik ini tidak melibatkan *govern participation*. It's a commercial decision antara LADA dan pihak Maju Holdings melalui satu perjanjian tanah yang mana Maju Holdings mendirikan Perkampungan Tok Senik tersebut.

Susulan daripada potensi kata kehilangan tanah sebab *default by* Maju Holdings sebab ada perjanjian lagi seperti mana yang diterangkan dalam prosiding yang lepas. Ada satu lagi perjanjian iaitu perjanjian gadaian tanah yang dimeterai antara LADA, Maju Holdings dan juga Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang mana ekoran daripada kegagalan Maju Holdings menjelaskan hutang. Hutang pinjaman ya, menjelaskan pinjaman kepada Perwaja Terengganu. Maka, *its trigger clause* perjanjian gadaian tanah tersebut.

Jadi, soalan YB sejauh mana kerajaan akan orang kata terpaksa menanggung implikasi *direct* daripada MOF, tak ada sebab tidak melibatkan apa-apa *direct* penyertaan MOF. Cuma dari segi LADA sahaja, dari segi potensi kehilangan tanah yang mana dalam prosiding yang lepas telah kita maklumkan bahawa apabila *trigger clause* dalam perjanjian gadaian, maka Perwaja Terengganu telah mengambil tindakan. Apabila pinjaman tidak bayar untuk meng-*register* di bawah Kanun Tanah Negara untuk register untuk me—ayat dia saya guna ayat yang mudah untuk *take over* apa-apa aset yang ada di dalam Maju Holdings untuk *cover loan* yang diberikan. Itu sahaja.

Untuk makluman, sebagaimana yang diterangkan dalam prosiding yang lepas, isu kehilangan tanah tersebut yang dipajakkan oleh LADA kepada kampung itu tidak akan berlaku kerana dalam pada Perwaja Terengganu *excercise their rights*, dia akan memilih tanah ataupun aset-aset Maju Holdings yang lebih bernilai besar yang boleh dibuat untuk menampung kos pinjaman yang tidak dibayar. Jadi, itulah inti pati daripada penjelasan kami. Jadi, berbalik kepada soalan YB. Yang pertama, tidak melibatkan apa-apa implikasi kewangan di peringkat kerajaan. Yang kedua, tidak akan melibatkan apa-apa isu perundungan yang menjelaskan kerajaan. Ia melibatkan orang kata *parties*, Perwaja Terengganu dan juga Maju Holdings.

Berbalik kepada sedikit lah, saya nak masuk sedikit yang dikeluarkan dalam Harian Metro, rugi RM250 juta itu sebenarnya bukanlah kerugian. Kita tidak tahu sama ada Maju Holdings rugi atau tidak. Itu merupakan pinjaman. Pinjaman Maju Holdings daripada Perwaja Terengganu. Itu sahaja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Kebetulan semalam pun ada menyentuh tentang opsyen untuk penjualan tanah...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sebelum itu, sebelum itu Pengerusi. Kalau boleh saya make a little bit of statement.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh okey, boleh.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk, saya—I terima penerangan dan juga teguran secara terbuka sebarang kesilapan saya. *I take full responsibility*, ya. *Then, I think this is a maybe a mistake from my part and I apologize.*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Saya rasa itu tak apa. Kita pun orang kata *is a* orang kata *we make goods* lah. *We make goods* sebab apa...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Cuma saya mengambil kesempatan untuk menerangkanlah, menerangkan lebih lanjut. *But I think for the sake of orang kata we make goods of that situation. No harm on behalf of us.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Yeah. No problem. Thank you. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, baguslah. Hari ini kita ada prosiding, so kita boleh *clear the air*. So, kita boleh *in fact* nanti PAC pun mudah untuk kita buat pelaporan dan sebagainya. Okey, lanjutan daripada jawapan yang diberikan oleh Datuk Shah sebentar tadi. Semalam ada juga dinyatakan opsyen untuk penjualan aset milik Maju Holdings yang utamanya yang ada di KL. *Right?* Kedua adalah Tok Senik. Mungkin boleh terangkan sedikit sebab semalam Yang Berhormat Naib Pengerusi pun tak ada. Maksudnya, boleh ada opsyen? Maksudnya, boleh jual? Boleh dapat dalam RM300 million?

Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed [Kementerian Kewangan]: YB, sebagaimana kita sedia maklumlah bahawa sekarang ini dah ada keputusan mahkamah berkaitan dengan aset-aset Maju Holdings ini. Maknanya, Perwaja boleh ambil tindakan untuk menjual aset-aset berkenaan untuk membayar balik hutang Perwaja. Amaun yang berkaitan adalah sebanyak RM250 juta lebih kurang. Yang aset ini berapa Shahlan? Yeah, yang hutang? Hutang? Amaun hutang? *[Merujuk kepada pegawai]*

RM251 lah ya. RM251 juta. Of course, apabila terlibat dalam proses ini di mana banyak aset-aset yang digadaikan bagi pinjaman berkenaan, kita akan pergi kepada aset yang bernilai tinggi terlebih dahulu. Dalam konteks ini, aset yang paling bernilai tinggi of course Maju Junction. Itulah, proses itu sedang berjalan. Ya, sedang berjalan. Itulah, ya?

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed [Kementerian Kewangan]: Proses sedang berjalan.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Berbalik kepada pernyataan daripada Yang Berhormat Pengerusi tadi, memang dalam bila kita *lodge* di bawah Kanun Tanah Negara, borang-borang yang berkaitan kita letakkan aset yang pertama adalah

aset yang bernilai tinggi iaitu di KL itu. Keduanya adalah tanah di sini. Tetapi, aset yang pertama sudah cukup untuk menampung tunggakan-tunggakan hutang tersebut. Yeah. Proses tengah berjalan sekarang ini.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang di Damansara itu kah? Nak *confirm*. Yang kata bernilai tinggi yang di Damansara itu kah?

Seorang Ahli: Tak, tak, tak. Maju Junction.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Damansara lain YB. Ini kes lain.

Seorang Ahli: Dekat Pertama Complex.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya ingat dulu ada maklum balas daripada pihak LADA. Maksudnya, berkenaan dengan polisi apabila berlakunya kes Tok Senik dan sebagainya. Untuk mengelakkan daripada kes ini berulang lagi di masa hadapan, maka LADA telah pun menambah baik polisi. Maksudnya, tidak membenarkan gadaian tanah yang dicagarkan oleh pihak syarikat. Jadi, saya nak tahu sejauh mana implementasi yang telah dibuat terhadap polisi tersebut *as of today*?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Saya jawab dulu ya? Okey. Okey, untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, kes ini satu-satunya yang adanya *tripartite* perjanjian antara tiga pihak lah untuk gadaian, salah satunya. Selepas daripada kes ini, yang kita tangani pada tahun 2014, tak ada seumpamanya. Jadi, untuk spirit daripada PAC supaya pihak LADA tidak lagi ada berkaitan perkara ini, kita telah pun—sebenarnya dalam LADA punya SOP memang tak ada. Tidak boleh digadai pun. Tapi kita perlu minta bentang dalam Lembaga Pengarah, kita minta dia bentang pada Lembaga Pengarah supaya di-elevate, di-enhance-kan lagi perkara ini. Untuk sebarang projek-projek kita panggil PFI, LADA dengan pihak swasta, tidak ada elemen gadaian.

■1150

Dato' Seri nak tambah apa? Akan tetapi *this is the only one* yang ada elemen *dig* gadaian tetapi selepas pada memang tak ada. *Even* projek yang kita lawat yang *Riviera* pun tidak ada elemen gadaian.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi, jadi tadi kita sentuh isu nak ambil alih aset-aset dan sebagainya. Jadi, kita tahu PERWAJA itu sebenarnya milik MOF, bukan? Jadi kalau tiga klausa yang nak ambil alih itu, bila MOF akan laksanakan untuk ambil alih Maju Holdings? Soalan kedua berkenaan Resort Tok Senik lagi. Jadi, pada pihak LADA, apa perancangan untuk membangunkan tapak itu? Terima kasih.

Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed [Kementerian Kewangan]: Untuk soalan pertama tadi, saya refer balik pada jawapan saya sebelum ini. Proses sedang berjalan dan

dia melibatkan banyak perkara dan melibatkan juga keputusan mahkamah. Jadi, proses itu bukan terlalu *straightforward* dan diambil masa sedikit dan sedang berjalan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Iaitu merancang untuk selesaikan isu itu mesti ada *timeline*, bukan? Saya tak *expect* enam bulan atau setahun. Mesti ambil mungkin lama lagi tetapi berapa lama agak-agaknya? *Expected*.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Tuan, saya nak tanya sedikit tentang proses...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Sebelum itu. Sebelum itu, hendak betulkan sedikit sahaja. Sebenarnya tindakan kita tadi bukan mengambil alih Maju Holdings. Tak. Kita tak ambil Maju Holdings tetapi mengambil alih aset sahaja. Maknanya kita akan lantik perunding. Perunding itu akan menjalankan tindakan bagi pihak kerajaan untuk *monetise the asset*. Untuk membayar balik hutang.

Kita, kerajaan tidak berniat untuk mengambil alih Maju Holdings. Tak ada. Akan tetapi tempoh itu *unfortunately*, buat masa ini kami tidak boleh hendak bagi sehingga – sebab *first* proses, kami dah *kicked off launchment of* borang-borang berkaitan. Mungkin selepas ini kami boleh letak *milestone* berdasarkan mana-mana kes yang kami boleh rujuk. Berapa lamakah tempoh dibuat sebelum kami boleh *monetised* aset yang diperlukan itu?

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Tuan, ada atau tidak melalui proses lelong ini sedang berjalan? Berapakah *rate* atau pun bayaran untuk kelewatan sehari yang di-*impose* oleh pihak berkaitan dengan hutang yang tertunggak ini?

Seorang Ahli: Kelewatan sehari *imposed* oleh pihak berkaitan maksudnya?

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Maknanya ia ada faedah-faedah kelewatan mesti ada, bukan? Mesti ada setiap kali *judgement*. *We are talking about judgement* tadi. Bila *judgement* dapat sehingga penyelesaian itu akan ada dibayar faedah kelewatan...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: YB, untuk lelongan itu tak lelong pun lagi. Kita baru *submit the documentation*. Baru *submit* sahaja tetapi kalau macam kata YB maksudkan tentang faedah-faedah sebab *every loan* yang tertunggak, dia ada *monthly or daily interest* kita *charge*. Untuk *loan* ini...

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Itu soalan saya.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Ya. Untuk *loan* ini, *loan* ini diletak di bawah Projek Terengganu tetapi sebelum ini kita maklumkan semalam, kasarnya *daily interest* yang dikenakan untuk *loan* ini sehari adalah RM27,000 lebih kurang. RM27,000 ya lebih kurang.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi, jadi saya hendak tahu tadi tentang proses ambil alih aset Maju Holdings itu. Bila kita *start* proses itu dekat mahkamah?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Dah mula dah. Mahkamah belum. Cuma *launchment* borang, saya tak ingat borang itu tetapi *launchment* borang di bawah kanun sekarang telah pun dimulakan untuk dua aset berkaitan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Bila kita kemukakan ya?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Bila? Sebab YB ini bila kami rujuk balik. Ini tak ada. Mungkin kami bagi kemudian sebab kami tak *prepare* untuk ini sebab ini *not part of the issue* yang dibangkitkan dalam PAC ya.

Seorang Ahli: *Totally different issue* YB pasal ini. *We are not prepared for that.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Agak-agaknya mungkin tahun ini ke atau tahun lepas sebenarnya sudah ambil tindakan ke macam mana? Tak perlu tarikh tepat. Tahun ini ke tahun lepas? Macam itu.

Seorang Ahli: Tahun ini. Tahun ini. Tahun ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kubang Pasu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang hendak saya sampaikan.

Pertama, mengenai Resort Tok Senik ini. Tok Senik ini *very popular* sebab saya selalu pergi sana dahulu masa Tun Mahathir was a Prime Minister that time and I guess has a special place in my heart Tok Senik ini. Assuming apa yang dipersoalkan tadi. Kita dapat jawapan yang *definite, timeline*, selesaikan segala isu-isu *loan* dan sebagainya. Again, moving forward. Apa rancangan kita, LADA dan kerajaan terhadap Resort Tok Senik ini?

Bagi saya *resort* ini amat signifikan kepada kita sebab dia *resort* yang menunjukkan perkampungan tradisi orang Melayu dalam kampung. Sebab itu dibuat Tok Senik dulu ini. Bukan saja-saja dibuat Tok Senik itu sebab dia bukan tepi laut ya. Okey.

Kalau kita tengok, kelmarin kita ada melawat bukan *French Riviera, Royale Riviera*. Bukan *french*. Akan tetapi nama itu sedap. Saya sokong. Kita kena bubuh nama besar. Kita kena berfikiran global dan kita buat. Ada kerjasama antara sebuah syarikat dengan LADA. Macam *partnership. Partnership*.

Saya tengok *partnership* itu agak baik tetapi kita hendak tengok *the end* itu *what would be the situation but* saya yakin dia akan peroleh kejayaan. *Partnership* dari segi tanah LADA punya, yang itu pun LADA buat dulu, bukan? Akan tetapi untuk *different purpose*. Lepas itu ada perjanjian-perjanjian. *First three years*, tak bayar. Lepas itu bayar *the amount* itu *I know* tetapi tak baik kita sebut. Akan tetapi *that is a good idea*.

Pertamanya, bolehkah pertama pihak kerajaan, CEO LADA terangkan sedikit apa perancangan yang kita hendak buat terhadap *Royale Riviera* ini? Keduanya, saya sebut tadi Tok Senik ini, apa perancangan? Adakah kita hendak buat cara yang macam ini? Mungkin buat *partnership*? Sayang dia pergi begitu sahaja *because that is a nice area* dan ada potensi besar untuk dimajukan. Sama juga yang tadi *Royale Riviera* itu sungguh pun dia tak ada pantai tetapi dia berpotensi untuk maju di masa akan datang. Itu soalan pertama.

Keduanya, semua kita – *some of us* kita tahu bahawa kita ada projek *Premium Outlet* dekat *Airport Langkawi* bersama dengan BDB. BDB pun, *I have a soft spot because I was a Managing Director before. I turned around the company. Making money.* Saya duduk lalu situ saya tak nampak kemajuan.

Semasa *launching* itu, *I was there*. Masa itu Datuk Seri Mukhriz, Menteri Besar melancarkan *Premium Outlet*, kerjasama antara LADA dengan BDB tetapi sampai sekarang saya tak nampak *any* kemajuan dan apakah tindakan kita? Adakah kita ambil balik tanah *from* BDB atau pun kita *pursue* dengan *depa, make it happen* atau pun sebaliknya? Itu soalan saya Datuk Wira Pengerusi. Terima kasih ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Dato' Wira Kubang Pasu. Saya cuma hendak maklumkan dan juga respons daripada kenyataan Datuk Shah. *Actually*, untuk Kampung Tok Senik ini, dia dah memang ada dalam rumusan kami. Walaupun dalam syor itu tidak ada dinyatakan tetapi dalam rumusan itu memang dah ada. Jadi, *I think* benda itu pun...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dalam slaid tak ada?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Akan tetapi maksudnya kena *prepare* dan juga...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tok Senik. Tok Senik.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...Jawab ya. *Thank you.* Mohon respons daripada LADA dan juga ini.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan semua ahli PAC. Berkenaan dengan Tok Senik itu. Sekiranya semua dah selesai, kita nampak di situ memang *the best investment is spa and resort* seperti apa yang ada sekarang. Mungkin sekiranya semua dah selesai, kita melihat kepada – kita akan buka iklan. Kita akan cari *the best proposal* dan dari segi model-model pelaburan itu, tak macam dahulu. Kita hanya ada pajakan. Sekarang kita ada enam model pelaburan yang kita akan pilih yang terbaik untuk memberi hasil pulangan yang baik kepada LADA.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yes. *You choose the best business model.*

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. Yang BDB?

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:

BDB mungkin Tuan Wan boleh *highlight* sedikit? BDB itu dia sebenarnya di luar daripada PAC tetapi kita – mungkin Tuan Wan boleh *highlight* sedikit *on*?

■1200

Tuan Wan Kamarul Faisal bin Wan Kamardin [LADA]: Untuk makluman, lembaga pengarah pada Februari 2024 yang lepas telah buat keputusan mengenai cadangan pelaburan BDB ini dan keputusan lembaga pengarah telah dimaklumkan kepada pihak syarikat dan pihak syarikat ada buat rayuanlah dan dalam pertimbangan. Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Encik Wan, tak berapa *clear*. Tanah itu tanah strategik ke? Kalau *dепа* tak mahu, saya buat lain lah. Benda lain.

Tuan Wan Kamarul Faisal bin Wan Kamardin [LADA]: Lembaga pengarah telah membuat keputusan untuk menamatkan perjanjian dan keputusannya telah disampaikan kepada pihak syarikat. Walau bagaimanapun, pihak syarikat ada membuat rayuan dan kita sedang memproses selanjutnya. Itu sahaja.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau nak ambil balik? Balik kepada LADA?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Tuan Pengurus, kita berbalik kepada syor nombor tiga inilah untuk pengurusan dan projek-projek. Saya nak tanya, projek-projek pembangunan dan pelaburan swasta semasa dan *progress* dia macam mana sekarang ini. Yang kedua, daripada segi aset-aset ataupun bangunan-bangunan yang berkaitan dengan LADA yang terbiar ataupun premis-premis yang tak disewa. Ada dia punya *detail*?

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [LADA]: Yang Berhormat, memandangkan ini tidak masuk dalam skop. Jadi kita sediakan jawapan bertulis nanti. *Thank you.*

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Maknanya sekarang projek-projek contoh kita pergi lawatan ke jeti semalam, dia projek-projek yang agak lewat kan walaupun dah disiapkan ataupun *in progress*?

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [LADA]: Dah siap dah, dah serah dah dan telah pun beroperasi.

Seorang Ahli: CCC.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [LADA]: Ya, CCC. Dia lambat itu *because* bila kita *submit* untuk dapatkan CCC, itu *is beyond our control* dan di bawah Majlis. So dia ambil masa empat bulan untuk bagi CCC dan bila kita dapat CCC, kita *manage* melalui anak syarikatlah. Seperti Yang Berhormat tengok semalam itu, dah pun bermula beroperasi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Balik kepada syor yang ketiga, kita nampak bahawa ada usaha LADA untuk memperbaiki *the procedure* dan *all the SOP, ISO* dan sebagainya. Itu satu perkara yang bagus. Cuma pada pendapat saya, saya nampak daripada projek-projek yang lama inilah kita tengok ada isu-isu. Dia bermula daripada titik permulaan iaitu *the fundamental thing is the business viability*. Boleh kah *business* ini boleh dijalankan? Selalunya kita nampak bahawa cetusan idea itu, dia tidak berpaksikan kepada *business sense* lah. Contohnya saya nampak bahawa apabila kita bina perkampungan Tok Senik yang cantik tetapi dia dibina di kawasan contohnya kebun getah. Jadi. Memang ada isu-isu seperti anai-anai dan sebagainya. So, *when we started it*, dia sudah ada isu yang kita tidak *look into it at very detail level* dan akhirnya dia menjadi kerugian kepada kerajaan dan juga kita semualah.

So, having said that, kalau tanya saya, kalau anak Kedah itu —Sorry, anak Langkawi itu dapat kerja di situ, consider the income is quite, quite high compare to other industries dalam Langkawi ini. Sebab dia dapat kuarters, dia dapat everything. So, yeah. Its—Dia bukan terhenti di situ, dia ada point system lagi based on the record actually. But, but, but the point I'm trying to say is career development, kalau YB-YB berkesempatan untuk berjumpa GM hotel selain daripada St. Regis, di —Seperti di Aloft kah, whatever kah, they all move around here.

Asalnya career development itu start daripada situ. So, we are not taking just saying about salary. We are looking at the career development. That is the most important part. So, they move around. It's just Langkawi, dia pergi tempat lain based on their experienced. So, once you kerja di St. Regis for example, the career development bertambahlah compared to another hotel. So, itu yang, itu yang kita nak, nak cuba ketengahkan.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Terima kasih Encik Aizuddin. Menjawab soalan-soalan tadi, boleh saya jawab Yang Berhormat Datuk Wira punya dulu?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Boleh.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Daripada belakang ke atas.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ia tiga —Saya bagi tiga minit saja untuk semua. Boleh?

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Okey, tiga minit. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau tidak, *then you just provide the inilah, mana yang...*

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]:
Okey, yang, yang berkenaan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Mana yang crucial sajalah yang jawab. Macam saya punya boleh bawa bertulis. *[Tidak jelas]*

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Ya, ya. Yang Berhormat yang berkenaan dengan Tahun Melawat Kedah dengan Tahun Melawat Malaysia itu *of course*, macam di Langkawi berdasarkan kepada program yang kita sediakan itu, sekiranya macam Tahun Melawat Kedah, kita masih menunggu tema dan juga —Sebab pelancaran di peringkat Kedah akan dibuat pada bulan Jun, hujung bulan Jun ataupun awal Julai.

Jadi, kita akan menunggu *the, the arrangement* itu *then only* —Kita juga apa sahaja usaha-usaha yang inisiatif yang kita buat atas Julai ke atas itu, kita akan *include kan* sekali untuk apa nama ini menguar-uarkan berkenaan dengan Tahun Melawat Kedah 2025. Juga, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengurus dan semua ahli PAC, *next year, Malaysia is going to host ASEAN 2025* ya.

Jadi, kita *dah* banyak *bid* dengan beberapa kementerian yang, yang di dalam *committee* itu untuk membuat *retreat* di, di Langkawi *and as early as January 2025, we going to have a big retreat, Foreign Ministers' Retreat* yang dibuat Wisma Putra, akan berada di Langkawi untuk bermula Januari dan juga di bawah Kementerian Kewangan ada *committee, committee* yang terlibat, akan datang.

So, the whole year is going to be, insya-Allah, we going to be very busy in the year 2025, bersama dengan Tahun Melawat Kedah. So, *of course*, kita tidak tinggalkan *because* Langkawi di bawah Kedah. Untuk Tahun Melawat Malaysia 2026, kita juga apa nama telah beberapa kali berbincang dengan Sekretariat *Visits Malaysia Year* dan Langkawi antara destinasi yang untuk kita masukkan di dalam pakej-pakej yang dibuat oleh pihak *Tourism Malaysia*.

MICE study memang kita ada program. Mungkin yang itu kita akan bagi *detail* secara bertulis apa yang kita *offer*. Memang kita galakkan MICE ada insentif yang disediakan *not only for the growth and also* untuk *airline* yang bila kita *bid for the connectivity*, itu semua ada di dalam apa nama ini, syarat-syarat kitalah ya. Seperti apa yang kita berpandukan kepada apa nama ini *Federal Policy*. Tadi, ada berkenaan dengan YB...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengurus PAC]: *Tak apa Dato'. Take your time.* Kita akan panjangkan sesi ini...

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Yas. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengurus PAC]: Mana yang perlu jawab, perlu *nak explain...*

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Yang perlu jawab saja. Ya...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Then, kita akan panjangkan dan kita untuk soalan ini kita bagi masa sampai 1.10 petang. Selepas itu, kita bagi 20 minit untuk syor yang kelima untuk MOF. Teruskan.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Yang ini sikit lagi Datuk, Yang Berhormat Datuk Wira. Juga, semua ahli. Berkennaan dengan Langkawi. Langkawi bukan hanya untuk B40. Kita —Langkawi adalah untuk semua kategori dan kita ada macam tadi kita *dah sebut kita ada 11 five stars hotel, we have 14 four stars hotel, we have*, kita ada motel apa nama ini yang lebih *one, two, three stars, below star* pun ada.

Jadi, *Langkawi it's about everybody* boleh datang ke Langkawi. Kita sediakan, kita *offer* yang terbaik *from time to time* kita akan buat apa nama ini, adakan pelbagai program dan juga inisiatif untuk memastikan *arrival* daripada semua peringkat itu ada di Langkawi. Memang, *when it comes to* apa ini, *receipt, receipt, receipt*, memang ia lebih kepada yang premium. Macam tadi *kan*, kita ada di dalam kategori lima *stars* itu, dia ada servis yang *six, seven, eight stars* pun ada di Langkawi. Itu akan memberi pulangan yang lebih sikitlah dari segi *spending* daripada *revenue to, to Langkawi*.

Of course, we contributed, apa nama, we have contributed to Malaysia dari segi arrival is about 10 percent for the whole Malaysia pun ya arrival pelancong ke Malaysia, 10 percent. Juga, in terms of receipt, kita 6.4 billion, kita contributed about 14 percent to Malaysia receipt and tourism. So, yang itu sajalah Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan semua ahli-ahli PAC. Yang lain-lain itu, kita akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Bolehkah jawab tentang *your plan on poverty irrigation menggunakan geo, geopark?*

■1300

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi]: Okey. Kalau berdasarkan fungsi LADA, fungsi LADA ini *is not about the property eradication* tetapi kita di dalam itu, fungsi LADA adalah untuk memaju, menggalak, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam kawasan Langkawi.

Yang kedua adalah memaju, menggalakkan kawasan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas duti dan juga memaju, menggalakkan pembangunan infra. So, di dalam itu ada elemen-elemen yang ke arah itu, macam kita libatkan — *inclusivity*, kita libatkan komuniti sebab kalau berdasarkan kepada pendapatan yang rendah itu, dia banyak melibatkan komuniti-komuniti nelayan.

Jadi, itu yang kita ada Program *Community Based Tourism*, yang kita garapkan unsur-unsur elemen untuk memberi pendapatan yang lebih daripada fungsi sebenar dia sebagai

nelayanlah – tambah dan yang itu juga, untuk program-program yang lain itu mungkin kita akan jawab dengan lebih baik di dalam secara bertulis. *Thank you.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi, kalau saya boleh tambahlah, ini cadanganlah. Saya lihat bahawa Langkawi memang berdepan dengan persaingan yang kuat daripada pulau lain di serantau ini. Bukan sahaja Bali. Bali memang dia terkenallah sedunia.

Jadi, apabila ramai pelancong *mat saleh* dari dunia Barat itu, nak cari destinasi pelancongan mereka musim hujung tahun ke atau *summer break*, biasanya mereka akan terus cari Bali ke apalah dan baru-baru ini, saya pun perasan. Ramai juga pelancong yang datang *Southeast Asia* ini. Ramai pergi Vietnam juga kerana murah. Sangat-sangat murah.

Tetapi, saya baru-baru ini pergi sana tetapi saya perasan bahawa kemudahan pelancongan asas di Vietnam sebenarnya tak setaraf dengan Malaysia langsung. Tak boleh bersaing. Tak boleh bersaing dengan kita di sini sebenarnya tetapi produk mereka, contohnya Ha Long Bay.

Ha Long Bay itu dua hari satu malam pakai *river cruise*. *Cruise* yang kecil sahaja. *Per head*, USD300 dan bagi saya, so-so. Sebenarnya, so-so sahaja. Standard so-so. Boleh luluslah tetapi katanya sangat mewah ke menarik ke, bagi saya bukan Malaysia tak ada pulau. Ya lah, ada geologi punya *attraction*-lah tetapi bagi saya, kalau saya nak lihat itu, pergi Guilin di China. Lebih menarik. *Attraction* yang sama kan? Sana tak ada apa-apa pun.

So, berasaskan apa yang kita ada di sini, saya rasa kita perlu promosi lebih hebat lagi. Khasnya, kita kena *take* yang semua itu menggunakan SEO Google. Ramai pelancong yang macam itu kerana apabila *mat saleh* ini mereka *break*, *summer break*, *break* tiga bulan. Betul-betul ambil satu bulan, dua bulan punya cuti datang sini baru *Google search next stop* nak pergi mana kerana apabila saya pergi Vietnam, baru saya sedar satu *cruise* itu, mereka hari ini, dua hari dekat Ha Long Bay, habis siap baru mereka merancang.

Next stop nak pergi mana ya? Tengok ada apa yang boleh tengok lagi dan semua *stop* yang saya ikut pergilah, tak menarik pun. *[Ketawa]* Saya pun tak tahu kenapa orang pergi tengok. Memang tak menarik pun. Itu apa yang mereka ada, kita ada di sini pun. Kenapa saya nak belanja USD dekat sana?

Jadi, pada saya adalah promosi. So, kita kena guna teknologi yang ada sekarang ini. Apabila orang *search Google*, nak pergi Phuket, nak pergi Bali, muncul *sponsored advertisement* Langkawi. Kita kena *right on the wave*-lah. Apabila mereka *Google Search* Phuket ke Ha Long Bay ke Vietnam ke Indonesia, Bali itu, yang *first* keluar *recommendation* Langkawi.

Baru mungkin akan dapat orang pergi *search Langkawi*. Langkawi ini ada apa, khasnya apabila kita ada *attraction* yang samalah, dalam jenis yang sama. Contohnya, Ha Long Bay. Ini cadangan sahajalah. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Lagi satu, Dr. Azmil ini seorang saja yang macam ini. Kena lahirkan – Dr. Azmil kena *groom* yang lain, ramai. Yang tahu *knowledge* yang sama *that* boleh – *story-telling* itu lebih yang boleh dijuallah. Itu kena ada *timeline* itu. Saya nak tengok Dr. Azmil yang ramai lagi *after this. Thank you.*

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi *and then* ahli mesyuarat, sebenarnya Dr. Azmil *is one of them. We have quite number of a good story-telling guides* juga, yang di dalam LADA dan juga di luar LADA. Kita baru perkenalkan Dr. Azmil saja. Nak kena *stay longer* untuk kita perkenalkan dengan semua. *Thank you.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, sikit saja *kut* sebab sidang Parlimen 24/6 ini. Mungkin tak sempatlah *kut*. *One of the things* semasa kita sidang Parlimen, macam-macam agensi yang akan buat eksposi di sana kan? So, itu di antara yang LADA ini boleh pergi dekat sana, *on the expo*. So, *all the Ahli-ahli Parlimen, at least* dia orang bawa balik kepada dia punya rakyat itu, mungkin dia boleh *promote*.

Yang keduanya, yang tadi itu. Walaupun LADA itu *not directly* – macam mana ya – *responsible for their* – yang *dredging* itu *but it's one of your critical successful*. So, jumpalah Menteri di sana. Dah ada dekat Parlimen itu kan? So, *you have to make* – MOF ke *recommend* ke apa semua-semua itu kan? *You have to go hand-in-hand. Don't wait for inilah – you'll miss the chances*. Sayang, *lost opportunity*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Bayan Baru, selepas itu Kuala Pilah ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berbalik kepada isu *geopark* – *property eradication on geopark*, saya nak tanya, contoh dari China lah daripada Dr. Azmil. *You are the expert*. Bagaimana mereka, *you know, eradicate property* menggunakan *geopark* dan apakah antara yang kita boleh belajar daripada *experience* di China? Terima kasih.

Dr. Azmil Munif bin Mohd Bukhari [Lembaga Pembangunan Langkawi]: Baik. Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya, bercakap pasal *property eradication geopark in Langkawi ini*, *we have few success story that we started with*. *Number one is* kita nampak dulu kawasan Kilim yang kita nak pergi petang ini, dia adalah satu kawasan perkampungan nelayan biasa sahaja.

Dulu, nelayan ini kena keluar ke laut, tangkap ikan, balik, dapat duit. Sekarang, *no more*. Bila *geopark* ada, sebelum dia naik bot itu, dia sudah *collect duit* daripada *tourist*. So,

already life changing over there bila geopark masuk. Then, kita ada – selepas daripada komuniti Kilim, kita ada bergerak kepada komuniti Kubang Badak. Selepas Kubang Badak, kita bergerak kepada komuniti Tuba and some of them now has become a millionaire because dah ada constant stream of tourist and constant stream of revenue yang kita tambah dengan knowledge tourism ini. All information geology ini masuk di situ.

Okey. [Disampuk] How do we engage komuniti ini? We really strongly encourage them to do koperasi sebab koperasi ini will benefit not only one person. I think about inilah, few other 20, 30. Ikutlah ahli-ahli dalam koperasi itu dan koperasi Kilim ini is award-winning koperasi. Boleh bagi dividen 100 percent balik. So, if you invest RM500, RM500 lah you dapat balik. So, that's a very strong koperasi.

Itu contoh di Langkawi. Kalau macam Yang Berhormat tanya tadi, di China macam mana dia orang buat? China ini, dia orang identify tempat yang ada geological importance by engaging some university to help them. Then, after that, among the local people, yang prominal local people, normally di China ini will get one taiko lah to sponsor sikit, kalau nak buat macam discovery centre. It's start from there.

So, from there, these been developed. Makin besar, makin besar dan all these happened in rural area. To go there also takes – memang jauhlah. But, this is very interesting because UNESCO Global Geopark ini kita share among the 213 punya UNESCO. So, we know what is the importance of the other part of China. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Yang pertama sekali, saya nak ucap terima kasihlah kepada semua pihak terutamanya MOF dan LADA. Saya rasa, dua entiti yang responsif dan agresif untuk address permasalahan yang melibatkan pembangunan di Langkawi ini.

Tetapi, saya nak share sedikit mungkin, pengalaman saya dan mungkin pengalaman-pengalaman MP yang lain juga, sahabat Ahli Parlimen yang lain juga. Kami ini banyak bagi peruntukan untuk orang pergi rombongan Cik Kiah. Saya rasa semua lebih kurang sama saja kut. Memang banyak. Peruntukan Parlimen banyak bagilah untuk rombongan.

■1310

Tapi dulu memang banyak peruntukan saya sendirilah untuk dibagi kepada mereka hendak pergi rombongan ke Langkawi, sekarang ni dah ia trend telah menurun dan mereka lebih prefer pergi ke Hatyai, Phuket. Jadi saya tanya juga JKR ni kenapa nak pergi sana? Dia cakap adalah lebih murah Dato', makan lagi senang lagi murah, itu cerita dia oranglah. Mungkin bila dia pergi seperti mana Naib Pengerusi terima tadilah, tempat tu lebih kurang sama juga tapi isunya mungkin kita kena explore dan mungkin LADA kena tengok isu inilah kenapa mereka faktor penarik dan penolak ini secara positiflah. Macam mana kita nak tackle

isu ni pasal ini yang berlakulah sebenarnya di lapangan. Saya khuatir jugalah, saya pun risau juga kenapa lebih suka nak pergi sebelah sana.

Jadi isunya satu lagi yang saya rasa LADA dan anak syarikat perlu *explore* ialah media. *I think* kena *spend* lah ni. Kena *spend* sedikit dan *allocate* kan sedikit peruntukan untuk media sahaja dan mesti ada saya rasa mungkin sudah ada pegawai media ya tapi perlu lebih agresif lagi media ini. Kerana ada produk semalam, lawatan-lawatan semalam yang saya dengar tengah macam *rain forest* semalam – ada yang baru jumpa semalam ... *rain forest*. Jadi saya tanya bila? Dah lama dah ni. Dah beberapa bulan *rain forest* ni dah bermula tapi medialah ... saya cakap tentang media, *is all about* media sekarang ni. Kita pun tahu, tuan-tuan dan puan-puan pun tahu, dia mungkin boleh di *explore* bab ni dan diberikan peruntukan yang sewajarnya bab media ini.

Pandangan makro saya semalam tentang lawatanlah. Pandangan saya ini secara *justify* dan saya *kolerasi* kan dengan statistik ini, saya tengok pelancong ramai daripada China dan India pelancong *your state shows that* tetapi saya tengok notifikasi tentang bahasa-bahasa mereka ini amat berkurangan. Bila kita pergi mana-mana, kita tengok ada bahasa Melayu, kita pun rasa *sense* itu apa, ada skillah kan. Jadi mereka ni nombor satu tadi China dan India.

Kalau bolehlah mungkin di tempat-tempat yang strategik ini yang kita boleh jual ini mungkin kita boleh buat penerangan dan mungkin sedikit penerangan berkaitan dengan perkara yang kita nak jual contohnya bab batulah Dr. Batu ya. Batu penerangan tadi. penerangan semalam bagus, sangat baik. saya sangat sokong, seronok saya tapi lokasi tempat penerangan itu *is quite remote is it?* Macam tak strategik. Setuju tak dengan saya ini? Makna dapatan-dapatan semalam, saya ingat *very* terkebelakang dan saya tengok penerangan itu ialah mungkin ada juga mungkin *foreigners* yang *fluent* dalam bahasa Inggeris itu okey tapi contohnya *if we go to China* dia tak faham ni, mesti ada saya rasalah mesti ada *translator* daripada kaum orang Cina dan sebagainya yang ada *availability to speak Mandarin well* dan saya rasa ini secara makronya tolol ambil pandangan inilah pasal kita pergi mana-mana pun kalau ada *explanation* serba sedikit dalam bahasa kita, kita pun rasa seronoklah. Jadi itulah perkara yang saya rasa secara makro dan mungkin banyak lagilah yang boleh – mungkin boleh dilihat oleh LADA dan anak-anak syarikat kita. Terima kasih MOF dan juga LADA, terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, yang nak respons.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Nak sikit, boleh?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau cakap tak boleh, tak boleh juga kan? Bolehlah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kena bagi boleh. Terima kasih Dato' Wira Pengerusi, saya ingat tak mahu cakap lah tapi kita ingat semangat kuat lagi. Saya seronok dengan CEO LADA yang baru ni *pasai dia very forceful – very forceful*. Dia *very forceful, very committed* cara dia jawab tu *something that bagus for – I think very good team now*. Tapi saya nak tanya berapa perkara. Satu, kali ini saya *mai tak jumpa orang Arab*, kalau dulu ramai orang Arab. Saya dimaklumkan bahawa orang Arab ni pergi Vietnam pula dah, sama yang *you cerita semua lari pergi Vietnam*. Kalau nak kira kita lah negara Islam, kalau cerita fasal halal, kitalah terbaik dalam dunia kenapa kena ada pergi Vietnam? *That must be something wrong*.

Okey, kita kata ramai orang Cina datang, orang India datang *but we cannot full all in one basket, one day orang China kata dia pergi tempat lain, hah kita kacau mal cari siapa pula? ... because of VOA, visa on arrival. So, I think there must be strategic plan for to bring back people from Middle East tu datang ke sini. So selepas ni, dengan teksi driver pun depa minta kurang, dia orang bertengkar dengan teksi driver tapi tak apalah kita dapat duit, depa pun banyak duit, orang Arab ah. Itu pertama.*

Kemudian, saya daripada dulu ... tapi saya ingat ada *improvement*. Orang selalu complain bila datang Langkawi ini berbanding dengan kata *pi Phuket*, tak da sangat aktiviti malam. Bukan aktiviti malam *pi minum, pi joget ... pi kenco-kenco* ni tapi aktiviti malam untuk *family. Dream forest is a good start Dato' CEO, is a good start and we should have much more* sebab itu saya cakap Dato' CEO semalam *maybe dia dah pergi tapi saya dah pergi sekali*. Di Singapura *such a small island*, dia boleh ada zoo malam *then kita naik kereta api tu see tengok binatang-binatang ni dengan lighting*, siang tak dak. So, Langkawi has got plenty of land to do *all this and that will really attract family visitor to come here because ada aktiviti malam, kalau tidak lepas makan malam tu balik, emm tidoq lah kat hotel, tak ada apa aktiviti. I think that is something that we must really think about how to go about get more activities malam ni. Maybe zoo is one of them as example*.

Kemudian saya tengok *this is not just Langkawi, the whole country*. Kita problem with tourist guide yang betul-betul well versed dengan tempat itu. Bukan cakap merapu ni. Saya *pi Australia* dulu *first daripada airport, this happen to be this Australian* ni dia asal Malaysia ... *daripada airport sampai hotel first tu tak berhenti bercakap*. Dia ni *three in one kan?* Dia buat semua. Dia bawa kereta, dia pun cakap hah ini *this is the building build in what year, what this historical significant on this one, all the way*. Kita ni ... naik bas daripada *airport* ke hotel, lena habis dah, tak da siapa bercakap, *driver* pun senyap, yang belah *driver* pun senyap. *Betui tak? So, this is something kita kena think about*.

Tourist guard ini jangan bagi depa cakap ikut suka depa. Depa cerita sejarah kadang tak *betui* punya sejarah. Kita kena ada teks. Teks yang kita Langkawi yang ni, ... cerita-cerita

hang macam di Melaka. Macam-macam *dепа* cerita, sejarah pun *dепа* ubah *tourist guard* ni. So, we have to keep a text this is what you should do. You nak translate in to Mandarin, good macam seorang kita cakap tadi kan, good.

Tetapi teks tu kena ikut kita punya. Dia tak boleh *dok* melilau kata cerita sejarah konon lagu nilah, I think this is something good that attract more visitor to come to Malaysia. We must have a good, effective tourist guide who can talk in many languages and boleh translate macam kata tadi kan kalau orang China datang kita *dok* pi dia bawa dia pun tak tahu apa benda, ada *translator* untuk *Mandarin* ya. So, like wise like kita *pi* China ada seorang bawa kita, dia bawa kita dalam bahasa Inggeris. That must be done properly ya, tempat lain kita tak usah kira, Langkawi ini that we should make more long this line. Terima kasih Dato' Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Banyak ni, saya nampak dia orang ni segar bugar boleh cerita pasal *tourism* di Langkawi. I think yang tu mungkin tak payah respons, mungkin boleh bagi secara bertulis dalam maklumat tambahan nanti dan terima kasih kepada semua yang bagi cadangan sebentar tadi untuk LADA. Tambah baik dan juga sebagaimana yang telah pun dimaklumkan banyak juga idea-idea baru yang telah dilontarkan oleh Ahli Parlimen. Seterusnya kita pergi kepada syor yang kelima. Terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Ya, kita terus kepada syor yang terakhir iaitu syor lima. Syor lima berbunyi MOF perlu lebih efektif dalam memantau dan mengawal selia syarikat-syarikat MKD supaya tidak berlaku kecuaian yang boleh menjelaskan kepentingan kerajaan. MOF juga perlu sentiasa memastikan syarikat-syarikat MKD mampu menjana keuntungan dan berfungsi selaras dengan asas penubuhan syarikat. Bagi syor ini, MOF mengambil perhatian dan menyambut baik syor yang kemukakan bagi tujuan ini sebelum kami pergi kepada apa tindakan MOF telah laksanakan bagi menyambut saranan daripada PAC, terlebih dahulu ingin dimaklumkan bahawa bagi pegangan MOF dalam syarikat-syarikat yang dilabelkan sebagai syarikat MKD, ia adalah terdapat fokus yang tertentulah, mandat yang diambil oleh MOF bagi setiap syarikat yang kita memegang saham tersebut antaranya syarikat-syarikat yang bergiat ataupun fokus kepada penyediaan khidmat sosial kepada rakyat, syarikat-syarikat yang terlibat dalam *infrastructure*, pengangkutan dan sebagainya dan juga syarikat yang berfungsi kepada menjaga kepentingan kerajaan dan dalam sektor yang strategik.

■1320

Untuk makluman MKD MOF melalui MKD menemberang saham dari syarikat-syarikat yang berdasarkan fungsi ataupun *strategic matters* terutamanya fokus kepada penyediaan infrastruktur yang mana syarikat-syarikat ini kebanyakan jika kita biarkan kepada komersial

tidak akan mampu dilaksanakan oleh pihak komersial sebab ia tidak memberikan pulangan yang baik.

Bertitik tolak daripada saranan daripada PAC, MOF telah mengambil inisiatif tambahan iaitu di dalam sektor di dalam item tadbir urus dan tata kelola dimaklumkan pada tahun ini juga kami telah memulakan satu inisiatif iaitu menggubal satu bentuk akta yang baru bagi mengawal *State Owned Enterprise* yang mana saranan ini bertitik tolak juga daripada saranan daripada laporan-laporan daripada LKAN, laporan daripada PAC dan juga daripada saranan-saranan daripada pihak-pihak yang lain. Jadi bersama-sama SPRM dan juga integriti kami telah memulakan *kick-off*.

Sebenarnya telah pun dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Tata Kelola yang dipengerusikan oleh PM yang mana kita akan – dah mula pun akan membentuk satu draf akta dulu bagi mengawal selia dari segi tata kelola *State Owned Enterprise*. Bila sebut *State Owned Enterprise* *it is very general* punya meaning, *it covers* juga syarikat-syarikat MKD. Sebab bila kata tentang syarikat-syarikat MKD ini sebab semua syarikat ini ditubuhkan di bawah *Companies Act*. Di bawah *Companies Act* lepas itu di bawah MNA dan AA bagi setiap syarikat. Telah adapun dalam bentuk orang kata *obligations*. Tetapi untuk memantapkan lagi dari aspek tata kelola ini adalah beberapa langkah tambahan yang kita tengah buat. Insya-Allah perkara ini satu – akta ini akan melalui orang kata [...] punya proses. Sekarang ini kami *buy out* dulu, *buy out* dulu daripada kementerian-kementerian sebab bila cakap tentang syarikat dan juga *State Owned Enterprise* tidak semuanya jatuh di bawah MOF, melibatkan kementerian-kementerian juga.

Di samping itu, di bawah MOF sendiri kami telah pun memulakan satu tindakan bagi transformasi syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan bagaimana untuk kita melihat – sebenarnya kalau kita tengok tentang transformasi, GLC telah pun ada transformasi yang kedua pada lima tahun yang lepas kita akan melihat balik transformasi pada fasa yang seterusnya. Yang ini antara langkah-langkah tambahan ataupun penambahbaikan yang telah, sedang diambil, sedang diambil.

Seterusnya lebih kepada pemantauan di pihak bahagian di MOF sendiri untuk memantau syarikat-syarikat kerajaan ini. Kami mempunyai satu *Standard Operating Procedure* bagi menilai setiap syarikat itu tidak bergantung kepada penyata kewangan sahaja. Penyata kewangan *is directly on profit and loss*. Sebab ingin dinyatakan bahawa syarikat-syarikat MKD tidak semua syarikat ini mencatatkan keuntungan sebab bagi syarikat-syarikat yang menumpukan kepada penyediaan infrastruktur pengangkutan dia tidak akan dapat mencatatkan keuntungan dalam masa yang terdekat. Jadi dalam setiap tahun kita akan mengadakan satu analisis KPI terhadap tiga syarikat yang mana analisis KPI ini dapat bagi

trigger point suku tahun pertama, kedua, ketiga dan keempat untuk bagi kita *trigger point* dan untuk melihat sejauh mana syarikat itu berjalan mengikut mandat yang disediakan.

Selain daripada itu, dari semasa ke semasa MOF juga bersama-sama dengan pihak-pihak syarikat mengadakan beberapa siri *what we call* sesi rundingan terutama sekali bagi syarikat-syarikat yang kita kata hampir-hampir – yang dibangkitkan dalam LKAN dan juga PAC untuk kita beri perhatian lebih khusus.

Yang Berhormat itu sahaja untuk saya maklumkan dalam syor lima ini. Kami menyambut baik saranan dari pihak PAC itu bahagian kedua itu antara rangka tambahan yang lebih holistiklah. Kalau kita hendak pergi kepada syarikat satu-satu *it takes more time* not orang kata tidak begitu *economical* jadi baik kita melangkah lebih holistiklah. Antaranya adalah yang saya kata tadi pembentukan satu draf akta untuk mengawal *State Owned Enterprise* yang ada di bawah kerajaan Persekutuan. Itu sahaja Yang Berhormat sor kelima.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk Shah. Saya nampak Bayan Baru ada nak tanya soalan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya bukan hendak bagi pertanyaan. Saya nampak bahawa dengan kesedaran dan juga perancangan yang lebih rapi daripada yang *presentation* ini saya lebih yakinlah tentang bahawa MOF ini lebih serius untuk mengawal dan juga mengawal selia GLC-GLC kitalah. Saya mengucapkan tahniah kepada MOF sebab sepanjang PAC berfungsi kita tahu bahawa setiap tahun mesti ada kes yang datang ke sini. Dia tak henti-henti. Dia tidak kira kerajaan mana pun dia akan datang. Salah satu adalah sebab *business* ini dia *evolving*. mula-mula kita berniat baik tetapi along *the way something wrong* dan *out of government controls* dan akhirnya dia datang ke PAC. Okey.

Saya pun *take note* bahawa kerajaan, memang tanggungjawab kerajaan is to *stimulate economy* dan *we have to get involve into business at certain point* juga ya. Itu sebab kita tubuhkan LADA, kita tubuhkan GLC untuk menjalankan projek-projek yang *for the sake of the country* ya dan itu saya tidak pertikaikan. Cuma sekarang kita terlalu banyak GLC, terlalu banyak syarikat-syarikat yang memberi masalah kepada kerajaan di mana banyak resources yang kita bagi kepada *you know* dari segi tanah daripada geran, kepada *loan*, kepada pelbagai resources yang kita bagi tetapi dia tidak memulangkan kepada rakyat kita.

Itu yang saya khuatir sebab saya nampak bawah *too much resources given, the money is made by the super-rich or the [...] company who JV with us* tetapi akhirnya dia tidak *translate* kepada rakyat jelata. *That is why they are not happy; ya they are not happy.*

I think I don't have the answer juga. Saya rasa di sini pun MOF pun *don't has the answer and this is evolving. We are doing a battle everyday* ya. *We are doing a battle to form and to look into pelbagai syarikat. I know it is not easy* daripada TKSP dan juga SUB-SUB.

This is not an easy job. I understand that. Dengan ini saya ucapkan terima kasih sahajalah kepada semua bertungkus-lumus untuk memastikan GLC kita pada landasan yang betul. Terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Saya respons sedikitlah. Kami mengambil peringatanlah daripada semua syor-syor. saya ucapkan terima kasih juga kepada YB. Sebenarnya kami pun tak nak juga projek-projek, itu ini masuk PAC, even tidak nak juga masuk LKAN. Tapi *at the same time if* masuk, keluar baris dia akan jadi satu *lesson learnt* untuk projek-projek seumpamanya. Contohnya tanah-tanah tidak boleh dipajakkan. Itu yang lebih atau *lesson learnt for us*. Contohnya mana-mana yang terlibat dalam PAC contoh LCS dan sebagainya *this will be a huge lesson learnt for us*.

Sama juga YB kami tidak ada jawapan yang fokus ke arah untuk menyelesaikan isu-isu tersebut. Tapi *at every time* kami pay attention kepada kesemua pelaksanaan pematuhan projek-projek especially pelaksanaan ataupun pengurusan badan-badan berkanun dan juga syarikat-syarikat kerajaan. Itu sahaja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Alright.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, saya juga hendak tanya tentang LKAN - sorry-sorry LADA. LADA *actually to me despite the various* isu yang kita terpaksa PAC *look into*, ia adalah satu agensi yang amat baiklah sebab dia *very focus, they are posting from – [...] from zero to something that is international standard which I think we recognize that*.

Saya hendak tanya TKSP Datuk Dr. Shahrazat, apakah kita ada program-program untuk *certain places* lain? Contohnya dekat Sabah to tubuhkan *certain* agensi LADA untuk *boost up the tourism which I think we might have to think about it. Of course*, saya pun ada permintaan *for Malaysia home state*, Penang kalau boleh juga. *But of course*, kita hendak tahu ada *trade off* dengan Exco, dengan kerajaan negeri dan sebagainya. Adakah modul ini akan diguna pakai untuk [...] specific untuk *certain* – untuk *boost up tourism*. Terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Ok, saya jawab secara *general* dulu.

■1330

Untuk isu ataupun inisiatif kerajaan dalam orang kata meningkatkan pembangunan di negeri-negeri kita ada pelbagai pihak yang berkaitan. Kalau kita lihat daripada kerajaan negeri, kita *start* dengan kerajaan negeri ya. Kalau kerajaan negeri ada dia punya orang kata di bawah- *No, start* kita mula dengan PBT lah. Dia ada peranan masing-masing untuk membangunkan *development* daerah masing-masing.

Bila kita bawa satu peringkat Kerajaan Persekutuan, kita ada dua lagi peringkat iaitu kita ada koridor, koridor yang mana koridor ini berperanan juga melalui dia punya area

masing-masing. Kita ada NCER, kita ada NCIA, kita ada Iskandar dan di Sabah dan Sarawak kita ada saya tak ingat nama dia.

Seorang Ahli: RECODA.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Kita ada agensi-agensi yang ditubuhkan khusus. Akan tetapi ini adalah agensi yang ditubuhkan khusus untuk pembangunan, untuk menarik pelaburan baru tetapi termasuk juga pelancongan. Akan tetapi uniknya di LADA ini dia ada kalau tengok LADA ini dia *very unique* di dalam Langkawi ini dia ada tiga bentuk agensi. Satu Federal adalah LADA, dua lagi di bawah kerajaan negeri iaitu pejabat daerah dan juga Majlis Perbandaran dan Pelancongan. Jadi *this is special about Langkawilah*.

Akan tetapi kalau kita kata sama ada *replicate* tempat lain saya tidak ada jawapanlah sama ada setup ini dia akan di *replicate* tempat lain. Akan tetapi bila kata inisiatif untuk membangunkan wilayah-wilayah yang ada kita ada KEJORA, kita KETENGAH dan atas daripada itu kita ada lagi yang koridor tadi termasuk di Sabah dan Sarawak. Itu antara inisiatif yang kita ada buat masa ini Yang Berhormat.

Kalau kita tengok di sebelah selatanlah, Iskandar Malaysia, Iskandar Malaysia fokus kepada Johor kan. Akan tetapi dia amat fokus untuk menarik pelaburan dan juga beberapa aktiviti yang lain. NCER, NCER saya rasa dia terlibat dengan infra dan juga pembangunan juga. NCIA, NCA cover Pulau Pinang Yang Berhormat. Cover Pulau Pinang sebahagian daripada Kedah, Perlis, Chuping, wilayah Chuping. Kedah daripada Bukit Kayu Hitam, Pulau Pinang dan juga...

Seorang Ahli: Perak, Perak.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: ...Dan Perak, ya. Itu yang saya boleh maklumkan buat masa ini dari segi usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan secara fokuslah wilayah-wilayah yang berkaitan. Akan tetapi sama ada *structure* Langkawi ini ada di *replicate* tempat lain saya tidak ada jawapanlah. Akan tetapi ini satu yang unik tentang Langkawi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Saya rasa *last question* daripada saya adalah kepada Dato' Haslina. *What is your vision in ten years' time for LADA* dan juga untuk Langkawi. Terima kasih.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)]: Terima kasih Yang Berhormat. Semalam pun Yang Berhormat ada tanya saya. Sebenarnya *vision, the vision* untuk menjadikan Langkawi itu sebagai satu destinasi pelancongan yang tadi selain daripada geopark itu. Bila sebut geopark ini *the whole island is the global geopark site*. So, our challenge yang ke depan ini adalah *to maintain* pulau dan jadi ke arah depan itu

saya ingin melihat Langkawi sebagai satu pulau yang ke depan dari segi green. So, *on the sustainability* lah.

Because kita memang selain daripada apa yang tertakluk di bawah geopark itu, bila kita tengok sustainability ini dia akan memberi satu pengaruh yang kuat kepada alam sekitar and what more Langkawi kita bawa konsep Langkawi kita bawa konsep Langkawi sebagai naturally Langkawi so perkara itu memang kita kena pegang dan bawa bersama-sama. Not only infra yang kita laksanakan towards that the sustainability tetapi komuniti juga kita bawa bersama di program tersebut. Thank you.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Terima kasih Datuk Shah selaku Timbalan KSP dan juga Dato' Haslina. Nampaknya dah lebih daripada waktu 1.34 petang dah, di atas jawapan-jawapan pun yang telah diberikan sama ada daripada kedua Datuk Shah dan juga Dato' Haslina dan juga semua pegawai yang terlibat dalam prosiding pada hari ini.

Jadi saya harap semua pihak dan juga Ahli PAC berpuas hati dan saya harap juga pihak KSP dan juga LADA dapat berikan maklumat-maklumat tambahan sebagaimana yang telah pun diminta dan juga ada juga dalam prosiding tadi ada yang katanya jawapan belum ada lagi dan akan semak semula. Diharap perkara-perkara itu juga dapat dimaklumkan dan serahkan kepada Sekretariat kami nanti. Jadi *[Disampuk]...*

Untuk makluman semua, laporan ini kita harap dapat bagikan dalam tempoh masa seminggu kerana kita akan siapkan laporan ini untuk dibentangkan di Parlimen pada persidangan kali ini dan dijangkakan akan dibentangkan pada 27 Jun nanti. Diharapkan pihak kita semua dapat inilah *furnish*, berikan semuanya pada Sekretariat PAC.

Untuk LADA saya yakin dan percaya kebolehan dan juga *leadership* Dato' Haslina yang mana memang berpengalaman dalam MOTAC dapat meneruskan dan juga memberikan satu sentuhan magis terutama sekali gandingan mantap dengan semua *team* yang ada di LADA dan juga *to promote more on geotourism*. Besar harapan PAC untuk melihat Langkawi ini bangkit semula dan mungkin dapat lebih daripada 3.9 juta sebagaimana yang telah pun berlaku pada tahun 2019, *insya-Allah*.

Untuk Datuk Shah, terima kasih sekali lagi atas komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada PAC dan saya yakin dan percaya Datuk Shah juga dengan *leadership* Datuk Shah juga dapat memacu kementerian KSP ini untuk membantu lebih baik lagi dengan kementerian-kementerian yang terbabit dan juga agensi semua. Untuk itu saya tangguhkan kita punya prosiding pada hari ini, pukul 1.36 petang, terima kasih banyak-banyak.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.36 petang]



**GAMBAR PROSIDING
PADA RABU, 12 JUN 2024**



























JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my